

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 17 MEI 2016 (SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
34	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.35 pagi.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.
Bacaan doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

Doa.

Setiausaha:

Soalan lisan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan saya soalan nombor 18.

No. 18. Apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam menghadapi kesan El-Nino terutamanya air bersih yang difahamkan hanya bertahan selama dua (2) bulan.

(a) Kesan terhadap harga barangan terutama harga sayur dan ikan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih YB. Permatang Berangan. YB. Permatang Berangan bertanya apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam menghadapi kesan El-Nino terutama air bersih yang difahamkan hanya bertahan selama dua bulan? Kedua, kesan terhadap harga barangan utama harga sayur dan ikan.

Dato' Yang di-Pertua, sejak suku ke empat (4) tahun yang lepas Kerajaan Negeri telah menyedari bahawa Super El-Nino akan sampai pada awal tahun ini. Y.A.B. Ketua Menteri sentiasa berpesan Pulau Pinang tidak boleh ada catuan air. Maka PBA telah melaksanakan pelbagai program dan mengambil pelbagai langkah bagi memastikan bekalan air bersih sentiasa mencukupi ketika musim kemarau ini. Inisiatif-inisiatif dan langkah-langkah yang telah diambil adalah termasuk:

- (1) Memastikan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Telok Bahang berada pada tahap setinggi mungkin. Pada akhir tahun yang lepas pada 1 Januari tahun ini kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Telok Bahang masing-masing adalah 89.3% dan juga 84.2%. Dato' Yang di-Pertua, tetapi pada masa terkini iaitu setakat 11 Mei 2016 Air Itam efektif kapasiti hanya 51.3% dan Telok Bahang 52.7% sahaja.
- (2) Mengoptimalkan simpanan empangan air Pulau Pinang dengan mengambil air paling minimum yang mungkin daripada empangan setiap hari agar Pulau Pinang mempunyai simpanan air empangan yang lebih daripada mencukupi untuk jangka masa lebih lama ketika musim panas dan kering ini.
- (3) Mempertingkatkan pengambilan air dari Sungai Muda untuk perawatan di loji rawatan air Sungai Dua iaitu LRA Loji Rawatan Air Sungai Dua.
- (4) Mempertingkatkan pengeluaran loji rawatan air di Sungai Dua untuk menghasilkan lebih banyak air terawat setiap hari. Sejak 2015 loji ini menghasilkan lebih kurang 900 juta liter air terawat setiap hari untuk memenuhi keperluan harian bekalan air di Pulau Pinang.
- (5) Mengepam air dari LRA Sungai Dua pada tekanan lebih tinggi agar mampu sampai di semua kawasan di Seberang Perai dan juga di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.
- (6) Mengelakkan pembaziran air dengan mempercepatkan kerja-kerja pembaikan paip pecah yang mungkin disebabkan oleh tekanan pengepaman yang lebih tinggi.
- (7) Sentiasa memantau paras air Sungai Muda yang merupakan sumber air mentah utama di Pulau Pinang. Jika terdapat sebarang kekurangan KeTTHA Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air akan meminta Kedah melepaskan air ke Sungai Muda seperti yang diperlukan oleh Pulau Pinang. Ini adalah merupakan salah satu persetujuan yang di capai dengan pihak KeTTHA yang sedang melaksanakan kerja-kerja pembesaran Empangan Mengkuang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Y.A.B. Ketua Menteri telah menulis surat kepada beberapa agensi atau Kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Sumber Asli dan Alam, Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan juga SPAN dan juga Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Sumber Air Negara. Susulan itu KeTHHA telah di minta untuk menyelaraskan pembekalan air mentah di negeri-negeri utara. Hasilnya satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan pada 26 April tahun ini oleh pihak KeTHHA. Salah satu keputusan yang di capai adalah penangguhan pembekalan air untuk pertanian di Selatan Kedah. Tindakan mengurangkan kadar pengeluaran air dari Empangan Beris dan Empangan Muda daripada 15 *cumecs* setiap empangan kepada 8 dan 7 *cumecs* juga dilakukan. Langkah ini akan dapat memanjangkan tempoh pembekalan air mentah dari Empangan Muda dan Empangan Beris. Jabatan Meteorologi Malaysia juga sedang giat melaksanakan aktiviti pembenihan hujan di kawasan-kawasan tadahan bagi meningkatkan kapasiti empangan-empangan.

Akhir sekali, mengenai kesan terhadap harga barangan seperti makanan, sayur, ikan dan sebagainya. Didapati bahawa akan menjadi lebih mahal. Kerajaan Negeri sentiasa peka kepada masalah kenaikan harga barangan pengguna yang disebabkan oleh faktor tersebut. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna yang diterajui oleh YB. Batu Maung telah mengambil langkah proaktif dengan menggerakkan kumpulan pemantau pengguna dan turun padang untuk membuat lawatan ke pasar-pasar awam dengan interaksi secara langsung dengan pengguna dan juga peniaga untuk mendapatkan input berkenaan. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Sebut Sungai Dua, saya akan tanya. Dato' Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan Yang Berhormat. Saya akan menyentuh sedikit dan mempersoalkan tentang air ke sawah. Dalam dua (2) minggu lepas, petani telah mengadakan demonstrasi ataupun piket secara aman di Empangan Rantau Panjang di Penaga berkaitan dengan isu Empangan PBA. Dalam situasi petani tertekan kerana tidak ada air, kurang air untuk menyediakan sawah yang telah tertanggung daripada bulan tiga (3) sehingga ke bulan lima (5). Mereka melihat baras ataupun Empangan PBA di Ampang Rantau Panjang melepaskan air yang begitu banyak ke laut, lebih kurang 3 *cumecs* dan jumlah tersebut boleh mengalirkan air ke sawah. Apa yang dipersoalkan di sini adalah berkaitan dengan baras itu, mohon satu tindakan daripada pihak PBA ataupun pihak Kerajaan Negeri. Mungkin tahun depan berlaku lagi kemarau yang semacam ini kita tidak tahu. Jadi mungkin boleh difikirkan satu (1) kaedah untuk, air itu memang saya faham perlu dialirkan ke laut kalau tidak ia pecah ia bukan pam saya faham penjelasan daripada Dato' Ir. Jaseni PBA tetapi bila keadaan demikian, air kurang dan sebagainya dan mungkin pelepasan air daripada Empangan Beris dan Muda terlalu banyak untuk disalurkan kepada sador dan sebagainya di kawasan Kulim, jadi ini mungkin menyebabkan air itu banyak mengalir ke laut.

Soalan saya, adakah pihak Kerajaan Negeri mengetahui tentang masalah ini? Saya rasa telah diketahui sebab telah adakan perbincangan dan adakah sebarang tindakan yang drastik yang jangka panjang yang boleh di buat untuk membantu petani yang juga penting kepada ekonomi ataupun membekalkan beras kepada makanan rakyat Pulau Pinang ini. Adakah satu cadangan yang drastik buat kajian ataupun panggil pihak SADA dan sebagainya berbincang untuk sama ada menurunkan paip masing-masing. Saya rasa perbincangan telah dibuat telah antara SADA, PBA, JPS dan keputusan mesyuarat itu tarikh saya tidak ingat meminta pihak PBA menaikkan baras. Keputusan itu tetapi tindakan tidak diambil oleh PBA. Ini yang kita minta penjelasan supaya petani yang minta saya sampaikan benda ini disampaikan dan dimasukkan dalam hansard untuk kita melihat tindakan daripada Kerajaan Negeri dan PBA untuk membantu petani. Kalau tidak boleh naikkan baras perlukan kajian buat kajian untuk kita *long term plan* ...(dengan izin). Kalau tidak boleh naikkan baras hendak buat cara lain turunkan pam perlu adakan tindakan yang segera supaya masalah ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat ada membangkitkan soalan mengenai meninggikan baras di Rantau Panjang. Dato' Yang di-Pertua, sekiranya saya menjawab buat masa ini maka soalan 43 yang dibangkitkan oleh YB. Sungai Dua akan di sebut pada esok atau lusa. Ini tertakluk kepada Dato' Yang di-Pertua, sama ada mahu menjawab soalan ini atau kita tunggu sehingga esok atau lusa.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak mengapa, jawab sekarang apabila sampai soalan itu saya akan langkau.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Akan digugurkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukan gugur, langkau.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. YB. Sungai Dua, memang Kerajaan Negeri faham dan ambil maklum mengenai tohmahan atau dakwaan bahawa Empangan Jajar di Rantau Panjang setiap hari ada air melimpah. Ini kepada orang-orang mungkin dia kata mengapa di sini akan menghadkan pengepaman air untuk digunakan oleh petani tapi di sini pula anda melepaskan air ini begitu sahaja untuk pergi ke laut.

Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat ada bertanya ada bertanya mengenai hal ini dan Yang Berhormat sendiri pun ada menjawab bahawa implikasi meninggikan baras di Ampang Jajar. Bagi saya jawab secara rasmi. Yang Berhormat pada tahun 2005, Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) telah membina Empangan Jajar baru yang lebih tinggi sedikit. Ia ada dua di sana baras ada satu yang lama yang telah diguna untuk 43 tahun dan satu yang dibina buat sebelas tahun yang lalu. Objektif utama bagi pembinaan Ampang Jajar baru adalah untuk mengatasi masalah banjir di Seberang Perai Utara dan juga Selatan Kedah. Di mana banjir besar pernah berlaku pada tahun 1996 dan juga pada tahun 2000. Limpahan yang berlaku di Ampang Jajar ini adalah proses biasa yang berlaku apabila terdapat lebih aliran air sungai. Pertambahan aliran air sungai Muda boleh terjadi apabila berlaku hujan di bahagian ulu sungai ataupun bila terdapat pelepasan air dari Empangan Muda dan limpahan yang berlaku baru-baru ini adalah disebabkan pelepasan air dari empangan kerana terdapat permintaan untuk lebih air yang datang daripada SADA seperti yang Yang Berhormat tadi kata. Bagi memenuhi permintaan air di Selatan Kedah pada masa tersebut kadar pelepasan dari Empangan Muda adalah 15 cumeecs dan Empangan Beris 15 cumeecs. Bagi menangani isu kekurangan air secara bersama Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang telah memohon kepada agensi Persekutuan supaya membuat penyelarasan. Dalam satu mesyuarat pelan penyelaras oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA) pada 27 April tahun ini, telah dipersetujui supaya pelepasan air dari empangan ditetapkan pada kadar Empangan Muda iaitu 7 cumeecs dan Empangan Beris 8 cumeecs. Aktiviti pengairan untuk menanam padi di Selatan Kedah dan Seberang Perai Utara ditangguhkan. Tindakan ini bertujuan untuk memanjangkan lagi tempoh penyimpanan air di empangan dan di harap dapat lebih bertahan lama bagi menghadapi krisis El-Nino yang dihadapi sekarang. Dengan tindakan ini juga diharapkan akan mengurangkan limpahan air di Ampang Jajar. Cadangan untuk menaikkan aras Ampang Jajar ini adalah merupakan satu penyelesaian jangka panjang dan terdapat beberapa faktor perlu dipertimbangkan secara serius sebelum cadangan ini dilaksanakan.

Satu, satu kajian kejuruteraan yang wajar dan *comprehensive* perlu dijalankan dan perlu mengambil kira impak ke atas keseluruhan lembangan Sungai Muda. Ini kerana jika tidak dilakukan dengan betul ia boleh merosakkan struktur dan menyebabkan banjir di hulu Ampang Jajar ini. JPS, Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MARDA) hendaklah juga dirujuk kerana mereka juga terlibat secara keseluruhan dalam skim Sungai Muda ini. Yang Berhormat minta satu kajian keseluruhan dijalankan. Jadi ini apa yang kita minta.

Ketiga, Ampang Jajar ini sememangnya direkabentuk untuk membenarkan limpahan air apabila berlaku lebih air dari sungai ini. Keempat, pihak yang akan menanggung kos terbabit kerana ianya akan memberi kesan kepada keseluruhan Skim Sungai Muda. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil maklum mengenai isu ini dan telah memohon JPS untuk melihat balik keberkesanan Ampang Jajar ini dalam menangani isu bekalan air semasa kemarau. JPS Malaysia telah pun melantik pihak juru perunding di dalam RMKe-11 untuk mengkaji struktur sedia ada di sepanjang Sungai Muda dan hasil kajian akan dimaklumkan kelak.

Ampangan Jajar Rantau Panjang terdiri daripada dua (2) komponen. Komponen pertama dibina pada tahun 1973 dan sekarang diselenggara oleh PBA. Manakala komponen kedua dibina pada tahun 2005 dan sekarang diselenggara oleh JPS dan mendapat pengesahan oleh SIRIM. Pintu air komponen kedua boleh ditutup sepenuhnya manakala pintu air di bahagian komponen pertama direka bentuk supaya air boleh melimpah. Tiada kajian kestabilan yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, penyelenggaraan dan pemeriksaan struktur dijalankan secara berkala. Itu saja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan Sungai Dua. Bagi Sungai Dua dulu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Apa yang saya harapkan supaya, soalan saya adakah kajian ini mengambil masa yang lama? Saya rasa perlu penglibatan daripada semua agensi dan jabatan. Satu lagi, saya harap pihak Kerajaan Negeri dan juga PBA mengadakan satu perbincangan *win-win situation*(dengan izin) supaya pilihan yang kedua jangka pendek, pam-pam diturunkan di peringkat SADA dan JPS. Itu kena satu perbincangan dan buat keputusan. Saya akan panggil perbincangan saya akan uruskan. *Insyah-Allah*.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih. Dato' Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jawab tadi. Kajian keseluruhannya akan dilaksanakan dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan ini seperti biasa kalau satu-satu kajian keseluruhannya ia mungkin mengambil masa yang agak panjang sedikit. YB. Sungai Dua juga ada menjawab bahawa buat masa sekarang oleh kerana muka sauh atau tempat pengambilan air daripada SADA. Oleh kerana *logical situation* kepala *is the* pam itu ia lebih tinggi manakala di Rantau Panjang yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini lebih rendah. Kalau ia tidak lepas air dengan cukup maka *intake* di SADA akan tergantung. Kami tidak ada masalah, Pulau Pinang tidak ada masalah kerana kepala pam kita lebih dalam bawah ia takkan tergantung sebab itu untuk memenuhi paras pam di SADA maka ia perlu melepaskan lebih air supaya mencapai paras muka air yang cukup untuk dipam kepada Selatan Kedah itu. Ini ada masalah dan kami telah melalui PBA telah mencadangkan kepada SADA supaya seperti Yang Berhormat kata mereka perlu menurunkan kepala pam di SADA itu ke satu tahap yang munasabah supaya pelepasan air dari Empangan Muda dan Beris dapat dikurangkan dan ia tidak melimpah begitu saja. Itu apa yang sedang kita laksanakan.

Yang Berhormat daripada SPU semua sangat prihatin kepada masalah air ini dan buat masa sekarang mungkin semua orang pun telah berdoa kepada tuhan supaya hujan boleh turun dan juga dengan pembenihan *seed clouding* ada hujan tapi hujan kalau turun di tadahan air atau di ulu itu bagus. Kalau turun di bandar semua masuk longkang dan tidak boleh di simpan untuk digunakan. Jadi kita buat apa yang sepatutnya dan kita berdoa supaya kita tidak menghadapi kekurangan air. Sekian saja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ladies. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya tidak pasti sama ada soalan ini sudah ditanya tetapi saya hendak tanya pasal rumah pam PBA di Sungai Kulim yang berhampiran dengan Kampung Terus. Rumah pam PBA itu telah lama macam jadi gajah putih. Saya juga tanya JPS dan juga veterineri mengapa rumah pam PBA itu sebab air di Sungai Kulim itu banyak tapi rumah pam itu sepatutnya digunakan untuk air minum tapi tidak diambil disebabkan oleh 200 hektar penternakan khinzir di Kampung Selamat. Itu yang saya diberitahu. Jadi saya hendak tanya disebabkan semasa El-Nino berlaku kawasan yang mengeluarkan padi hanya yang saya diberitahu hanya di Penanti. Jadi disebabkan kawasan itu adalah kawasan padi yang agak besar saya hendak mohon jika rumah pam PBA itu ditukar menjadi untuk digunakan untuk JPS untuk pengairan sawah-sawah di situ sebab sekarang ini rumah pam itu memang jadi gajah putih. Rasanya PBA *spend* mungkin satu, dua juta untuk bina. Dengan itu juga, JPS juga akan melupuskan pintu air Ampang Jajar. Jadi kalau pintu air Ampang Jajar tidak digunakan, saya hendak mohon kepada Kerajaan Negeri jika pintu air tidak guna maknanya bolehkah buat *ice bridge* supaya nelayan-nelayan dari Kampung Terus dan mungkin juga dari Sungai Dua dapat keluar ke laut sebab air di situ memang banyak memang deras tapi rugi sebab tidak digunakan untuk air minum. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, sumber air kami ambil daripada Sungai Muda mengandungi 84%. Kita bergantung 84% air yang dibekalkan oleh Sungai Muda untuk kita rawat dan dibekal kepada seluruh Pulau Pinang untuk diguna dan air daripada Sungai Kulim yang mengalir kepada Sungai Perai dan juga ada satu *barrage* di Ampang Jajar, Permatang Pauh, memang kita tahu dan *station* pam di buka sauh di sentiasa di selenggara walaupun kita tak mengambil air mentah daripada Sungai Kulim untuk dirawat tetapi ini satu *contingency plan* dan *station* pam ini sentiasa diselenggara supaya ia berada dalam keadaan yang boleh berfungsi. Kita tidak membatalkan apa-apa itu dan buat masa sekarang, satu kajian sedang dilaksanakan oleh JPS untuk baik pulih *barrage* di Ampang Jajar, Permatang Pauh. Fungsi *barrage* ini adalah untuk mencegah air laut atau air masin daripada melimpah balik kepada ulu atau di Sungai Perai atau di Sungai Kulim dan sekiranya kita boleh pakai, kita nak juga pakai.

Juga satu perbincangan tidak rasmi ada dijalankan untuk berbincang dengan penternak-penternak sama ada mereka boleh dapat satu penyelesaian di mana mereka boleh dipindah ke satu kawasan yang lain supaya Sungai Perai ini boleh diguna tanpa was-was. Jadi ini adalah antara usaha-usaha yang sedang dijalankan tetapi kerajaan lebih menumpu kepada Sungai Perak Raw Water Intake, itu kita menjangka ia adalah satu rancangan yang jangka panjang untuk menghadapi kekurangan air di Pulau Pinang ini tetapi buat masa sekarang, belum ada satu persetujuan dicapai kerana Kerajaan Perak mereka mahu menjual air bersih kepada Pulau Pinang tetapi Pulau Pinang meminta supaya mereka membekal air mentah sahaja kepada kami dan kami akan merawat. Kalau kita membeli air bersih daripada Kerajaan Perak, harga air atau kadar air yang kita nikmati sekarang, 32 sen 1 meter cubic tidak akan berdaya. Kita kena jual lebih daripada itu kerana buat masa sekarang Pulau Pinang 1 meter cubic rawatan, kosnya adalah RM1.08, RM1.08 kita punya kos tetapi jual pada harga 32 sen sahaja. Kalau kita beli daripada Perak, mungkin ia akan melebihi daripada RM1. Sepanjang masa ini, rakyat Pulau Pinang akan mengalami satu harga yang lebih tinggi. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih. YB. Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya Ampang Jajar ini di dalam kawasan saya, kawasan Penaga dan saya sendiri melihat pembaziran air. Walaupun pada masa negara dan Negeri Pulau Pinang khususnya mengalami keadaan cuaca panas, kemarau dan ditambahkan lagi dengan fenomena *super El Nino*. Masalah yang dihadapi oleh petani ialah tidak dapat air yang cukup ataupun langsung untuk sawah-sawah mereka. Saya ingin bertanya kepada YB. Bagan Jermal, untuk meringankan beban petani-petani yang terlibat dalam kawasan jelapang padi Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai Utara, untuk meringankan beban mereka adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi bantuan kepada mereka yang terlibat untuk meringankan masalah kerugian dan juga kemungkinan walaupun air sekarang dah mengalir masuk, tetapi ada kawasan-kawasan yang saya rasa belum lagi mendapat sepenuhnya. Disebabkan kelewatan itu, maka akan berlaku penyakit kepada padi dan soalan saya adakah bantuan akan diberi kepada mereka? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, masalah untuk memberi ganti rugi atau *ex-gracia* kepada petani-petani yang terlibat kerana kekurangan air untuk menanam padi, ini adalah satu soalan yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan Pusat kerana sekiranya katalah Pulau Pinang mampu memberi apa-apa jua pun *ex-gracia*, bagaimana pula petani-petani di Kedah, bagaimana pula petani-petani di sebelah Kerian? Jadi ini bukan satu masalah yang boleh diselesaikan oleh Kerajaan Pulau Pinang sahaja. Namun suatu masa dahulu, penyakit-penyakit pokok pisang telah melanda dan ada petani-petani meminta melalui EXCO Pertanian untuk memberi pampasan, tapi kita ambil kira sekiranya ini jadi satu *precedent*, maka apa-apa jua pun penyakit yang serang produk pertanian, maka ia akan menjadi satu masalah yang mungkin perlu ditanggung oleh kerajaan sepanjang masa ini. Oleh itu, kita kena kaji lebih mendalam dan kalau boleh, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pertanian, merekalah agensi yang sepatutnya mengendalikan projek ini. Itu sahaja.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya, dipersilakan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Soalan saya, soalan no.19.

- No. 19. Masalah projek terowong dasar laut masih belum selesai, kini timbul pula projek baru iaitu Projek Pembinaan Pulau Jadian di selatan Pulau Pinang. Kedua-dua projek adalah untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Antara kedua-dua projek ini, yang mana satukah yang paling diberi perhatian untuk dimajukan terlebih dahulu? Dan kenapakah ianya menjadi keutamaan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada YB. Bayan Lepas. Yang Berhormat menanya masalah Projek Terowong Dasar Laut masih belum selesai, kini timbul pula projek baru iaitu Projek Pembinaan Pulau Jadian di selatan Pulau Pinang. Kedua-dua projek ini adalah untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Yang Berhormat tanya, antara kedua-dua projek ini, yang mana satukah yang paling diberi perhatian untuk dimajukan terlebih dahulu dan kenapakah ianya menjadi keutamaan? Ada dua pakej di sini. Satu, SRS yang hendak membina LRT supaya kita boleh menyelesaikan kesesakan lalu lintas. Satu pakej adalah oleh Consortium Zenith BUCG. Jadi ada dua (2) *major project* di sini. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, projek pembinaan jalan-jalan utama dan terowong *link* ketiga akan dilaksanakan oleh pihak Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. secara berperingkat mulai tahun 2016 hingga 2025. Manakala, Project Light Rail Transit (LRT) dan Pan Island Link pula akan dilaksanakan oleh Project Delivery Partner (PDP) iaitu SRS Consortium Sdn. Bhd. mulai tahun 2017 hingga 2023. Ke semua projek-projek ini telah dimuktamadkan di bawah Pelan Induk Pengangkutan Negeri. Ketiga-tiga buah pulau yang dicadangkan untuk ditebus guna di bahagian selatan Pulau Pinang merupakan modal pembayaran iaitu *financial model* bagi melaksanakan sebahagian besar daripada inisiatif di bawah PIP oleh SRS Consortium ini. Bagi projek pembinaan jalan-jalan utama dan projek terowong link ke-3 pula, tanah yang akan ditebus guna oleh pihak E&O seluas 110 ekar di Bandar Tanjong Pinang akan diberi milik kepada pihak Consortium sebagai kaedah pembiayaan projek. Sehubungan itu, kedua-dua komponen projek akan dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang tersendiri seperti mana yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat, kalau mahu betul-betul kata yang mana diberi peruntukan, maka projek 3 buah jalan utama tidak termasuk terowong-terowong itu kita tinggal nanti ya. Tiga (3) buah projek utama iaitu dari The Light atau Jalan Tun Dr. Lim Chong Eu pergi ke Bandar Ayer Itam, itu satu pakej. Kedua, dari Tanjong Bunga pergi ke Teluk Bahang, itu yang kedua. Satu lagi daripada Jalan Pangkor atau Gurney Drive, masuk Jalan Perak, masuk Jalan Sungai Pinang dan sambung ke Jalan Tun Dr. Lim Chong Eu. Ini tiga (3) jalan utama. Projek tiga (3) buah jalan utama, kajian kemungkinan, reka bentuk terperinci telah siap sepenuhnya dan boleh dimula kerja secara fizikal. Sebenarnya dalam jadual yang asal, dalam RFP, telah dimaktubkan bahawa Pakej 2 iaitu daripada Jalan Tun Dr. Lim Chong Eu pergi ke Jalan Ayer Itam, itu boleh dimulakan pada bulan Jun 2016 ini iaitu bulan depan. Jadi, kalau kata mana satu (1) yang kita nak *start* dulu, ini boleh *start* tapi yang selang satu (1) tahun, baru kita nak *start* yang Tanjong Bunga pergi ke Teluk Bahang dan selang satu tahun baru *start* dari Gurney Drive ke Jalan Tun. Dr. Lim Chong Eu. Mengapa kita tak boleh buat sekaligus? Kerana tanah masih belum wujud dan kalau mereka melabur sekian banyak tapi kita tak mampu bayar, tak boleh ikut jadual untuk menyerahkan tanah untuk mereka, maka ia tidak *feasible*. Sebab itu kita menjadualkan supaya tahun ini mungkin kita boleh mulakan dengan satu kerja dulu selepas satu (1) tahun lagi satu, selang satu (1) tahun satu lagi. Satu projek itu akan mengambil masa tiga (3) tahun untuk disiapkan.

Manakala SRS itu masih perlu menunggu seperti yang selalu di jawab oleh Yang Berhormat daripada Padang Kota. Pelan untuk melulus Kerajaan Pusat, ia belum ada *final* lagi. Kena tunggu kelulusan lepas baru boleh jalankan kajian terperinci dan sebagainya. Itu sahaja Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Soalan tambahan. Sejauh ini berapakah bayaran yang telah dibuat kepada pihak Zenith untuk menjalankan kerja-kerja yang dikatakan telah pun boleh dimulakan pada 2016 dan apakah bentuk kerja yang telah dilaksanakan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, dalam perjanjian RFP dan juga perjanjian permulaan, Kerajaan telah bersetuju untuk Consortium Zenith BUCG ini untuk menjalankan kajian *feasibility studies* dan juga rekabentuk terperinci. Dalam hal tiga-tiga *major project* jalan ini, ia tidak memerlukan DEIA, cuma EIA yang memadai. Iaitu Primary Environment Impact Assessment sahaja. Detailed Environment Impact

Assesment (DEIA) tidak perlu. Jadi, kerja-kerja *feasibility studies*, reka bentuk terperinci, sudah sempurna. Environment Impact Assessment (EIA) ini sudah mencapai lebih kurang 40% dan dijangka siap pada Jun ini. *Consultant* EIA ini digaji oleh Kerajaan Pulau Pinang secara langsung, secara terus. Ini tidak termasuk di dalam konsortium itu. Kerajaan Negeri sendiri melantik *Consultant* EIA ini untuk menjalankan tugas dan jumlah fi untuk Konsultan EIA ini ialah RM1.5 juta. Tetapi wang ini, atau fi ini akan dibayar oleh Kerajaan Negeri dan kemudian *reimbursed* atau tuntutan balik daripada konsortium ini iaitu dalam angka RM6.341 *billion*. *That's mean we engaged them direct then we reimbursed back to us*. Supaya ia jadi bebas. Tidak dipengaruhi oleh konsortium. Itu adalah kaedah yang dipakai sekarang. Mengenai jumlah yang telah dibayar, *feasibility study* dan reka bentuk terperinci untuk tiga (3) jalan ini jumlahnya mereka menuntut RM138 juta tetapi kita memberi milik tanah lot 702 itu dengan nilai RM135 juta. Makna masih kita hutang kepada konsortium ini lebih kurang RM3.0 juta lagi. Tetapi kerja mereka sudah sempurna. Itu sahaja Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hendak tanya, tanya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Terima kasih. Saya hendak tanya. Saya faham yang sekarang ini macam kita bayar kurang RM135 juta. RM135 juta ini adalah *basicnya* untuk *pre-EIA* tetapi *total* adalah RM135 juta *for the whole* kajian keberangkalian dan reka bentuk terperinci tetapi ini satu wang yang sangat besar dari segi walaupun macam Yang Berhormat Kawasan yang jawab itu?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bagan Jermal jawab maknanya macam kita bayar secara diskaun tetapi kalau kita *translate* dari kos projek ini maknanya ini adalah keseluruhan adalah 5.5% daripada RM6.3 *billion total project cost* termasuk *construction cost* dan juga kos pengambilan tanah. Adakah projek-projek di Pulau Pinang ini menggunakan peratusan yang cara pembayaran untuk kajian adalah menggunakan peratusan 5.5% ataupun kalau kita tengok banyak kerja-kerja kajian adalah berdasarkan kepada profesional fi, *man-hour*, *reimbursable cost* dan lain-lain dan kalau kita gunakan sebagai contohnya tadi Bagan Jermal sebut *even* kajian EIA hanya RM1.5 juta sahaja tetapi *pre-EIA* adalah sebanyak RM138.9 juta dan *total cost* adalah RM305 juta. Jadi saya hendak tanya kenapa terdapat perbezaan dan kenapa kaedah pembayaran sebegini digunakan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua. Masalah yang sama. Yang Berhormat daripada Penanti ada menyoal soalan lisan nombor 52. Beliau menanya kepada tiga (3) projek utama iaitu jalan utama mengenai *pre-EIA* dan EIA dan kenapa berdasarkan kepada 5.5% dan tidak mengambil *man-hour* atau kos *reimbursement* dan lain-lainnya. Yang Berhormat, sama ada saya boleh jawab untuk masa ini dan sekali lagi soalan yang bakal timbul itu tidak akan berbangkit. Tetapi ini mungkin tidak adil kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Mereka sedang menunggu giliran mereka.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh, boleh. Sila, sila.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Tuan Lim Hock Seng):

Baik. Yang Berhormat menanya mengenai fi 5.5% sama ada EIA itu satu angka yang boleh diterima. Yang Berhormat sebagai seorang Ahli PAC pun sudah dapat banyak maklumat mengenai projek ini, ada?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya ada buat soalan bertulis tetapi jawapan dia. Kenapa teks saya tidak dapat dalam PAC.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Bukan, saya kata Yang Berhormat seorang Ahli PAC. Dalam mesyuarat PAC perkara ini banyak dibangkit.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

I know tetapi jawapan saya tidak dapat dan kita pun, sebab itu PAC *report* tidak keluar-keluar lagi sebab dia macam ditunda, jawapan tidak dapat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Baik, baik. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat. Kos keseluruhan bagi projek pembinaan jalan-jalan utama dan terowong di Pulau Pinang adalah RM6.341 billion. Pecahan kos projek ini adalah RM305 juta bagi kajian kebolehlaksanaan, reka bentuk terperinci dan kajian impak alam sekitar. RM540 juta adalah bagi pembiayaan kos pengambilan balik tanah dan RM5.5 billion adalah kos pembinaan. Pembayaran 5.54% adalah berdasar kepada kos pembinaan. Kita tolak RM550 juta pengambilan tanah kerana itu tidak perlu ada rekabentuk terperinci dan juga kajian-kajian. Tetapi *land surveyor* perlulah Yang Berhormat dari Pulau Betong ialah *land surveyor*, dia tau. Ini bukan satu kerja yang senang. Kos RM5.54...(gandingan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Pembetulan Bagan Jermal. Saya bukan *land surveyor*, *quantity surveyor*.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Quantity surveyor? Okey, baik-baik. Terima kasih, terima kasih. Itu satu perlu mengadakan ilmu yang lebih lagi. Kos 5.54% ini adalah berpatutan sekiranya dibandingkan dengan fi-fi yang ditetapkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia, Pertubuhan Arkitek Malaysia, Lembaga Juruukur Malaysia, Perbendaharaan Malaysia serta pertubuhan-pertubuhan profesional lain dalam negeri dan antarabangsa. Kajian yang dijalankan juga meliputi pelbagai skop yang terdiri daripada pengurusan, kejuruteraan, lalu lintas, alam sekitar, sosial, hidrologi, juruteknik serta kepakaran khusus dalam bidang terowong dan kerja kejuruteraan di bawah dasar laut dan pantai. Kos 5.54% juga adalah termasuk kos imbuhan balik iaitu *reimbursable* di mana kos perjalanan, kos penginapan, kos mesyuarat, kos cetakan dan lain-lain kos berkaitan tidak akan dibayar kepada konsortium.

Pembayaran dalam bentuk pemberian tanah akan dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan kos yang dikemukakan semasa tawaran RFP oleh Zenith BUCG. Jadi Zenith BUCG telah mengemukakan tawaran terendah daripada lapan (8) tawaran yang diterima untuk dilaksanakan keseluruhan projek termasuk kajian-kajian. Tawaran terendah daripada konsortium seterusnya telah dirunding dan dikurangkan sebanyak lagi. Sekiranya bayaran dibuat berdasarkan fi profesional, *man-hour*, *reimbursable cost*, perbelanjaan, maka kos yang lebih tinggi perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri seperti yang dijelaskan di Lampiran 1 yang akan diletak di atas meja Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan ini. Dengan menetapkan kos kajian, pihak BUCG tidak boleh menuntut sebarang kos tambahan dan tidak akan berlaku ketidaktentuan kos bayaran untuk kajian. Di samping kos kajian-kajian, kos imbuhan balik iaitu *reimbursable* akan dibiayai sepenuhnya oleh konsortium. Fi untuk projek PDP Project LRT Line 1 oleh Syarikat MMC Gamuda adalah sebanyak 6% yang sedang dijalankan daripada keseluruhan kos pembinaan. Fi ini tidak termasuk, yang rakyat sampingan. Fi ini tidak termasuk kos-kos profesional yang lain yang terlibat dengan projek. Ianya juga tidak termasuk kos-kos imbuhan balik yang bakal dituntut oleh perunding-perunding profesional.

Sementara itu, fi bagi syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. bagi pelaksanaan projek Pan Borneo Highway pula mendapat fi antara 5% - 6% daripada jumlah keseluruhan kos projek. Ia tidak peduli sama ada ambil pengambilan balik tanah atau apa kos, semua merangkum sekali. Dia *charged between 5% - 6%*. Walhal di Pulau Pinang ini kita tolak apa yang kurang memerlukan kepakaran iaitu kos pengambilan balik tanah. Sepatutnya RM550 *million* tidak patut *dicharged* fi atas projek mereka ini. Fi ini tidak termasuk kos-kos pembayaran balik yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan apabila dituntut oleh syarikat-syarikat kelak. Begitu juga dengan Syarikat MRCA-George Kent bagi projek LRT Line 3 dengan kadar fi sebanyak 6% dari kos keseluruhan. Fi untuk *project management consultant* bagi projek-projek jalan utama dan terowong hanya 1.5% daripada keseluruhan kos projek dan ianya termasuk kos imbuhan balik. Justeru itu fi yang ditawarkan oleh konsortium adalah rendah dan munasabah dan kami sedang mengumpul lagi banyak-banyak data-data supaya kita boleh menjawab kepada JKR pusat di mana Yang Berhormat Menteri ada kata mereka ada kepakaran dan mungkin boleh mendapat fi yang lebih rendah tetapi apa yang kita kaji sekarang, projek-projek federal seperti yang

sedang dilakukan di tahun lepas ada tiga (3) projek. Di Batu Maung ada *flyover*, dari Batu Maung pergi ke Telok Kumbar satu (1) projek, dari Telok Kumbar datang ke *airport* ada satu (1) projek. Kita sedang kaji apa fi dia dan juga fi pelbagai di lain-lain negeri. Kita pasti daripada pertemuan awalan fi mereka dari 6% - 10%. Itu untuk *civil work* sahaja tidak termasuk EIA dan *feasibility study* dan lain-lain. Jadi 5.54% kita berani kata adalah antara yang berpatutan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Pasal fi Yang Berhormat, dalam kita membayar *fees* kepada perunding, dia ada *total fees* dengan *fees* yang dibayar mengikut skala. Contohnya kalau kita hendak buat lebuhraya, total 5% tetapi *fees* kerja awalan, *preliminary study* itu, dia 5% tetapi sebahagian kecil daripada keseluruhan *fees*. Jadi saya rasa itu mungkin yang dibangkitkan oleh Penanti. Walaupun 5.54% *for total fees* yang dibuktikan kata murah tetapi kerja-kerja yang terlibat di awalan itu mungkin tidak semestinya juga dibayar sebanyak 5.54%. Jadi itu yang dimaksudkan oleh Penanti.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat, 5.54% adalah keseluruhan. Apa-apa fi pun termasuk dalam 5.54% ini. Jadi *feasibility study* dan juga reka bentuk terperinci hanya 1.5% sahaja tolak daripada, ambil daripada 5.54%. Keseluruhannya, jangan salah faham. Keseluruhannya. Kita tidak bayar apa-apa yang lain-lain lagi. 5.54% sahaja Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan susulan, okey. Saya faham apa yang Bagan Jermal sebut tetapi ini adalah kajian *preliminary*, kajian awalan, maknanya, katakan EIA terowong tidak lulus, katakanlah, maknanya kita sudah bayar dan projek *City Of Dreams* itu telah jadi. Maknanya keseluruhan fi itu saya faham tetapi saya menyebut pada *pre* yang pembayaran RM138.9 juta untuk pemajuan projek *City of Dreams*. Itu yang saya nak tanya. Maknanya, katalah EIA, tak lulus kan pemotongan bukit untuk buat *highway* tiga jalan tu. Maknanya kita dah bayar *the total* kos pengurusan yang 5.54 peratus tu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat ada keliru sedikit. Saya kata di sini, fi atau kos untuk *feasibility study*, reka bentuk terperinci yang semua untuk empat (4) projek ini. Tiga (3) jalan utama dan satu (1) terowong adalah RM 305 juta. *City Of Dreams* itu *totally out*. Bukan kita punya projek. Itu adalah projek swasta. Di mana mereka akan membina projek ini atas tanah yang kita beri milik kepada mereka. Jangan campur aduk *City Of Dreams* ke dalam projek yang kita sedang bincangkan ini.

Jadi, apa yang kita bayar, *out of RM305 million*, kita hanya bayar RM135 juta untuk kerja-kerja *feasibility study* dan rekabentuk terperinci kepada tiga (3) buah jalan utama. *Feasibility study* atas terowong telah 80% siap. *Feasibility study* telah 80% siap, tetapi setakat sekarang konsortium masih belum menuntut apa-apa untuk fi kajian terowong ini dan Kerajaan Negeri pun tidak membayar apa-apa ke atas projek terowong ini lagi. Faham? Okey. Baik, itu saja.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya *just* nak tanya sebab bayaran RM 138.9 juta itu dibayar kepada *Ewing*. Dan *Ewing* sebagai pembayaran tebus tanah kan. Yang dibuat projek *City Of Dreams*. Sebab itu saya tanya. Maknanya pembayaran sudah dibuat walaupun...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Demi untuk tidak membazirkan masa kepada yang lain-lain dan juga EXCO yang sudah menjawab, saya jemput Yang Berhormat kita boleh minum kopi di luar dan saya akan tunjuk apa Yang Berhormat mahu. Yang Berhormat jangan campur aduk *City Of Dreams*. Dia itu satu (1) projek swasta seperti yang saya kata tadi satu (1) pemaju swasta yang akan memajukan Lot 702 yang diberi milik kepada Konsortium Zenith BUCG dengan kos bernilai RM135 juta yang tadi saya sebut. *That piece of land cost RM 135 million. They claim RM138 million, so we pay them on that price because we don't want to give cash.* Tak ada dalam perjanjian kita boleh bayar.

Jadi, baki wang itu kita tidak bayar dengan secara tunai. So, we *take that piece of land 1.5* untuk dia dan dia bagi kepada syarikat lain untuk dimajukan. Itu dia punya pasal. Kita bayar untuk kerja-kerja yang telah dilaksanakan. *Feasibility study* dan juga reka bentuk terperinci. Sekian saja Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Pinang.

Ahli kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 20.

No. 20. Sila nyatakan jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh TP1M Malaysia dan HAPPY! pada tahun 2016. Sila senaraikan butiran secara terperinci.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker dan YB. Sungai Pinang untuk soalan yang ke 20 iaitu "Sila nyatakan permohonan yang telah diluluskan oleh tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia dan HAPPY pada tahun 2016".

Malangnya, jawapan saya bagi tahun 2016 tiada permohonan peruntukan di bawah Skim Program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia ataupun TP1M dan HAPPY yang diluluskan untuk tahun 2016. Itu sahaja jawapan saya.

Ahli kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Datok Keramat. Maksudnya tak ada satu pun yang diluluskan pada awal tahun ini. Jadi, soalan tambahan saya. Berapakah jumlah permohonan untuk TP1M dan HAPPY sejak tahun 2012?

Yang kedua, berapakah yang telah diluluskan dan berapakah amaun yang akan diperuntukan oleh TP1M untuk semua projek yang telah dipohon? Lagi ialah adakah HAPPY! masih disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dengan izin Dato' Speaker, berkenaan isu soalan yang terakhir tadi. Saya mula dengan soalan yang ditanya terakhir tadi samada HAPPY masih wujud di negeri Pulau Pinang. Sememangnya, sememangnya HAPPY wujud sepertimana pun telah diumumkan di dalam Bajet 2016 yang diumumkan bulan Disember ataupun November tahun sudah dalam sidang Dewan Undangan Negeri di mana satu peruntukan sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan.

Jadi, itu bermaksud memang HAPPY ataupun *Housing Assistance Penang, Yes*. Memang masih wujud untuk 2016. Tetapi soalan sampingan yang perlu ditanya berkenaan sama ada wujudnya HAPPY untuk 2016 ialah sama ada masih wujudnya Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia. Kerana HAPPY ini bersandarkan Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia. Saya secara ringkas ingin ulangi prosedur permohonan di bawah kedua-dua tabung ini. Sebenarnya Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat untuk membantu projek-projek kos rendah dan kos sederhana rendah di dalam menangani masalah-masalah penyelenggaraan mereka untuk kos rendah sekiranya ada satu projek, 90% kos itu akan dibiayai oleh TP1M manakala untuk kos sederhana rendah, 70% akan dibiayai oleh TP1M dan baki 10% dan 30% di keseluruhan Malaysia perlu dibiayai oleh para penduduk projek perumahan tersebut.

Tapi untuk Negeri Pulau Pinang kita salah satu negeri yang unggul di Malaysia yang faham akan beban di atas bahu penduduk golongan pendapatan rendah ini di dalam projek-projek kos rendah dan kos sederhana rendah, ataupun sekarang projek rumah mampu milik *Type A* dan *Type B* ini dan kita wujudkan tabung HAPPY ini. Di mana 10% dan 30% yang perlu dibiayai oleh para penduduk. Kita ambil beban tersebut dan kita akan salurkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya keseluruhan projek itu dapat diteruskan. Mengapa saya tanya soalan sampingan yang perlu ditanya sama ada Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia wujud atau tidak. Ini adalah kerana Dato' Speaker, seperti mana saya nyatakan. Nyata di negeri Pulau Pinang HAPPY wujud. Pengumuman dibuat dalam Bajet. Ada RM3 juta diperuntukkan. Tapi, untuk TP1M, di dalam melancarkan Rancangan Malaysia Ke-11 tahun sudah oleh Perdana Menteri kita Datuk Seri Najib didapati bahawa dibawah tajuk penyelenggaraan perumahan, tidak disebut secara khusus bahawa Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia akan diteruskan. Tidak

disebut. Walhal apa yang disebut berkenaan penyelenggaraan adalah Kerajaan Pusat akan menerapkan kesedaran yang melebihi di dalam projek-projek perumahan kos rendah didalam bagaimana mereka dapat sendiri menyelenggara projek-projek perumahan mereka.

Ini berlainan dengan umpamanya PRIMA. Di mana PRIMA di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dalam pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri, dia secara khusus menyatakan PRIMA akan diteruskan dengan berapa sekian-sekian berapa unit yang akan dibina dan sebagainya dengan sekian peruntukan yang bakal diberikan dan sebagainya tetapi bukan Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia. Jadi, itu menjadi satu persoalan yang penting dan perlu dijawab terlebih dahulu. *Of Course* berkenaan ini untuk makluman YB. Sungai Pinang, saya sebenarnya selepas Rancangan Malaysia Ke-11 telah menulis surat kepada Kementerian, iaitu terus kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan ataupun ICU di Jabatan Perdana Menteri melalui surat bertarikh Jun dan September pada tahun tersebut untuk mengetahui secara khusus sama ada TP1M masih dapat diteruskan kerana ini penting sekiranya ia tidak diteruskan ia masih boleh bincang dan putuskan apa hendak dibuat dengan peruntukan HAPPY tersebut kerana ia tidak akan digunakan lagi. *It will become a wasted fund...*(dengan izin) Dato' Speaker. Tapi malangnya sehingga hari ini kita tidak diberikan satu jawapan secara rasmi walaupun pada bulan Oktober *I must say* Dato Speaker. Pada bulan Oktober, *19 of October to be specific. Last year.* Saya menerima satu surat daripada Timbalan Menteri Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu YB. Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique yang merujuk kepada surat saya dan yang dihantar kepada semua Exco Perumahan Negara Malaysia termasuk kita disini di mana secara khusus dia kata dia hendak buat satu mesyuarat untuk bincang dengan semua negeri bagaimana boleh kita lestarikan penyaluran peruntukan di bawah TP1M. Namun demikian, tarikh ditetapkan. *But unfortunately,* sebelum tarikh itu, ia telah ditangguhkan. Dan daripada tarikh tersebut sehingga hari ini tiada surat susulan untuk tetapkan tarikh baru untuk membincang.

Jadi, soalan saya dan surat saya berkenaan sama ada masih wujud ataupun tidak TP1M masih belum dijawab secara khusus. *That is number one.*

Number two, of course dari permulaannya tadi Sungai Pinang tanya berapakah permohonan? *Because Sungai Pinang's question was specific* Dato' Speaker. *She asked* 2016. 2016 menurut rekod kita memang tiada satu pun yang diluluskan. Cuma satu yang diberikan peruntukan adalah untuk permohonan tahun sudah. Bukan untuk permohonan baru. So, untuk menjawab soalan Sungai Pinang, berapakah permohonan yang sudah pun dimasukkan? Menurut rekod kita untuk kedua-dua bahagian pulau dan seberang kerana permohonan-permohonan ini melalui Pihak Berkuasa Tempatan. Kita menerima setakat rekod kita 144 permohonan Dato' Speaker. 144. Tetapi soalan seterusnya berapa banyak yang telah diluluskan daripada rekod kita masih 118 projek yang belum diluluskan iaitu bermaksud 26 sahaja yang diluluskan. Iaitu satu peratusan yang amat tidak memuaskan. 15% sahaja yang diluluskan daripada 144 permohonan yang dimasukkan.

Dan Dato' Speaker untuk makluman Dato' Speaker, permohonan-permohonan di bawah TP1M ini adalah permohonan untuk perkara-perkara yang kritikal. Seperti pendawaian, tangki rosak, lif dan sebagainya. Kritikal yang perlu ditangani dengan segera. Tidak boleh ada kelewatan. Dalam kes ini kita lihat 144 permohonan, cuma 26 sahaja yang diluluskan. Dan soalan terakhir tadi yang ditanya Sungai Pinang adalah berapa banyakkah peruntukan yang bakal diperuntukkan melalui TP1M untuk projek-projek yang masih belum diluluskan? Daripada kiraan kita, untuk baki 118 projek yang masih belum diluluskan, wang yang bakal disalurkan melalui TP1M itu ialah RM28 juta dan untuk mengakhiri, saya ingin menyatakan secara spesifik kita sedia di Negeri Pulau Pinang dengan HAPPY sekiranya Kerajaan Pusat dapat meluluskan baki-baki tersebut, kita ada satu dana yang berjumlah RM3 juta yang telah diperuntukkan melalui Bajet yang diumumkan Ketua Menteri kita. Itu saja. Sekian.

Ahli kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tadi Yang Berhormat dah sekaligus tanya tiga (3) hingga empat (4) soalan. Sila Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Dato Speaker, soalan saya soalan nombor 21.

No. 21. Mengapakah Perbadanan Pembangunan Pulau (PDC) memilih lot 14750 Mk. 13 Juru, Seberang Perai Tengah yang terletak dalam zon perumahan untuk tujuan pembangunan asrama pekerja warga asing?

Timbalan Ketua Menteri II :

Terima kasih YB. Bukit Tengah, pembelian Lot 14750 Mukim 13, Juru Seberang Perai Tengah (SPT) sebagai pembangunan asrama pekerja asing dibuat setelah menimbangkan beberapa faktor termasuk lokasi dan keadaan tapak tersebut. Lokasi tapak ini didapati sangat strategik iaitu berdekatan dengan kawasan-kawasan perindustrian sedia ada seperti Taman Perindustrian Bukit Minyak dan Taman Sains Bukit Minyak.

Dari segi persediaan tanah pula tanah ini merupakan satu-satu tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang masih belum dibangunkan di kawasan yang berdekatan dengan kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada. Di samping itu pembangunan asrama pekerja asing merupakan aktiviti yang berkaitan dengan pemurnian, penginapan, perumahan dan bukan merupakan satu pencanggahan dari segi perancangan pada ketika tapak tersebut dikenal pasti oleh PDC. Garis panduan yang tidak membenarkan aktiviti asrama pekerja asing dalam zon perumahan hanya dibuat kuasa selepas PDC membuat keputusan dalam memilih tapak ini. Walau bagaimanapun tapak yang terlibat telahpun dizonkan semula oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebagai kawasan zon perniagaan am yang membenarkan aktiviti asrama pekerja asing.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Soalan tambahan, saya difahamkan bahawa tender *request for proposal* untuk membangunkan asrama pekerja asing di lot tersebut dibuat sebanyak dua (2) kali dan kali pertama terdapat tiga (3) buah syarikat telah masuk tender, soalan saya ialah adakah mana-mana untuk tender pertama itu adakah mana-mana syarikat telah diawarkan tender tersebut. Saya juga difahamkan bahawa akhirnya tender kali pertama itu telah dibatalkan atas sebab syarat RFP berkaitan pegangan hak milik tidak dipatuhi, saya juga meminta penjelasan lanjut tentang alasan tersebut, sekian terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan Yang Berhormat adalah apakah proses tender untuk membangunkan asrama pekerja dan kenapa penender awal sama ada mereka ditawarkan. Jadi proses tender ini saya rasa maklumat terperinci ini saya belum memperolehi jawapan ini, saya rasa tidak menyentuh proses tender, so kita boleh bekalkan maklumat ini kemudian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

YB. Dato' Speaker, soalan saya no 22.

No. 22. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membina beberapa laluan LRT, Tram dan Monorail dengan kerjasama Konsortium SRS. Sila jelaskan sistem *feeder* yang akan membawa penduduk-penduduk kepada stesen-stesen LRT dan Monorail yang dirancang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih YB. Pulau Tikus atas soalan berhubung dengan sistem *feeder* semasa pengangkutan awam dilaksanakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini cadangan sistem *feeder* yang akan digunakan untuk menghubungkan penduduk atau penumpang dengan stesen-stesen *Light Rail Transit* (LRT) dan monorel masih belum dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri memandangkan jajaran-jajaran LRT dan monorel masih dalam pertimbangan SPAD. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan projek *delivery partner* masih dalam peringkat perbincangan untuk memuktamadkan sistem *feeder* yang bersesuaian yang akan menghubungkan *firstma* dan *lastma* kepada stesen-stesen yang akan dibina. Walau pun begitu saya difahamkan perbincangan adalah untuk menimbang perkhidmatan bas untuk menjadi sistem *feeder* bagi tujuan menghubungkan penumpang atau penduduk dari kawasan perumahan atau pejabat ke stesen-stesen dalam lingkungan jarak 3 kilometer *radius*, bagi memastikan terdapat sambungan atau *connectivity* jaringan sistem pengangkutan awam.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan tambahan, untuk penjelasan kepada saya, pada makluman saya perjanjian atau pun, bukan perjanjian rasmi, tapi apa-apa pemahaman antara SRS dengan Kerajaan Negeri adalah bahawa skop mereka tidak merangkumi sistem *feeder*, maksudnya skop mereka adalah untuk projek yang lebih besar atau pun laluan-laluan utama. Maka perancangan *feeder* ini adakah jadual perancangan telah pun digubal, siapakah yang bertanggungjawab dan termasuk juga penelitian sistem kepelbagaian sistem *feeder* iaitu selain daripada bas. Salah satu latar belakang soalan saya adalah kerana ini akan memberi impak kepada tapak yang diperlukan untuk stesen. Kekurangan sistem *feeder* atau pun jenis-jenis *feeder* yang ada akan mempengaruhi bilangan tempat letak kereta yang diperlukan di stesen dan tempat *drop off pick-up passenger* dan sebagainya, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Walaupun maksudnya, SRS Consortium tidak akan mengoperasikan sistem *feeder* apabila siapnya, tetapi di peringkat ini mereka perlu bertanggungjawab untuk merunding atau meneliti isu ini bersama dengan pengusaha perkhidmatan bas iaitu pada ketika ini prasarana dan Rapid Penang mereka perlu melakukan kerja-kerja ini walaupun pada peringkat operasi pengoperasian mungkin syarikat-syarikat bas yang akan dipilih untuk memberi perkhidmatan sedemikian.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan tambahan, akankah kami mempertimbangkan beca yang lebih moden sebagai salah satu sistem *feeder* dan ada apa lagi sistem yang pernah dipertimbangkan, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sebenarnya pada hari ini pun sistem *feeder* wujud, sama ada beca, basikal, motosikal, teksi, *hoover*, bas dan sebagainya. Jadi dalam perancangan semua ini akan diambil maklum dan sama ada dilihat kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan untuk sistem *feeder* ini apabila siapnya stesen dan rangkaian pengangkutan awam sememangnya ianya akan diambil kira dan mengapa jajaran-jajaran dipilih ditengah-tengah adalah untuk menaklukkan atau *capture raider ship* dalam *radius* tiga (3) kilometer ada alasan mengapa kita perlu melalui kawasan-kawasan yang padat dan bukan kawasan di pantai di mana sebahagian adalah laut, itulah rasional mengapa jajaran dipilih supaya di dua (2) belah *radius* tiga (3) kilometer itu tadi *capture raider ship* dapat ditingkatkan dan oleh kerana kita ingin membawa penumpang ke stesen isu-isu *shuttle* itu dapat diberi perhatian yang serius, sekian.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, soalan saya no 23.

No. 23. Atas Permintaan saya dalam sidang DUN yang lalu, EXCO Agama telah meluluskan peruntukan membaiki surau Jalan Baru, Sungai Aceh dan surau Dato' Keramat, Nibong Tebal.

- (a) Bagaimanakah kedudukannya?
- (b) Sudahkah ianya dilaksanakan?
- (c) Kalau belum dilaksanakan, bilakah ianya akan dilaksanakan?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Dato' Yang di-Pertua, menjawab soalan lisan oleh YB. Sungai Aceh, pihak surau Dato' Keramat, Nibong Tebal telah mengemukakan permohonan dan pihak Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) telah mengambil tindakan untuk mendapatkan ulasan-ulasan Penyelia Kariah dan Pegawai Agama Daerah serta anggaran kos bagi kerja-kerja pembaikan surau tersebut. Manakala bagi surau Jalan Baru Sungai Aceh JAIPP sedang mengumpul maklumat lanjut bagi pihak surau untuk mendapatkan ulasan Penyelia Kariah dan Pegawai Agama Daerah serta kos terlibat untuk kerja-kerja pembaikan surau. So kedua-dua surau ini tindakan telah diambil. Surau Datuk Keramat sudah pun mula dan dalam peringkat akhir mendapat anggaran dan Surau Sungai Aceh dalam peringkat permulaan, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, terima kasih, sebenarnya permohonan ini saya buat dalam penggulungan hari itu, muka surat 160 ada dan selepas itu saya dinasihatkan supaya surau buat surat, surau buat surat dua-dua. 5 Disember hantar kepada EXCO YB. Dato' Abdul Malik bin Abul Kassim. Selepas itu saya sebagai wakil rakyat kawasan pula menyokong, hendak sampai mesej kepada YB. Dato' Malik bahawa peringat balik katanya pembaikan bumbung itu perlu disegerakan, nanti hujan turun tidak boleh sembahyang. Bayangkan 5 Disember, sudah berapa bulan, saya ingat sekarang sudah lama YB. Penanti, sokonglah saya. Lima (5) bulan, yang disebut CAT ini tidak betullah, Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Lima (5) bulan tindakan pembaikan bumbung, Dato' Speaker sedihlah, soalan, oh nantilah, sabarlah, amboi tidak sabar....(gangguan). Air Putih tengok saya takut saya *emotional* saya cuba tenang, okey. Jangalah merah muka Air Putih, sebut sikti merah muka.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan, soalan?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Soalan. Pertama, kenapa surat ini tidak dijawab? Pendek kata jawab surat ini dan salinan kepada la kepada wakil rakyat, sebab wakil rakyat duduk di sana tiap-tiap hari maka mereka bertanya. Yang kedua, soalan tu dulu. Sat lagi ada satu soalan lagi, Bagi peluang, sila jawab.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Sungai Aceh, sebab CAT lah, kita terpaksa meneliti dan mengikut prosedur *Accountability and Transparency*. YB. Sungai Aceh, kalaulah datang dari poket saya, saya akan terus telefon kontraktor terus pergi buat, sebab itu bila bulan Disember, Sungai Aceh faham tahun kewangan sudah berakhir. Bila saya dapat surat itu terus saya panjangkan ke Bahagian Pembangunan JAIPP untuk mengambil tindakan dan dalam bulan Januari tindakan diambil adalah untuk mendapatkan borang-borang tertentu. Ini juga Akauntabiliti dan Transparensi kerana apabila wang yang hendak dikeluarkan daripada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang maka prosedur diperingkat Jabatan mestilah mengikut prosedur dan borang ini juga mempunyai ulasan-ulasan. Saya minta Sungai Aceh dengar, nanti sembang dengan Pulau Betong, tidak dengar. Borang itu pula mempunyai ulasan-ulasan beberapa pihak iaitu seperti saya kata tadi Penyelia Kariah, Pegawai Agama Daerah dan sebagainya. So setelah mendapat ulasan-ulasan tersebut maka Bahagian Pembangunan JAIPP akan turun untuk membuat anggaran dan setelah anggaran dibuat maka barulah boleh kita lihat kalau anggaran itu kecil maka boleh kita gunakan bukan sebut harga, sebut harga kalau anggarannya besar baru masuk peringkat tender dan sebagainya. Dalam segi ini kita telah begitu cepat mencari peruntukan yang lebih mudah lagi iaitu kita telah mendapat peruntukan daripada Ahli Parlimen Nibong Tebal RM10,000 kita dapatkan kerana cepat lagi. Pejabat Daerah boleh melaksanakan dengan cepat dan fasa kedua adalah anggaran RM20,000 yang akan saya dapat dan prosesnya adalah cabutan undi untuk kita selenggarakan termasuk pemasangan kipas siling, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dato' Speaker, YB. Batu Maung hebat, jadi dia belajar dekat Air Putih, adakah CAT Cekap, Akauntabiliti, enam (6) bulan sedangkan dalam penggulungan hari tu YB. Batu Maung angguk sampai hendak terantuk kaunter ini. Saya yakin, saya mengucapkan tahniah saya balik dan menceritakan kepada pimpinan surau bahawa sahabat saya YB. Dato' Malik lulus segera. Maka saya yakin sebelum bulan puasa ini jemaah dapat sembahyang terawih tanpa ditimpa hujan. Kerana kebetulan Dato' Malik pun EXCO Agama, hendak sembahyang terawih tahun sudah saya sendiri pergi sembahyang terawih bila hendak sujud kena hujan di dahi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Aceh, Soalan?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Soalan saya ...(gangguan) amboi ramai penyokong Dato' Malik, sabarlah soalnya saya minta kepada Dato' Malik Batu Maung kenapa peruntukan ini di minta kepada Ahli Parlimen saya sebenarnya dok buat promosi kawan saya EXCO yang bertanggungjawab, EXCO yang boleh membantu tiba-tiba orang surau bagitau kat saya baru ini orang Dato' Mansor mai. Eh, itu orang Dato' Malik mana orang Dato' Mansor saya yang suruh Dato' Malik jadi malulah saya Dato' Speaker..(gangguan)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Soalan itu kenapa minta dekat ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey sila jawab.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Peruntukan ini YB. Sungai Acheh kita ada banyak peruntukan semuanya datang dari Kerajaan Negeri juga. Itu adalah peruntukan yang diberi kepada Ahli Parlimen untuk projek-projek kecil yang boleh dilaksanakan. Saya akan memastikan *Insyah-Allah* selepas ini untuk melihat yang pembaikannya dapat diselesaikan dan sebelum bulan puasa *Insyah-Allah* kalau tidak ada halangan saya akan memastikan perkara ini selesai. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis dah?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Minta rekodkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rekod memang ada.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya ucap terima kasih saya nak cakap terima kasih kepada EXCO Agama Dato' Malik sahabat saya yang telah berjanji untuk menyiapkan dua-dua buah surau ini, satu Surau Datok Keramat punya ya Air Putih dekat tanah yang Air Putih pergi melawat itu, iNGAT? Dekat Perda tapi itu bukan pasir jertus.... (gangguan). Yang kedua surau Jalan Baru Sungai Acheh. Okey saya balik malam ini saya nak jumpa pengerusi surau saya nak habaq baik budinya Dato' Malik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini bukan soalan, dia nak rekod sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya minta rekod...(gangguan)

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya nak tegaskan saya akan usaha *Insyah-Allah*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey sudah jawablah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Yang saya sudah rekod dah kan?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya ada masa lagi dalam lima minit. Sila Pinang Tunggal ada soalan 24.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal I(YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Soalan saya mana tak tau. Soalan saya 24 terima kasih...(gangguan).

No. 24. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memindah pasar malam setiap hari Sabtu di pekan Kepala Batas ke tempat yang lebih sesuai memandangkan kesesakan lalu lintas dan tempat parking kereta. Jika ada, bila? Sila jelaskan dengan terperinci.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya pergi *register* tak masuk.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, untuk rekod Ahli Yang Berhormat baru sampai dan sempat juga peluang untuk menanya soalan no. 24 untuk makluman Dewan yang mulia ini. Setakat ini MPSP tidak mempunyai sebarang perancangan untuk memindahkan pasar malam di Pekan Kepala Batas ke lokasi yang baru. Walau bagaimanapun MPSP dengan kerjasama pihak penganjur iaitu JKKK Kepala Batas telah mengambil tindakan dengan mengadakan kawalan lalu lintas bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut. MPSP juga mendapati pasar malam tersebut telah lama beroperasi di kawasan itu dan telah menjadi satu tempat yang berjaya menarik minat peniaga dan pengunjung di kawasan Kepala Batas ini. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soalan lisan ditamatkan dan telah pun satu jam tiga puluh minit kita guna dan sila susunan mesyuarat yang seterusnya.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan di letak di atas meja Ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin juga bangun untuk membentangkan satu usul iaitu selaras dengan peraturan 6A(1) peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini 17hb Mei 2016 Selasa dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan?

Timbalan Ketua Menteri I:

Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 17 Mei 2016 hari Selasa sehingga jam 10.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya"

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Lebih suara bersetuju usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin menjemput Seri Delima...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat boleh saya buat satu pertanyaan? Satu penjelasan. Boleh tak soalan-soalan lisan *because* kita memerlukan jawapan kepada semua soalan untuk tujuan perbahasan tapi soalan lisan diberikan hanya saya rasa selepas, bolehkah diadakan kaedah supaya dipercepatkan terutama apabila melihat yang belakang-belakang tak sampai sebab kita memerlukan jawapan-jawapan untuk perbahasan kita.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Mengikut peraturan mesyuarat tidak, cuma akan diberikan selepas dijawab kalau ikut peraturan mesyuarat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sebab yang ini kita perlukan untuk perbahasan kita,sebab bila kita berikan soalan ini kita perlu tau kita perlukan beberapa maklumat untuk menyokong perbahasan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti saya akan pertimbangkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila saya jemput Seri Delima untuk sambung.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, di atas isu yang telah saya berbahas kemarin dan di mana terdapat pencelahan oleh YB. Telok Bahang saya akan ambil masa sedikit sahaja untuk mengulas perkara ini sebelum saya ke isu lain. Di sini mungkin kemarin apabila saya berbahas tentang kegagalan pihak polis mengambil tindakan terhadap baju merah tidak ada anggota-anggota Polis di Dewan yang mendengar pembahasan saya jadi untuk manfaat pegawai-pegawai yang hadir pada hari ini saya ingin merakamkan bahawa saya sendiri telah membuat satu laporan polis iaitu Jalan Patani *report*, saya ulangi Jalan Patani *report* 3449/16 di mana saya telah melaporkan tentang perarakan ataupun perhimpunan haram dan saya minta pihak Polis supaya...(dengan izin) *act without fear or favour* dan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang terlibat.

Isu seterusnya ingin yang saya bahaskan adalah berkenaan dengan isu yang melibatkan kesihatan. Umum mengetahui bahawa di Pulau Pinang sehingga sekarang telah berlaku lebih kurang sepuluh kematian, saya difahamkan. Dato' Speaker pun mengganggu kepala jadi saya menganggapkan ia adalah pengesahan daripada demam wabak Denggi dan kita juga terdengar tentang satu lagi penyakit yang disebarkan oleh nyamuk yang sama *Aedes* iaitu...(dengan izin) *Zika Virus*. Daripada maklumat yang telah saya baca saya difahamkan bahawa *Zika Virus* ini juga disebarkan oleh nyamuk yang sama dan *Zika Virus* ini pada mulanya dikesan di Uganda pada tahun 1947 dan selepas itu telah sebar ke beberapa Negara dan asalnya saya difahamkan bahawa *Zika Virus* ini dikesan di atas di kesan daripada sejenis *Monyet Rhesus* itu adalah apa yang saya difahamkan dan *Virus* ini telah pun merebak ke merata tempat di dunia dan saya difahamkan daripada *research*...(dengan izin) bahawa tidak ada sebarang vaksin bagi penyakit ini dan ini adalah ulasan yang telah saya baca daripada satu rencana yang diterbitkan dalam di atas penyakit ini oleh Dr. Lokman Halim Sulaiman yang merupakan Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan yang mengulas seperti berikut...(dengan izin) kalau saya boleh membaca Dato' Speaker, *'Malaysians haven't yet developed an immunity to Zika virus'* ...(dengan izin) di antara lain beliau juga telah mengulas bahawa *"What's worse is that there's no quick "point of care test"* tidak ada sebarang ujian yang boleh dilaksanakan oleh sama ada klinik kesihatan, klinik swasta atau

hospital untuk mengesan penyakit ini dan penyakit ini adalah lebih serius berbanding dengan Denggi kerana saya difahamkan kalau seorang wanita itu mengandung berbanding dengan Denggi yang mungkin tidak merebak kepada bayi Zika Virus boleh merebak kepada bayi dan akibatnya bila kanak-kanak itu dilahirkan dengan satu keadaan yang dipanggil dalam istilah perubatan *micro fally microcephaly* ..(dengan izin) minta maaf ejaannya *I just want to be correct* Dato' Speaker, **MICROCEPHALY** yang menyebabkan bayi itu dilahirkan dalam keadaan kepala serta otaknya dalam keadaan kecil.

Dan saya ingin di sini tanya kepada EXCO-EXCO yang terlibat secara umum adakah apa-apa langkah-langkah pencegahan diambil bagi kita membendung masalah ini daripada berlaku di Pulau Pinang merebak di Pulau Pinang. Walaupun kita mengetahui bahawa Kerajaan Malaysia masih lagi dalam proses pemulaan untuk mengesan untuk merawat masalah ini, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif kerana umum mengetahui kedatangan pelawat daripada negara asing khususnya Amerika, Amerika Tengah, Brazil dan negara-negara lain kian lama meningkat dan kita tidak mahu masalah ini menular. Maklumlah dalam kejadian Denggi pun terdapat sepuluh kematian di Pulau Pinang masih tidak dapat mengatasi masalah ini. Apakah yang akan berlaku jika Zika Virus ini mula berlaku di Pulau Pinang dan apakah tahap kesiap siagaan pihak jabatan Hospital perubatan, klinik-klinik untuk kita mengatasi masalah ini jika berlaku di Pulau Pinang itu adalah perkara yang ingin saya menarik perhatian di atas isu kesihatan.

Saya sekarang merujuk kepada satu lagi perkara yang menarik perhatian saya. Dewasa ini kita lihat rakan saya daripada Tanjung Bunga telah membuat beberapa usul untuk menghadkan tempoh atau penggal Ketua Menteri pada asalnya bila beliau membuat cadangan ini saya fikir mungkin beliau hanya belawak jenaka sahaja tetapi berulang kali cadangan ini telah dibuat dan saya tertarik baru-baru ini dengan satu berita yang diterbitkan dalam surat khabar The Star di mana saya terkejut, Dato' Speaker dan saya ingin menyatakan di sini kehampaan saya apabila membaca berita ini....(dengan izin) kalau saya boleh membaca *heading, headingnya "BN rep disagree with take over Penang CM's tenure"*. BN rep ini maksudkan itu adalah sahabat saya daripada Teluk Bahang. *The Star, the people's paper*. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau saya boleh membaca, *"Renegade DAP Assemblyman Teh Yee Cheu presented his case on limiting the term of Penang Chief Minister to two terms in a round table dialogue organised by Penang GERAKAN Youth"*. Saya dukacita, hampa, marah sedikit dengan karenah dan tindakan YB. Tanjung Bunga yang mengusulkan atau membincangkan perkara ini dalam satu mesyuarat yang telah diadakan oleh ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan. Boleh?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tunggu, Yang Berhormat. Saya belum habis lagi, nanti saya akan beri peluang. Selamat datang. Duduk dulu. Saya dukacita tentang perkara ini yang dibincangkan oleh Yang Berhormat daripada Tanjung Bunga, saya terpaksa *to be fair*. Kalau Yang Berhormat di sebelah sana selalu merasakan bahawa di sebelah sana saya hanya mengarahkan perbincangan saya untuk dengan izin menghentam pihak Barisan Nasional *to be fair* saya ingin membahaskan isu ini juga untuk menyatakan pendirian saya di atas isu ini...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, saya cuma untuk memperingatkan isu ini boleh dibahaskan di sini tapi dengan menyebut nama Tanjung Bunga itu saya ingat Seri Delima kena lihat Peraturan Mesyuarat khususnya Perkara 46(13); Janganlah kita bersangkutan sesuatu ahli yang lain yang bersangkutan paut dengan dirinya sendiri. Itu saya minta elakkan walaupun Tanjung Bunga menyertai forum di luar tetapi bila dibahas di sini fokus ke isu itu sudahlah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih saya terima nasihat YB. Dato' Speaker tapi saya ingin menyatakan bahawa perkara ini adalah perkara yang mengganggu minda saya. Rakyat di luar juga ingin mengetahui apakah agenda peribadi Yang Berhormat Tanjung Bunga untuk mengusulkan perkara ini. Lebih-lebih lagi sekarang kita kelihatan beliau mengusulkan perkara ini bukan sahaja mengusulkan tetapi membincangkan perkara ini dalam kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional. Saya kurang senang saya ingin menyatakan bahawa kalau terdapat apa-apa pendirian yang beliau tidak bersetuju saya menghormati pendirian beliau. Beliau berhak untuk menyuarakan pendirian beliau tetapi perkara ini boleh dibincangkan ketika kita bermesyuarat. Ketika kita mengadakan perbincangan-perbincangan di antara sesama sendiri tetapi bukan menyuarakan perkara ini dikhalayak pihak-pihak pembangkang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima. *Focus on the the two term limitations. Don't focus on the peribadi.*

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Very well...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan fokus pada peribadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Very well, tetapi saya berterima kasih kepada YB. Telok Bahang yang juga telah menghadiri perbahasan ini atau perbincangan ini di mana YB. Telok Bahang telah tidak bersetuju dengan cadangan ini dan mencadangkan bahawa kita perlu memfokuskan, memberi perhatian kepada masalah-masalah yang timbul dibawah sesuatu pentadbiran untuk kita menyelesaikan apa-apa masalah dan cadangan untuk menghadkan tempoh masa ataupun tempoh penggal perkhidmatan Ketua Menteri bukanlah satu cadangan yang baik. Saya sendiri ingin menyuarakan di sini bahawa kalau pentadbiran Ketua Menteri, Perdana Menteri boleh membela rakyat, memastikan kesejahteraan, memastikan bahawa segala kehendak, kemudahan asas, masalah ekonomi rakyat terbela, tidak ada sebab untuk kita menghadkan tempoh masa seseorang Ketua Menteri ataupun Perdana Menteri. Pinang Tunggal, silakan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Seri Delima. Saya juga ingin melahirkan perasaan dukacita saya dan juga rasa tidak berapa *happy* saya atas kenyataan YB. Seri Delima kepada YB. Tanjung Bunga oleh kerana diawal perbahasan YB. Seri Delima ada menyebut bahawasanya YB. Seri Delima tertarik dengan apa yang telah dibangkitkan oleh YB. Tanjung Bunga. Ada kenyataan YB. Seri Delima di awal perbahasan. Ada di dalam isu ini tetapi akhirnya YB. Seri Delima juga ada menyebut perkataan dukacita, perkataan kurang senang dan sebagainya. Jadi saya nak mempersoalkan YB. Seri Delima apakah maksud ini. Adakah YB. Tanjung Bunga hanya bersandiwara ataupun YB. Seri Delima jauh lebih sandiwara dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Maksud saya YB. Pinang Tunggal bila saya kata tertarik....(dengan izin) *I was attracted* saya tertarik tetapi pendirian saya adalah saya tidak bersetuju dan memang saya mengecam tindakan beliau. YB. Dato' Speaker harus faham bahawa perkara ini telah berulang kali dibangkitkan dan berulang kali dibahaskan dan kami daripada pihak *backbencher* telahpun mendiamkan diri saya sendiri telah menasihatkan YB. Tanjung Bunga supaya tidak meneruskan dengan perkara ini. Jadi saya akan meneruskan dengan....(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Minta laluan. Kepada Dewan yang mulia ini kepada semua rakan-rakan di Dewan ini, adakah cara yang paling bagus untuk menghapuskan rasuah yang berlaku di merata-rata tempat di negara kita. Dengan menyekat kuasa pemimpin daripada memimpin negara atau negeri dengan tidak terhad seperti Perdana Menteri yang terdahulu, lima (5) *term*. Apa yang dia buat sekarang menjadi kesukaran kepada ia untuk menyelesaikan masalah rasuah yang berlaku begitu besar di negara kita. Apakah pandangan Seri Delima, adakah cara yang lagi bagus untuk menyelesaikan masalah rasuah di negara kita atau di negeri-negeri lain. Saya faham pendirian Tanjung Bunga. Dia bukan hanya sentuh Negeri Pulau Pinang. Dia menyebut semua negeri dan juga Perdana Menteri had kepada dua (2) *term*. Tetapi sebagai Kerajaan Negeri yang selalu bangga mengatakan kita *lead* dan dia *proposed* kalau boleh kita mula dari Negeri Pulau Pinang. Dan ini pendirian dia. Bagi saya, saya lagi suka kalau Kerajaan di mana-mana negeri atau di negara kita dapat dihadkan kuasanya barulah negara kita boleh maju ke hadapan. Pemimpin yang memegang kuasa yang tertakluk itu dia akan melereng daripada pimpinan dia untuk membawa negara kita ke hadapan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya dukacitalah dengan kenyataan YB. Berapit. Masalahnya adalah beliau mungkin silap faham. Apakah kenyataan ini yang dibuat oleh beliau. Maksud kenyataan beliau. Kalau

kita ingin melaksanakan suatu pentadbiran dengan Bersih dengan Cekap dan Amanah dengan CAT Sistem pentadbiran itu juga dengan sendirinya akan memastikan bahawa tidak ada sebarang unsur rasuah. Dalam sistem *open tender* yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri, saya yakin memang tidak ada sebarang amalan rasuah terlibat. Kenyataan YB. Berapit ini juga dengan izin kalau boleh saya gunakan dalam istilah bola sepak *is hacking to scoring at own goal*. Tak patutnya keluar daripada...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, *I have to respond. This is made against the Chief Minister's by a backbencher.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tolong bahas tajuk itulah tapi tak sentuh peribadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ya. Jadi saya ingin nyatakan bahawa...(gangguan). Kenyataan beliau adalah kenyataan yang tak masuk akal. Sebab itu saya katakan *is hacking to scoring it's own goal*...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, sekali lagi saya ingatkan jangan guna perkataan bahawa seseorang Ahli Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Saya harap kalau boleh Seri Delima...(gangguan). Tolong *check the recording* saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Berapit. *It's my floor.* Terima kasih. YB. Dato' Speaker, *I have to respond*...(dengan izin). *I have to stand my ground*....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Respond dari....(gangguan). Hujah bahas dengan hujah ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker tidak boleh benarkan Berapit membuat kenyataan itu. Apa maksud kenyataan tersebut. Saya bahaskan tajuk ini. Kenyataan YB. Berapit adalah kenyataan yang tidak masuk akal.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Seri Delima. Jangan guna kenyataan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kenyataan ini tidak sepatutnya dibuat di dalam Dewan yang mulia.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu bukan hal Seri Delima. Untuk tentukan apa yang boleh dihujah dalam Dewan itu saja. Seri Delima jaga, *I know*...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, *you have been warning me from very beginning. I've been watching you. You must allow me to speak*...(dengan izin).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh. Seri Delima boleh cakap...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker *you should stop her from speaking from the first place.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Berapit minta laluan daripada Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker tidak boleh benarkan beliau membuat kenyataan lari dari kenyataan itu... (gangguan). *I have my right to respond to her statement.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima. Saya nyatakan sekali lagi apa yang telah pun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di sini kena dengan tajuk saja. Seri Delima bahas apa yang boleh tapi jangan sentuh yang peribadi... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tidak sentuh peribadi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak perlu menyatakan seseorang Ahli Yang Berhormat berucap itu tidak masuk akal, itu tak boleh. *Saya bagi warning.* Dua kali saya kata tidak masuk akal itu tidak boleh...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau tak masuk akal, Dato' Speaker memang tak masuk akal. Apa lagi. Dato' Speaker, macam mana beliau boleh buat kenyataan begitu...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini hanya boleh datang daripada Speaker yang menentukan dan saya cuma harap Seri Delima bahas tajuk itu. Jangan sentuh yang lain-lain. Silakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Saya ingin membuat perbandingan, jangan salah faham dan tolong faham bahawa isu skandal RM2.6 bilion melibatkan Perdana Menteri bukanlah isu yang melibatkan orang-orang lain. Dan jangan cuba samakan isu itu dengan masalah-masalah di Pulau Pinang...(gangguan). Telok Bahang saya akan bagi. Bagi saya lepas geram dulu. Jangan cuba samakan. Jangan mengeluarkan kenyataan-kenyataan seperti meludah ke langit jatuh ke muka sendiri.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta laluan. Terima kasih Seri Delima, terima kasih. Yang di-Pertua, saya ingin katakan di sini bahawa saya pun dengar ucapan Ahli Berapit dia tak sebut pun RM2.6 bilion. Kenapa Seri Delima sebutkan RM2.6 bilion dan merujuk kepada Dato' Seri Najib. Saya rasa itu tak adil. Dato' Seri Najib tidak ada dalam Dewan ini. Jadi bagi saya Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kita tak boleh merujuk kepada seorang yang tidak ada dalam Dewan ini dan perkara itu tidak adil dan saya harap Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri tegaskan perkara ini, supaya tak akan berulang lagi, saya pun dah naik meluat dah berapa kali dah saya dengar perkara ini dan saya harap dalam Dewan yang mulia ini kita hormati apa-apa keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Penaga, sepatutnya saya bagi peluang kepada YB. Telok Bahang, minta maaf. Bagi YB. Penaga dia hentam saya balik. YB. Penaga dan Telok Bahang perbincangan saya, saya hanya *respon* kepada kenyataan YB. Berapit yang ingin menyamakan kedudukan Perdana Menteri, Ketua Menteri dengan amalan rasuah. Saya memberi perbezaan, dengar perbincangan saya dan saya bahaskan di sini bahawa masalah atau isu rasuah yang membelenggu Perdana Menteri adalah isu yang serius.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, bukan rasuah, bukan rasuah...(gangguan) tak boleh Yang Berhormat ... (gangguan) tak betul. Kita dengar dari Yang Berhormat buat tuduhan yang melulu.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Biar saya habiskan, bukan saya kata Tan Sri Muhyiddin kata, Dato' Seri Mukhriz kata, Tun Mahathir kata tak cukup lagi?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Siapa dia? Betulkah?...(gangguan)

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ada buktikah?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Duduk, duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Going and ask them....you go and ask them.....tanya....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau nak mengganggu Dewan ini saya hentikan di sini....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Telok Bahang, patuh pada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, duduk!

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima bahas *professionally*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Jadi saya mengatakan janganlah menggunakan ukuran itu untuk kita membuat kenyataan bahawa kita perlu mengehadkan tempoh masa Perdana Menteri dan Ketua Menteri, cukup itu Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya akan teruskan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini atas isu yang memang menarik tapi saya pohon diberi peluang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Bagi laluan sikit, sikit saja, tak habis lagi(gangguan) sikit saja, sikit saja,...sikit..sikit... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Telok Bahang dua minit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat saya.....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Dua minit saya yang tentukan, bukan Yang Berhormat Seri Delima, satu minit saja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Uihhh!!!... Dato' Speaker dah ambil seminit... (ketawa).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

30 saat...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, saya cuba nak faham Yang Berhormat, dalam isu dua *term* ini saya *stated* saya punya pendirian dengan izin saya tak setuju, saya jelas di mana-mana saja, tapi Yang Berhormat macam konflik, semalam dalam ucapan Yang Berhormat, Yang Berhormat bangga dengan deklarasi rakyat yang dibawa oleh Tun Mahathir Mohamed, yang menjadi kawan Yang Berhormat sekarang, yang tinggal masalah banyak pada negara. Yang Berhormat bangga, Yang Berhormat setuju dengan deklarasi rakyat, adakah Yang Berhormat baca deklarasi rakyat itu, dalam deklarasi rakyat itu meletakkan had 2 *term* dalam Yang Berhormat menyokong deklarasi rakyat, Yang Berhormat sokong dengan 2 *term* dalam *content* itu, hari ini Yang Berhormat tak sokong pula dengan apa yang dibuat oleh YB. Berapit, YB. Tanjung Bunga. So saya tak faham, saya cuba untuk faham Yang Berhormat tapi selalu bila saya nak faham, saya *confuse*, tiap-tiap hari saya menunggu Yang Berhormat punya ucapan daripada penggal pertama sampai hari ini sayalah orang yang cuba tunggu dan dengar ucapan Yang Berhormat. Tapi tiap-tiap kali saya jumpa dan tunggu, saya dapati Yang Berhormat seorang yang *confuse*...(gelak)..Yang Berhormat cakap A selepas tu Yang Berhormat ambil B, Yang Berhormat sokong deklarasi rakyat, tiba-tiba Yang Berhormat tak sokong, yang mana satu? Deklarasi rakyat terang-terang menuntut 2 *term*, Yang Berhormat sokong dan bangga tanda tangan sejuta kot mana mai saya pun tak tau!.. Yang Berhormat kena sedar balik, Yang Berhormat tak boleh belasah saja... (gangguan).. baru seminit setengah...(gelak)...tinggal lagi 30 saat....

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Telok Bahang, saya mungkin YB. Telok Bahang.....(gangguan), saya perkenalkan di sini sedikit, kelmarin bila saya berbahas, kalau kita lihat *hansard* balik semua dengar, saya menyatakan saya sokong Tun Dr. Mahathir, faham tak? Tentang isu deklarasi ini tak ada masalah, kita bincangkan kemudian, tapi pendirian saya adalah berbeza dengan ahli-ahli UMNO sekarang, yang nak bergaduh, mengajak Tun Mahathir bertumbuk, yang mencaci beliau,(gangguan). Saya sekarang menyokong Tun Dr. Mahathir itu adalah pendirian saya kelmarin.

Okey, saya jelaskan berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh YB. Ketua Pembangkang ada beberapa perkara yang saya ingin membawa kepada perhatian Dewan ini. Isu melibatkan walaupun telah dibahaskan *but* YB. Seri Delima(dengan izin), mohon keizinan untuk *have he said*, kita lihat kenyataan YB. Telok Ayer Tawar berkenaan dengan satu *Taoist shrine* di Lebuh Armenian di mana beliau telah membahaskan bahawa *Taoist shrine* sepatutnya ia tidak berada di situ kerana ia adalah taman permainan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima, tadi saya dengar Yang Berhormat Telok Bahang mengatakan deklarasi rakyat berapa tahun?...(gangguan) saya ingat, cakap bohong, cakap kosong, tidak rujuk kepada sumber, memutar belitkan fakta cuba memesongkan perhatian Dewan ini, *misleading the house*, saya minta YB. Telok Bahang meminta maaf atas memutar belitkan fakta.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, saya tanya YB. Seri Delima, Yang Berhormat Seri Delima ... (gangguan)

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Betul tak?...(gangguan) betul tak Telok Bahang memutar belitkan Dewan, ... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya tidak memutar belitkan Dewan, saya tanya Yang Berhormat Seri Delima, Yang Berhormat Seri Delima sokong Tun Dr. Mahathir, Tun Mahathir sokong *two term*.....(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

You kata(gangguan)... kita *check hansard*, Yang Berhormat Telok Bahang kata deklarasi rakyat *two term* (gangguan) tapi itu bohong...!!!!

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah, sudah, Isu ini sudah henti dan saya peringatkan sekali lagi bahas, bahas, bahas, jangan emosi sangat, jangan buat kenyataan yang tidak kena, hati-hati dengan perkataan yang guna, ada yang perkataan yang memang saya selama ini *tolerate* tapi jangan pula anggap saya tak serius tentang perkataan-perkataan tertentu, dalam isu ini tempoh hadkan jawatan Ketua Menteri ini, sudah, kerana kalau nak nanti, sehari lagi boleh bahas secara khusus dalam platform masing-masing, nak dalam peringkat parti, nak di peringkat Pakatan, Pakatan, di peringkat Barisan, Barisan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya akan teruskan,(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak minta penjelasan, ...(gangguan), saya nak minta penjelasan saja atas kepentingan rakyat di mana deklarasi rakyat harus apa yang betul yang bercerita, oleh demikian saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Seberang Jaya dia boleh faham deklarasi rakyat dia juga terlibat, saya minta dia perjelaskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Boleh beri laluan,(gangguan) sedikit saja, Deklarasi rakyat, saya antara yang pertama yang menandatangani bersama Tun Dr. Mahathir pada 4 Mac 2016, dan deklarasi rakyat ada 36 Perkara dan 36 Perenggan, No.1 sampai No. 35 cerita pasal keburukan Dato' Seri Najib, 36 ceritakan tentang tuntutan supaya Dato' Seri Najib letak jawatan sebagai Perdana Menteri, menuntut reformasi sistem, penghapusan akta-akta zalim dan *reckonion* dan juga menuntut kepada mereka yang sekongkol dengan Dato' Seri Najib sekarang ini akan diambil tindakan selepas ini. Itu saja, tidak sebut langsung tentang *two term*, saya minta YB. Telok Bahang supaya tarik balik kenyataan tadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okey, terima kasih Yang Berhormat. (gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya nak tanya YB. Seberang Jaya,... saya nak tanya YB. Seberang Jaya (gangguan)

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Sudah, YB. Pinang Tunggal (gangguan) duduk!, duduk, YB. Seri Delima sudah buat penjelasan bahawa deklarasi itu tak masuk dalam jawapan ini walaupun saya faham YB. Telok Bahang dalam perbahasan tapi sudah jelas..... (gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri minta maaf, saya minta Yang Berhormat Seberang Jaya boleh bagi tak penjelasan kepada Dewan yang mulia ini. Rakyat nak tahu ni!!!! ..(gangguan).. sebab tadi Yang Berhormat Seberang Jaya bagi panjang lebar, deklarasi dan sebagainya apa semua, satu *term*, dua *term*, tiga *term*, dan sebagainya. Yang terkini arahan daripada Ketua Umum, (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya kata Tun Dr. Mahathir..... (gangguan) bukan saya kata *content*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Sudah.. cukup!

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sudahlah YB. Telok Bahang duduklah... (gangguan), jaga *standard* lah YB. Telok Bahang saya bagi *chance*..(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima, masuk ke tajuk yang seterusnya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ya, atas isu-isu yang dikatakan saya akan gunakan bahasa yang lemah-lembut kepada Ketua Pembangkang, tak habis juga, saya tertariklah Ketua Pembangkang masuk jadi saya pun nak berbahas juga,(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Satu setengah jam lebih dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Belum, kelmarin 20 minit ja Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

40 minit.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

20 minit kelmarin, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya atas isu melibatkan tokong di Lebuh Armenian, kita lihat pemimpin-pemimpin UMNO sendiri pernah menghadiri majlis-majlis keramaian di rumah-rumah berhala, Dato' Seri Najib sendiri pernah menghadiri upacara Thaipusam di Batu Caves di mana terletaknya satu Dewa Murugan yang begitu besar dan tinggi tidak ada masalah, kita lihat bahawa Sultan Johor telah menghadiri majlis Thaipusam di Johor Bharu, di mana beliau beramah mesra di kuil malahan saya difahamkan beliau juga menyaji makanan yang dihidangkan makanan sayur yang dihidangkan. Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Zahid baru-baru ini menghadiri rumah terbuka Vasakhi di Kuala Lumpur. Sultan Perak menghadiri rumah terbuka Vasakhi tak ada masalah. Pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan kita sendiri, Dato' Rashid, Dato' Malik, banyak kali mereka pergi ke majlis-majlis keramaian di kuil dan sebagainya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Minta penjelasan, apa yang pendapat YB. Seri Delima atas badan-badan Islam yang telah menyentuh Ketua Pembangkang untuk mengatakan orang Islam boleh mengeliru kalau mereka tengok tokong di Lebuh Armenian Park. Ini menunjukkan rakyat Islam pun tidak bersetuju lah dengan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat, itu saya benarkan pada YB. Telok Ayer Tawar untuk respon tapi memang benar, saya telah nyatakan tadi Sultan Johor pernah menghadiri, Sultan Perak pernah menghadiri, Perdana Menteri sendiri bersama isteri beliau di mana mereka dikalungkan dengan bunga malai Timbalan Ketua Menteri di sini, EXCO-EXCO, Dato' Malik pernah menghadiri majlis keramaian, semua Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang kita menghadiri semua majlis. Majlis yang dianjurkan oleh agama Islam, agama Budha, agama Hindu, agama Taoism, kita hadiri. Saya pula sendiri bukan untuk mengatakan apa-apa menganjurkan majlis-majlis buka puasa bersama dengan semua Yang Berhormat daripada pihak pembangkang, majlis sahur kita anjurkan, pembersihan kubur sempena kita menjelang bulan Ramadan kita anjurkan, saya ingin tanya kepada YB. Telok Ayer Tawar *when are you going to change your mindset? You?! Particularly you* bukankah *don't get me wrong again* jangan pergi putar belit kata saya hentam UMNO, *i'm only asking you...*(dengan izin). *Why are you not still having this satu Malaysia concept?* Mengapa hanya semasa pilihan raya kita tepuk dada kata satu

Malaysia, satu Malaysia, tetapi masuk ke Dewan, YB. Telok Ayer Tawar kata berbahas atas isu yang sama juga.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, apa yang duk kata *you? you? you?* Saya bercakap tentang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Let me repeat the question, Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya dengar, saya tak pekak....(gangguan)

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya repeat the question, no problem....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tak payah *repeat* Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri,...(gangguan)... kita semua dengar, pihak Yang Berhormat Seri Delima sengaja nak putar belitkan perkara ni, dah selesai pun kelmarin, nak bangkitkan lagi supaya menarik perhatian Dewan kepada benda-benda yang tak perlu dah nak di bincang, cukuplah, apa lagi? Bukan saya suruh roboh, yang saya maksudkan dari segi konsep membuat taman awam. Kalau masih belum faham kita nanti duduk minum kopi saya cerita sikit. *I think everybody*, semua orang hendakkan taman yang selesa dan sesuai supaya kita semua boleh nikmati, oleh semua pihak *no issue*, tak ada isu hendak buat program, majlis kenduri, itu semua boleh buat, apa yang hendak heboh-heboh dalam Dewan ini? Saya harap ini semua dapat cukup kita bercakap di sini, tidak perlu diperbesar-besarkan lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak apalah Yang Berhormat, saya nak beri peluang saya akan beri penjelasan, saya tunggu Yang Berhormat punya *floor*. Isu taman ini tidak menjadi isu sebenarnya, pernah pergi ke Tugu Kebangsaan tidak? Duduk dulu, saya tanya soalan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak payah hendak kait-kaitkan lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Pernah pergi ke Tugu Kebangsaan? Pernah lihat tak taman di persekitarannya?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tugu itu bukan tempat sembahyang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan tempat sembahyang, *let me finish* Yang Berhormat. Semasa kita meraikan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jangan buang masa Dewan ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tak buang masa Dewan ini, *this is my floor* YB. Telok Ayer Tawar. *If you cannot debate it, it doesn't matter, you sit down.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Make it short please.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yes, I had to have my peace, I haven't settle my score.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ulang-ulang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Penjelasan. Boleh saya guna, penjelasan. Dato' Speaker, sebenarnya untuk pengetahuan YB Seri Delima saya juga menghadiri majlis-majlis belia....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tidak beri peluang YB. Sungai Aceh.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Aceh, saya tidak beri jalan. Sila duduk Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya hendak ucap Selamat Tahun Baru Tamil.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Duduklah Yang Berhormat. *No, no, saya akan beri.* Ini perbahasan saya, kalau Telok Ayer Tawar mahu membahaskan, *you are a lawyer, I am a lawyer, I give you reasons, you argue with me.* Di Tugu Kebangsaan kita tidak pergi sembah, memang tidak pergi sembah tetapi pada Hari Perajurit kita mengadakan majlis di mana pengorbanan wira-wira diingati dengan meletakkan bunga-bunga malai, *what is wrong with it? So what is wrong we have a temple in a public park, there is nothing wrong, come on Telok Ayer Tawar. You cannot argue this matter, you sit down, I don't want to waste my time anymore, I want to go on.*

Jadi saya ingin menyeru kepada Ketua Pembangkang supaya berhati-hati bila berbahas kerana di luar itu masyarakat majmuk, orang-orang beragama Islam dan bukan beragama Islam pun begitu hampa dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat, seperti yang dikatakan oleh YB. Bagan Dalam tadi. Saya di sini ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya terus memastikan bahawa semua rumah-rumah ibadat yang beragama Islam dan bukan beragama Islam terus diberi perhatian dan dibela. Nasib baiklah kita ada Ketua Pembangkang, disebabkan beliau perkara-perkara seperti ini diberi perhatian dan perkara-perkara seperti ini akan juga mendapat liputan sedikit sebanyak supaya semasa pilihan raya nanti kita boleh menggunakan keratan-keratan akhbar untuk memperingatkan masyarakat majmuk cara Barisan Nasional masih lagi(dengan izin), *divide and rule.*

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. Saya minta pandangan YB. Seri Delima, saya rasa sudah sampai masanya untuk Kerajaan Pulau Pinang ini harus menyediakan satu peraturan supaya setiap pembinaan rumah ibadat Islam dan bukan Islam harus mendapat kebenaran, ini untuk mengelakkan daripada perkara seperti ini berlaku. Semua kena mendapat kebenaran, masjid, surau, tokong, kuil dan sebagainya harus mendapat kebenaran, selepas itu baru mereka benar untuk buat. Saya rasa ini perlu dibuat bagi mengelakkan perkara-perkara begini sebab perkara ini terlalu sensitif.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Behormat, saya setuju. Ya, saya setuju, itu adalah saranan Yang Berhormat yang begitu *spot on*, (dengan izin), *very good suggestion*, cara kita menyampaikan *is very important*. Tetapi ini berbeza daripada apa yang telah disarankan oleh YB Ketua Pembangkang. *I will move on, let's not waste time.*

Yang Behormat, Saya ingin menarik perhatian Yang Behormat kepada satu lagi perkara yang penting di mana saya ingin bertanya kepada EXCO Pendidikan. Kalau saya katakan bahawa Pulau Pinang dianaktirikan, seringkali saya dituduh bahawa saya mengeluarkan kenyataan yang tidak berasas,

tetapi kenyataan ini adalah kenyataan yang dibuktikan benar, saya ingin menunjukkan satu keratan akhbar. Kalau pihak Barisan Nasional tidak suka kepada Ketua Menteri itu satu hal, tidak suka kepada kita, itu satu hal, tidak suka kepada rakyat Pulau Pinang kerana mengundi Pakatan, itu satu hal. Tetapi mengapa murid-murid sekolah pula dipinggirkan. Keratan akhbar The Star, hari Khamis 31 Mac, *Kedah and Perlis schools closed today due to heatwave* tapi di Pulau Pinang yang mencecah suhu yang sama tidak ada sebarang arahan dikeluarkan oleh Kementerian. Isteri saya seorang guru, juga terlibat dalam pendidikan jasmani. Murid-murid sekolah juga terlibat. Keadaan yang panas terik, murid-murid sekolah tertanya-tanya, "Cikgu sebab apa di Kedah dan Perlis boleh cuti, keadaan di sini pun sama, mengapa tidak mengumumkan cuti di Pulau Pinang".

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sekejap, saya habiskan dulu, saya akan beri peluang. Keadaan suhu yang dicatitkan pada masa itu sama, di Pulau Pinang, Perlis dan Kedah semua sama tetapi pengumuman cuti umum baru-baru ini juga dua tiga minggu lalu, satu, dua hari lalu, di Pulau Pinang, tidak dibuat. Adakah ini...(dengan izin), satu *clear indication* bahawa sama ada wakil rakyat, Ketua Menteri, sama ada pengundi atau murid-murid sekolah Pulau Pinang tidak dipedulikan langsung.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, Seri Delima. Saya difahamkan arahan telahpun dikeluarkan oleh pihak Kementerian kepada setiap negeri untuk membuat keputusan, jika sekiranya terlalu panas, maka mereka boleh diarahkan untuk menutup. Saya difahamkan antara yang terpanas adalah Chuping di Perlis. Mereka membuat analisa, jangan sabitkan dengan wakil rakyat kata tidak bagi dan sebagainya. Ini adalah keputusan Kementerian yang diberikan arahan kepada Pendidikan Negeri untuk membuat keputusan, itu sahaja. YB Seri Delima jangan cuba kaitkan dengan wakil rakyat BN dan sebagainya. Ini jelas, jika Pendidikan Negeri berpandangan suhu adalah panas dan tidak boleh teruskan kelas, maka boleh dibatalkan semua kelas, itu keputusan jabatan dan Kementerian, bukan keputusan dengan kami dan sebagainya. Seri Delima, tolonglah jangan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan saya menuduh Yang Berhormat. Nanti, saya akan beri peluang kepada YB. Telok Bahang. Bukan saya menuduh, saya hendak tanya, *its my question, why?*

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya menjawab bukan kami yang membuat keputusan. Arahan dari jabatan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya ingin tanya kalau Kementerian Pendidikan atau menteri tersebut mempunyai sebab-sebab tertentu, kemungkinan perkara ini boleh diumumkan, mengapa tidak di Pulau Pinang tidak diumumkan cuti umum walaupun keadaan begitu panas terik. Untuk makluman, saya juga telah membuat *research*, panas terik tetapi tidak ada masa, boleh menyebabkan sakit kulit kanser yang kronik kalau terdedah dan juga telah melibatkan dan untuk makluman juga beberapa anggota Polis yang terlibat dalam perarakan di Kuala Lumpur, juga pengsan, tidak tahan panas terik. Jadi persoalan saya adalah mengapa tidak menteri atau kementerian menyatakan dengan jelas apakah garis panduan yang digunakan bagi mengumumkan cuti umum. Silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bukan, saya nak jelaskan sedikit. Saya yakin telah ada arahan-arahan tertentu yang diberikan bagi membenarkan mereka membuat keputusan, ada arahan-arahan itu. Sebab itu di setiap negeri ada arahan yang diberikan dan mereka buat keputusan. Saya rasa pihak EXCO tolong *refer* balik kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dapat jawapan Seri Delima tetapi jangan libatkan wakil rakyat, PM dan sebagainya. Itu adalah satu tuduhan yang amat tidak adil.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan, saya bukan menuduh Yang Berhormat, tolong lah dengar sekali lagi. Saya tanya adakah Kerajaan Persekutuan meminggir rakyat Pulau Pinang? *Okay I move on to YB. Telok Bahang.*

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai suhu ini, anak saya pun masih bersekolah di sini, saya pun ada anak kecil yang masih bersekolah. Saya pun ada tanyakan anak saya bagaimana keadaan sekolah. Pihak sekolah sendiri pun ada buat pemantauan, Guru Besar ada buat pemantauan dan mereka mendapat arahan spesifik sekiranya cuaca terlampau panas, mereka boleh bagi cuti, itu saya hendak tegaskan di sini. Kalau hendak kata Kerajaan Pusat hendak anaktirikan Pulau Pinang, tak kan nak anak tirikan anak-anak Barisan Nasional. Kami ini masih ramai lagi, Datuk Mahmud pun ada cucu dan cicit pun ada.

Kedua, mengenai *declaration*, rakyat memang *finally* tidak ada *term* itu. Saya tarik balik, tidak apa, ini saya dengan YB. Seri Delima, *as a gentleman*, saya tarik balik *the earlier version* tersebut.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Telok Bahang punya pasal, saya bagi *chance*, lain-lain saya tidak bagi *chance*. Jadi berbalik kepada isu ini Yang Berhormat, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak bulan Februari atau Mac, saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan telah menasihatkan sekolah-sekolah, kalau mereka boleh membatalkan kelas-kelas pendidikan jasmani. Ini adalah untuk rekod.

Berbahas tentang satu lagi isu adalah berkenaan dengan penuluran masalah gejala sosial iaitu melibatkan kanak-kanak sekolah yang terlibat dalam aktiviti pengambilan najis dadah. Bercakap tentang isu ini, saya terpanggil untuk berbahas dan merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh seorang Ahli Parlimen Barisan UMNO kelmarin di Parlimen dan juga telah dilaporkan viral dalam media sosial. Beliau kata kalau ingin menyelesaikan masalah penagih dadah dan pengedar dadah, beliau gunakan istilah 'bang, bang'. Boleh sahkan, maksudnya beliau sarankan supaya mereka ini ditembak sahaja. Saya sungguh kesal dengan kenyataan ini dan terkejut bagaimana kenyataan tersebut boleh dibuat oleh seorang Ahli Parlimen tetapi memandangkan ia keluar dari mulut Bung Mukhtar, saya pun tidak terkejut dan terperanjat, memang *it is something normal*.

Tapi masalah ini yang melibatkan pengedaran, penggunaan dadah sudah pun dalam tahap serius di sekolah, Dato' Speaker. Kalau ada pegawai-pegawai dari Polis Diraja Malaysia, saya ingin sarankan supaya pegawai-pegawai polis ini kalau boleh menyamar sebagai guru-guru di sekolah kerana difahamkan bila pihak Polis dalam kenderaan peronda sampai di sekolah ataupun dalam uniform sampai di sekolah, walau pun memakai pakaian-pakaian preman, sampai di sekolah, murid-murid di sekolah dapat mengetahui bahawa individu-individu ini bukanlah merupakan cikgu atau kakitangan sekolah. Mereka datang ke situ mungkin untuk menyiasat dan mengesan penagih-penagih dan pengguna-pengguna dadah. Perkara ini perkara serius. Lebih kurang 12 sekolah, saya tidak ingin mendedahkan nama sekolah itu, di Pulau Pinang telah melaporkan masalah melibatkan penyalahgunaan dadah yang begitu serius. Terutamanya di sekolah-sekolah asrama. Dan sekolah-sekolah asrama ini masalah ini berlakunya kerana murid-murid sekolah dalam sekolah asrama telah meninggalkan ibu bapa mereka di kampung halaman. Mungkin tidak ada cukup(dengan izin) kalau boleh saya gunakan perkataan aktiviti. Mungkin ada bola sepak, olah raga dan sebagainya tetapi tidak ada cukup aktiviti riadah yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah asrama di mana *pure pressure* menyebabkan murid-murid ini untuk pada mulanya cuba, saya gunakan istilah "merasai benda tersebut". Dan bila syok sekali, mereka telah mendapati bahawa ini boleh memberikan mereka satu kesenangan(dengan izin) yang boleh melupakan masalah mungkin tidak mendapat kejayaan baik dalam peperiksaan. Mungkin masalah rumah tangga ibubapa mereka, masalah kewangan yang tidak mencukupi dan mula menggunakan dadah. Dan apabila kanak-kanak daripada Pulau Pinang dihantar ke sekolah-sekolah tersebut dan bercampur gaul dengan murid-murid tersebut, kita mendapati bahawa ia bermula dengan masalah hanya merokok sahaja, cuba merokok. Daripada merokok mereka mula mencuba rokok daun. Dan sebagainya dan ia melibatkan ia terus akan menjerumuskan mereka kepada masalah penyalahgunaan dadah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebenarnya dadah ini Yang Berhormat, apakah jenis-jenis dadah yang mudah didapati daripada pelajar-pelajar Yang Berhormat ada maklumat? Dan berapakah kes dan sekolah mana yang *pron* di atas Pulau Pinang supaya kita terus boleh *zoom* ke perkara ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji);

Saya ada maklumat kita boleh berbincang dan minum kopi nanti tetapi saya tidak mahu mendedahkan nama tapi ini adalah daripada maklumat yang saya perolehi daripada kerjaya saya sebagai seorang peguam kadangkala apabila kanak-kanak ini yang dituduh di Mahkamah berjumpa dengan pegawai-pegawai penyiasat, kadang kala berjumpa dengan guru-guru dan mereka maklumkan bahawa perkara ini sudah mencapai masalah yang serius dan saya gunakan istilah cadangan atau iltizam untuk menggunakan anggota-anggota Polis dan masukkan mereka ke sekolah menyamar sebagai guru mungkin mengajar pelajaran-pelajaran tertentu dan bercampur gaul dengan murid-murid di situ adalah cara yang paling berkesan untuk kita menangani masalah ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor);

Penjelasan. Terima kasih YB. Seri Delima. Sebenarnya isu dadah ini adalah merupakan isu yang saya terlibat dengan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) dan Skuad 1 Malaysia. Memang di sekolah-sekolah telah berlaku positif *check urine* boleh kata semua sekolah positif. Sekarang merupakan konsep yang diadakan di pihak pengedar ini dia melantik pelajar sebagai pengedar di sekolah. Ini perlu dibanteras dan saya minta pembanteras dadah ini bukan hanya sekadar AADK, Polis dan sebagainya. Saya minta Kerajaan Negeri juga perlu mewujudkan satu Jawatankuasa Sosial dan sebagainya mungkin pun sudah ada untuk kita masuk bincang sekali cara kita membanteras gejala dadah yang berleluasa sekarang ini cukup serius, memang nampak sungguh serius. Dan yang penting sekali maklumat kepada keluarga dan juga masyarakat. Kepedulian masyarakat amat perlu dalam membanteras dadah kerana dadah sekarang ini bukan jenis dadah yang seperti dahulu, dia sintetik, mudah diberikan kepada pelajar tanpa kita boleh kesan simptomnya. Dan saya minta penjelasan dan pandangan daripada Seri Delima, bagaimana kaedah yang boleh digunakan untuk kita melibatkan masyarakat ini yang penting sekitar untuk terlibat sama dalam pencegahan dadah, itu yang amat penting.

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya ingat cadangan daripada Ahli Kawasan Sungai Dua cukup baik, bagaimana Kerajaan Negeri ini akan mewujudkan satu Jawatankuasa *Task Force* untuk membanteras dadah di kalangan pelajar-pelajar. Tapi masalah yang besar ialah kalau kita wujudkan jawatankuasa kita tidak boleh benarkan masuk sekolah. Kita tidak boleh ada apa-apa kerjasama. Tapi mungkin kawasan sekolah ini saya rasa ada masalah politik. Tapi walau bagaimanapun saya rasa kita boleh wujudkan kita boleh dapatkan kerjasama daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Saya rasa apa salah kita boleh buat. Tapi sekarang ini hubungan Kerajaan Negeri ini dengan JPN ini bukan saya kata tidak baik. Tapi saya rasa itu laporan ini tiada sebab banyak kes ini saya rasa mungkin mereka rasa mereka pun mungkin mematuhi arahan daripada Kerajaan Persekutuan sebagainya. Jadi masalah bukan ketidak inginan. Tidak berhasrat tapi bagaimana kita boleh adakan jawatankuasa ini untuk membanteras masalah dadah dan saya rasa saya betul saya setuju dengan Seri Delima itu masalah cukup besar di kalangan pelajar-pelajar. Kawasan saya di Parlimen Batu Kawan dan kini di Perai cukup-cukup besar masalah ini dan apabila kita nampak budak sekolah 13-14 umur dia pakai motosikal baru, kita rasa mana mereka dapat semua duit ini. Dan saya diberitahu mereka jadi *runners* untuk jual dadah dan sebagainya yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan tertentu. So jadi, kalau ini boleh diatasi dan saya rasa Kerajaan Negeri boleh main satu peranan dengan untuk membanteras gejala dadah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad);

Penjelasan Seri Delima kepada Perai. Sebenarnya kalau Pihak Kerajaan Negeri hendak turut dan memang pun saya rasa perasaan itu membantu. Sebenarnya bukan sahaja perlu melihat kepada sekolah. Sebenarnya Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan Kampung (JKKK) di peringkat kampung juga penting sebab kebanyakan pelajar sekolah adalah daripada kampung itu. So kalau misal kata YB. Perai kata ada masalah itu pada sekolah, tapi tidak masalah langsung untuk masuk ke kampung-kampung, jadi mungkin menggunakan mekanisma Jawatankuasa Kampung itu, untuk turut serta dalam usaha membanteras penagih dadah dan penjual dadah. Ini di kalangan masyarakat. So saya rasa kita ada serampang banyak mata, mungkin bagi kami kata pergi sekolah, pihak Kerajaan Negeri di Jawatankuasa Kampung dan sebagainya. Kalau kita bekerjasama dan sebagainya dan bersatu supaya dadah dapat dibasmikan. Masyarakat dapat dibebaskan dari dadah. Saya rasa ini kita boleh bekerjasama. Tiada masalah.

Timbalan Ketua Menteri I:

Bila JKKK disebut itu satu saranan yang baik daripada YB. Pulau Betong. Sebenarnya dalam Jawatankuasa Keselamatan Negeri juga kita ada satu unit yang juga kolaborasi dengan Universiti Sains Malaysia (USM) yang buat satu *research* bagaimana hendak menangani satu isu dadah ini diperingkat

asas dia. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, dua perkara yang ingin saya ulas. Pertamanya berbalik kepada isu yang telah dibahaskan oleh Sungai Dua. Untuk makluman saya rujuk balik kepada *the headlines on The Star* “kids and drugs on new high”. Saya baca dia punya headlines, ...(dengan izin). “More than seven thousand four hundred teenagers were caught using and pushing drugs last year, with 89 of them just 13 years old”. 89 daripada 7,400 pemuda ini hanya 13 tahun. “and that just tips of iceberg” says Bukit Aman. ... (dengan izin). Cadangan saya untuk menyelesaikan masalah ini senang sahaja. Kita berbalik kepada Polis DiRaja Malaysia. Banyak sangat anggota-anggota cawangan khas yang digunakan untuk mengintip ahli-ahli politik. Gunakan mereka masukkan, mereka ke dalam sekolah menyamar sebagai guru mungkin minta mereka menjalani(dengan izin) *training* untuk mengajar subjek-subjek tertentu dan mengambil alih tugas untuk membanteras dadah. Itu adalah cadangan saya kepada Sungai Dua. *To use the Police Force effectively, don't spy on politician...*(dengan izin). Masuk ke sekolah gunakan mereka untuk mencegah masalah-masalah sosial terutamanya dadah di sekolah- sekolah. Itu adalah cadangan saya... (dengan izin).

Berbalik kepada isu ini saya juga ingin mencadangkan supaya selain daripada pihak Polis dan pihak guru-guru, ahli-ahli wakil rakyat seperti Yang Berhormat Perai dibenarkan untuk masuk ke sekolah dari masa ke semasa untuk kita menganjurkan majlis-majlis keramaian, majlis ceramah, motivasi ataupun cadangan-cadangan. Masalahnya, kita lihat mungkin terdapat arahan, saya kurang pasti YB. Perai. Sama ada terdapat larangan yang melarang wakil-wakil rakyat daripada wakil-wakil rakyat terutamanya wakil rakyat daripada Pakatan Pembangkang daripada memasuki sekolah. Saya kurang pasti sama ada Yang Berhormat sendiri sebagai EXCO Pendidikan, boleh masuk secara terbuka ke dalam mana-mana sekolah untuk berjumpa dengan guru jikalau berlaku apa-apa masalah.

Timbalan Ketua Menteri II:

Minta maaf. Saya tidak ada banyak contoh cuma satu ini berlaku baru-baru ini baru sebulan. Kes di Sekolah Menengah Mutiara ada kes pergaduhan samseng dan ada satu protes oleh ibu bapa depan sekolah dan mungkin rumah saya tidak jauh dari sekolah itu dan saya diberitahu ada satu protes dan saya pergi ke sana supaya sebab memang dulu saya pernah juga masuk kawasan sekolah dan selesaikan beberapa masalah di kawasan Parlimen Batu Kawan. Tapi apabila saya pergi sana walaupun itu bukan kawasan Parlimen Batu Kawan. Dan saya pun bukan *Member Parliament* (MP) sekarang. Sebagai EXCO Pendidikan ini saya pergi ke sekolah saya minta Pegawai JPN yang ada di situ, macam mana boleh saya bantu menyelesaikan masalah sebagai Ahli EXCO Pendidikan ini. Tapi memang dia katakan bahawa, “YB. minta maaf saya dapat arahan tidak membenarkan YB. masuk ke sekolah”. Jadi saya pun tiada apa-apa pilihan, kemudian saya buat sidang akhbar dan saya berundur dari situ. Tapi saya rasa saya tidak pergi sebagai pembangkang ataupun wakil rakyat tapi sebagai Ahli EXCO Pendidikan. Tapi saya puji CPO sekarang dan dua (2) hari CPO panggil saya dan dia mengatakan bahawa inilah langkah-langkah yang mereka telah ambil untuk membenteraskan samseng di sekolah, pergaduhan dan sebagainya. CPO panggil saya, seorang pegawai Polis yang tinggi di Pulau Pinang. Seorang yang penuh bertanggungjawab. Saya tidak tahu dan baru tahu CPO adalah bekas pelajar saya dan ambil satu kursus sama saya. Tetapi dia ambil tanggungjawab dan kemudian menjelaskan apa tindakan yang mereka ambil dan bukan daripada JPN. So itu mungkin ada satu isu saya rasa mungkin kadang-kadang bergantung siapa ketua JPN. Ada yang mereka yang lebih dinamik mereka tidak rasa ada masalah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri ada yang rasa mereka mengikut arahan saya pun tidak tahu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima Kasih Yang Berhormat. Satu lagi isu yang saya menarik perhatian, isu kedua terakhir saya ialah kematian-kematian dalam lokap(dengan izin). Di Pulau Pinang saya percaya terdapat satu dua kes berlaku. Dan baru-baru ini kita digegarkan dengan satu lagi berita mengenai kematian seorang suspek bernama Darmendran dalam lokap Polis. Di mana dalam laporan ini menunjukkan si mati didapati telinga beliau telah....(dengan izin) di *staple*. Banyak juga kecederaan yang dialami oleh si mati. Dan beliau hanya ditahan bagi suspek kes melibatkan suspek curi kereta. Belum dituduh lagi. Hanya suspek sahaja. Ini adalah kejadian yang keempat, kelima sebelum ini kita melihat kejadian melibatkan Koogan, kejadian di MACC dan sebagainya. Saya di sini ingin menyeru meminta Kerajaan Negeri. Saya percaya satu Jawatankuasa Khas telah pun dimulakan untuk memantau dengan lebih rapi dan saya ingin tanya kepada Yang Berhormat yang berkenaan, apakah tindakan yang telah diambil terhadap satu, dua kejadian yang telah berlaku di Pulau Pinang?. Satu adalah di Nibong Tebal saya percaya. Sama ada apa-apa Jawatankuasa Penyiasatan Khas telah ditubuhkan. Perkara ini berleluasa, ini melibatkan integriti pihak Polis dan saya merayu kepada pihak....(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Seri Delima minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sila.

Timbalan Ketua Menteri II:

Kerajaan Negeri telah tubuhkan satu *task force* mengenai kematian dalam Bahasa Inggeris *care in custody* dan saya rasa pada tahun 2014 ada lebih kurang 6, 7 kes di Pulau Pinang dan sekarang bukan sahaja kematian dalam *custody* Polis tapi *custody* Penjara. Ada dua (2) jenis *custody* kematiannya dan kes yang memang lebih terkenal ialah kes Dharmendran saya sekarang sudah tulis beberapa surat kepada AG, surat kepada IGP, surat kepada CPO, bekas CPO Pulau Pinang supaya kita ada satu perbincangan mengenai masalah *care in custody* anggota *care in custody* adalah YB. Jagdeep Singh dan YB. Dr. Afif dan saya jadi Pengerusi.

Ini serius dan ini tidak ada batasan kaum tetapi ini melibatkan semua kaum dan saya tidak ada jawapan daripada IGP tapi saya dapat jawapan dari bekas AG dan dia bersedia jumpa sama kita untuk membincangkan masalah ini kematian dalam *custody*. Jadi ini satu isu serius apabila kita takrifkan Malaysia sebagai Negara dan akan membangun. Dan ini adalah hak asasi manusia dan ini kematian adalah cukup serius. Tetapi saya dapat satu apabila saya menulis surat kepada EAIC yang diketuai oleh bekas Hakim di Pulau Pinang, Yang Arif Yaacob dan dia datang dengan rombongan ke Pulau Pinang berjumpa dengan saya.

Dan saya rasa EAIC adalah satu badan yang ditubuhkan sebagai optimis kepada IPCMC tidak setuju dan mewujudkan EAIC di bawah satu akta. Dan saya tahu bahawa Yang Arif Yaacob ini seorang yang saya rasa perlu dipuji. Seorang yang cukup baik dalam bidang kehakiman dan dialah yang saya rasa dalam kes Dharmendran dan kes Amirul Rashid dia kemukakan dia kata satu penemuan yang cukup baik di mana dia mengatakan bahawa Polis yang bertanggungjawab. Itu pun satu yang saya rasa saya sendiri bagi puji sama dia telah sekarang sudah naik pangkat ke Mahkamah Rayuan. Sudah buat serentak dua jawatan ini sebagai Pengerusi EAIC dan juga sebagai Hakim di Mahkamah Rayuan.

Tetapi saya rasa EAIC memang ada batasan dia tak boleh buat kerja kalau kita ada IPCMC tetapi ini cukup serius bukan sahaja di Lokap Polis tetapi juga di Penjara. *So that is in custody* bukan sahaja bermakna dalam *custody* Polis tetapi *custody* penjara juga. Jadi kita sebagai merupakan *pressure group* apa boleh kita buat cuma kita boleh dedahkan, kita boleh menulis surat boleh ada sidang akhbar dan sebagainya kita boleh mengadakan hubungan dengan pihak Polis EAIC mungkin dengan *bar council* dan sebagainya. Jadi peranan kita pun terhad juga tetapi ini juga perlu dibanteras dan *in custody* dan cukup sedih bahawa mereka yang meninggal adalah mereka yang miskin. Miskin pekerja dan sebagainya. Mereka yang tidak ada sokongan daripada keluarga mereka dan sebagainya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Perai yang juga cukup prihatin tentang isu ini saya di sini ingin menyeru sekali lagi Kerajaan Negeri supaya memberi perhatian yang terperinci kepada masalah-masalah ini masalah yang berlaku terutama kepada kematian-kematian di dalam lokap sama ada Polis atau Penjara. Isu kedua terakhir yang saya ingin bahaskan adalah berkenaan dengan penggunaan *handphone* semasa kita memandu. Sedarkah Dato' Speaker bahawa baru-baru ini terdapat beberapa kejadian melibatkan kemalangan yang juga melibatkan kemalangan maut akibat pengguna kenderaan yang memandu dan menggunakan *handphone* pada masa yang sama.

Text messages kita lihat bila kita pandu kenderaan perkara ini merupakan perkara yang sudah kritikal, kadangkala saya juga harus mengakuilah saya sendiri pun terpanggil untuk bila dapat *message* bila pandu kenderaan takut ada masalah terjatuhnya pokok di kawasan, masalah banjir dan sebagainya di kawasan kita terpanggil untuk melihat. Saya kurang pasti sama ada terdapat undang-undang yang mencukupi untuk mengawal dan mengambil tindakan di atas isu ini sekarang.

Mungkin ini Yang Berhormat-Yang Berhormat fikir adalah masalah yang perlu dibahaskan di Parlimen tetapi saya percaya di Pulau Pinang kita juga boleh mengatasi masalah ini. Apabila saya lihat Majlis Bandaraya Pulau Pinang sekarang telah menyediakan banyak lagi CCTV *camera* dan *loud speaker*. Kita lihat juga daripada Metro di mana ada kakitangan-kakitangan yang sentiasa *The Star Metro*, *The People's Paper* di mana mereka boleh pantau dan daripada kamera-kamera ini mereka boleh

zoom dan juga terdapat *loud speaker*, apakah cadangan saya? Kalau pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan saman, kalau sekurang-kurangnya lihat ada pemandu kenderaan yang menggunakan *handphone* bolehlah dalam *loud speaker* menyatakan “*please stop using your handphone*”. “Tolong pandu kenderaan jangan gunakan *handphone*” *loud speaker* itu pernah digunakan apabila terletaknya kenderaan yang menghalang lalu lintas di mana pembunyi pembesar suara itu digunakan untuk memberi amaran kepada pemandu kenderaan itu untuk mengalihkan kenderaan. Jadi saya mencadangkan selain daripada kita hanya perhatikan kepada kesesakan lalu lintas dan kenderaan-kenderaan yang menghalang lalu lintas supaya petugas-petugas di Majlis Bandaraya Pulau Pinang juga diberi kuasa mungkin untuk melaporkan perkara itu kepada pihak Polis ataupun menggunakan pembesar suara memberi amaran kepada pemandu-pemandu kenderaan yang kelihatan sedang melihat *handphone* sedang menggunakan sms ataupun *whatsapp* semasa memandu kenderaan. Sebabnya saya membangkitkan perkara ini adalah di Pulau Pinang saya *I have to be very honest* pemandu-pemandu kenderaan kurang sensitif ataupun tidak langsung bertimbang rasa.

Seringkali kita lihat ada pejalan kaki yang ingin melintas jalan kalau di luar negara Yang Berhormat kalau pernah pergi ke Australia, New Zealand atau di mana negara-negara barat kalau lihat sahaja seorang yang jalan kaki mereka akan berhentikan kenderaan sama ada ada atau tidak *zebra crossing* mereka akan minta kita supaya menyeberangi jalan. Tetapi tabiat ini tidak diamalkan di Pulau Pinang malahan di seluruh Negara Malaysia. Di Pulau Pinang masalahnya agak kritikal. Dan sungguh memalukan apabila Pulau Pinang menjadi destinasi pelancong seringkali di Daerah George Town terdapat warganegara asing yang suka berbasikal berjalan kaki, bersiar-siar mengambil gambar menunggu sehingga lebih kurang 10 hingga 20 minit umpamanya dekat mahkamah ada juga nak ke mahkamah nak melintas tak diberi peluang langsung sehinggalah mereka terpaksa menggunakan isyarat tangan untuk pemandu-pemandu kenderaan berhenti kenderaan mereka.

Jadi saya di sini ingin mengambil kesempatan bukan menyelarlah tetapi merayu kepada Kerajaan Negeri untuk menggunakan kaedah-kaedah yang saya cadangkan dan saya juga merayu kepada pemandu-pemandu kenderaan di Pulau Pinang supaya lebih prihatin dan lebih sensitif dan bertimbang rasa kepada pejalan-pejalan kaki yang menggunakan lalu lintas menyeberangi jalan, supaya tidak berlaku apa-apa kemalangan yang melibatkan warganegara asing sehingga sekarang memang tidak ada.

Tetapi saya mengutarakan perkara ini sebagai cadangan kerana kalau berlaku kejadian begitu ia akan menyebabkan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan tercemar.

Akhir sekali, saya ingin tanya kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang mengapa mengambil tindakan terhadap pengusaha-pengusaha ... (dengan izin), saya baca “*The Penang Island City Council is going after those who illegally ran out rollerblades and inlines skates in public areas*”, saya difahamkan di Karpal Singh Drives setiap hari Sabtu dan hari Jumaat pemuda pemudi suka menyewa *rollerblades* dan menggunakan *rollerblades* itu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti riadah. Bolehkah perkara ini diberi perhatian dan saya minta kalau boleh jangan mengambil tindakan penguatkuasaan. Kalau boleh saya minta supaya perkara ini kita patut menggalakkan kerana kalau kita tidak mahu sebarang insiden melibatkan pemuda pemudi kalau kita tidak membenarkan aktiviti begini tempat yang begitu besar hari Ahad dan hari Sabtu untuk tempat mereka beriadah warganegara Pulau Pinang apa lagi yang mereka boleh buat?

Dan saya percaya bahawa tindakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang mengambil tindakan kepada pengusaha-pengusaha ini telah sedikit sebanyak mendatangkan satu persepsi yang tidak baik terutamanya di golongan pemuda yang mempersoalkan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mereka mengatakan ...(dengan izin), bukan saya katakan tidak menggalakkan aktiviti ini terutamanya melibatkan pemuda pemudi dan ini sedikit sebanyak juga telah menyebabkan mencemarkan imej Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan.

YB. Dato' Speaker, akhir sekali *one minute* saya berterima kasih kepada Jabatan Ketua Menteri syabas, di atas pelantikan Zaidi Ahmad bekas Mejar Tentera yang telah diberhentikan kerja kerana membawa isu penggunaan *indelible ink*, syabas kepada beliau Mejar Zaidi. Selamat datang, selamat bertugas saya juga difahamkan beliau telah menjadi Ahli Parti Tindakan Demokratik saya percaya tindakan Ketua Menteri mengambil beliau sebagai seorang *Information Officer...* (dengan izin), akan memperkasakan lagi Jabatan Ketua Menteri dan menunjukkan bahawa Kerajaan Pulau Pinang adalah kerajaan berjiwa rakyat dan siapa juga yang disalahkan dan dimangsakan oleh Barisan Nasional akan dibela oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bangun juga untuk turut serta membahas ucapan Tuan Yang Terutama Tun pada 10hb Mei minggu lepas.

“Nampak cantik ikan kelah
Dalam sungai berenang-renang
PRN Sarawak DAP telah kalah
Barisan Nasional telah menang”

“Dalam sangkar ada beruk
Masukkan pisang dengan galah
DAP kalah teruk
Dengan PKR mereka berbalah”

“Ambil buluh buat galah
Daging disaruk pembuat kebab
DAP tetap tidak salah
PKR dan PAS penjadi penyebab”

“Isi kelapa diperah-perah
Di dalam sungai di makan kelah
DAP terus marah-marah
Semua orang yang salah”

“Di dalam Dewan tidak ada pan
Izinkan saya terus dengan ucapan”

YB. Dato' Speaker, Pulau Pinang dan Malaysia macam dunia memerlukan bekalan udang, sebab itulah ternakan udang, industri ternakan udang di atas daratan menjadi satu industri yang besar kerana harganya yang lumayan, harganya yang tinggi dan pulangnya yang besar. Di kawasan Balik Pulau, dari Pulau Betong hingga Pantai Aceh terdapat lebih kurang tujuh (7) pemilik dan lebih kurang 100 ekar kolam udang disana dan industri ternakan udang dalam kolam ini telah berjalan lebih daripada 10 tahun.

Ini adalah satu industri yang menguntungkan dan udang adalah diperlukan untuk makanan manusia semua. Ini bermakna aktiviti perniagaan dengan tujuan yang baik kita sokong. Akan tetapi, satu perkara yang paling dan amat tidak disokong adalah tindakan pengusaha-pengusaha udang yang tidak membuang air setelah kolam mereka dicuci. Akibat dari tindakan mereka itu, sungai tidak lagi boleh dimandi, air sungai tercemar bercampur minyak hitam pekat, keruh dan *partical-partical* berwarna hitam berbau busuk. Mengaung, keledak di dalam air keluar bersama air buangan itu menjadi mendapan semasa air aliran ke dalam sungai menjadikan tinggalannya di dalam dasar sungai itu menjadi hitam dan amat busuk. Ikan-ikan dan udang-udang serta ketam-ketam di sungai semuanya mati. Bukan sahaja anak-anak ikan, dan udang dan ketam mati, bahkan ibu ikan, ibu ketam ibu udang juga mati.

Habis semua mati dan tidak ada benih baru, siapa yang rugi? Siapa yang sebenarnya menanggung kerugian? Penternak udang tadi menjadi kaya raya, dia seronok mendapat duit keuntungan yang banyak. Siapa yang susah? Nelayan dan orang-orang kampung yang menjadi susah apabila benih ikan ini dah mati semua, bagaimana ikan didalam sungai dan laut hendak bertambah? Jadi YB. Dato' Speaker, *the biggest culprit* adalah penternak udang dalam kolam yang tidak bertanggungjawab yang telah melepaskan air dari kolam mereka ke dalam sungai. Adakah perkara ini baru berlaku? Tidak. Adakah perkara ini tidak dimaklumkan kepada pihak berwajib? Tidak, telah dimaklumkan. Apakah tindakan telah diambil? Apakah pemantauan pihak penguatkuasa telah dibuat? Saya rasa tidak ada. Kalau ada pun sekali sekala sahaja apabila ada rungutan.

Jadi YB. Dato' Speaker dalam dewan ini, saya mendesak Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan untuk mengambil tindakan segera untuk memeriksa semua kolam-kolam udang dan ikan sedia ada. Mereka mesti diwajibkan memastikan setiap titisan air yang keluar dari kolam mereka itu, mesti di dalam gred atau kelas yang dibenarkan. Setiap kali kolam mereka mahu dicuci, mereka perlu memaklumkan kepada pihak berwajib mendapat kebenaran dahulu dan pegawai mesti ada di kolam cucian, bagi memastikan bahawa mereka melepaskan air yang benar-benar berkualiti dan tidak mengganggu gugat hidupan dalam laut dan saya mahu juga, jika sekiranya mereka melepaskan air ke dalam sungai tanpa pemberitahuan kepada pihak berkuasa, tanpa kelulusan mereka seharusnya diberi

denda yang tinggi kerana kesannya amat mendalam kepada hidupan alam, hidupan sungai dan laut dan juga alam sekitar.

Adun Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Dato' Speaker. Saya rasa YB. Pulau Betong pun pernah ingat isu ini tiap-tiap kali saya bawa dalam dewan ini. Semenjak Dato' Speaker sendiri menjadi EXCO Pertanian, betul Dato' Speaker? Okey, isu di Sungai Udang Dato' Speaker, ada kolam ternakan udang, ada kolam ternakan ikan. Semasa mereka habis, kelodak-kelodak dalam kolam itu dilepas kepada parit satu JPS iaitu di Sungai Udang. Akibatnya parit tersebut menjadi cangkat dan berlaku banjir di kawasan kampung-kampung, tanah kebun Sungai Petunting yang melibatkan sawah, yang melibatkan ladang kelapa sawit.

Saya amat setuju atas pandangan Pulau Betong, yang untungnya adalah penternak-penternak udang dan ikan dan yang ruginya pesawah-pesawah kecil dan peladang-peladang kelapa sawit yang marhaenis di kampung itu. Soalan saya, siapakah yang sebenarnya Pulau Betong yang pertama, yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen ini? Berapa Jabatan teknikal yang terlibat mengeluarkan lesen ini? Yang kedua, Jabatan mana pulakah yang memantau kalau sekiranya lesen ini dikeluarkan hendak memastikan syarat-syarat itu ditunai wajib?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Sungai Aceh. Sebenarnya pandangan, memang saya setuju mendengar ucapan YB. Sungai Aceh tentang isu ini. Saya bangunkan ini kerana saya pun sudah tidak tahan dah dengan kerenah yang berlaku, saya tidak pasti berapa lesen dikeluarkan tapi yang penting adalah pemantauan harus dibuat oleh agensi atau pihak tertentu bagi memastikan yang air yang dilepaskan itu adalah air yang telah pun ditapis. Air yang telah dicuci supaya tidak mengganggu hidupan-hidupan lain. Saya tidak pasti YB. Dato' Speaker, kalau kita melihat air itu dengan kelodak yang hitam berkelodak busuk, adakah udang yang dipelihara di dalam kolam itu juga adalah udang yang sihat? Mungkin kita juga memakan udang yang tidak sihat, Sungai Puyu. Saya tidak tahu bagaimana. Sebab saya rasa memang air itu kalau kita pergi bau dia, lihat dia memang terlampau kotorlah. Busuklah. Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Sudahkah tapak yang telah disentuh tadi adalah satu tapak yang telah dibagi milik oleh Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Sungai Puyu, saya tidak bercerita tapak....(gangguan) saya tidak sebut pun tapak mana.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nanti. Nanti. Nanti. Nanti.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tahu.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nanti. Nanti. Nanti. Sabar.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Sungai Puyu sebut baru saya tahu....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Iaitu kata tanah itu telah dibagi pada PERDA. Dan PERDA telah sewa pada tiga (3) pengusaha di sana sejak pada 90-an. Pada 90-an, kejadian dia punya tanah serupa sehingga hari ini dan pada kini... (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jangan alih. Itu Sungai Puyu nak cari kesalahan ini pada orang lain.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bukan, saya nak kata macam ini, bahawanya sebelum tahun 2008, memang cara mereka buat ada macam ini. Selepas kami ada lihat apa-apa pencemaran dan *biodiversity* ini, telah ada satu kursus dan juga satu bengkel di Cameron Highlands di mana kami telah semak semula cara akuakultur dan dengan ini saya kata Pulau Pinang bangga bahawa apa yang dicadang oleh Kerajaan Negeri untuk kawalan apa akuakultur, *landed aquaculture* akan diguna di seluruh Malaysia. *That is what are this are going* pun belum dapat dijelaskan. Di Penaga pada kini dia boleh dapat dijalankan dan di sana tidak ada kawalan di sana.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

YB. Pulau Betong, lagi satu soalan boleh?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ini kawan baik, kita bagi.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Ini soalan berkenaan dengan kegunaan antibiotik didalam ternakan yang baru ini bukan lama dalam satu (1) bulan ada satu kenyataan dari Amerika Syarikat. Undang-undang dari Malaysia ada antibiotik ini ada masalah yang besar. So, adakah satu sistem yang kawal tidak guna antibiotik dalam.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. Yang itu mungkin EXCO jawab. Tapi saya bersetuju sebenarnya. Saya tidak pasti adakah antibiotik yang digunakan untuk udang sama dengan yang digunakan untuk manusia?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Makanan udang

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Makanan udang. *See*. Ada dalam makanan udang. So, suatu benda yang bahaya. Saya rasa kalau Sungai Puyu mengatakan di perihal perbincangan dan pengawalan, kalau ada perbincangan, ada pengawalannya yang terbaik. Kenapa masih berlaku? Nanti jawab....(gangguan)

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Apa yang sana nak kata....(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tidak payah kata apa. Nanti gulung.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Telah cadang kepada Kerajaan Pusat untuk cara-cara kawalan jikanya Kerajaan Pusat dia malas tulang macam mana, saya...(kurang jelas).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Hormat Dewan lah Sungai Puyu. EXCO kanan, hormat....(gangguan). Saya tak bagi laluan.

Adun Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kena panjang pada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat akan warkan...(gangguan) kerana semua eksport kepada Eropah dan Amerika dibawah kawalan Kementerian Kesihatan dan juga Perikanan. So,

jikanya saya kata orang itu dia malas tulang, macam mana nak salah pada kami. Faham tak? So, kami telah minta bahawa ambil tindakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Sungai Puyu, saya bercakap *general* Sungai Puyu ya dan jikanya perbahasan telah pun dibuat sama-sama kita pantau. Sebab kita mahu yang terbaik untuk kolam, untuk hidupan laut dan juga untuk makanan. Dan saya rasa perkara yang diutarakan oleh YB. Batu Uban, tentang penggunaan antibiotik adalah mustahak sebab saya tahu dalam tahun sudah saya bangkitkan ada sekatan kemasukan udang dari Pulau Pinang ke Amerika Syarikat. Dato' Speaker, sudah Yang Berhormat... (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu bukan *urgent* sangat lah. Tidak apalah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kerana kami dapat bahawa ada demonstrasi...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

...(gangguan). Mereka semua terkejut YB. Dato' Speaker...(gangguan) terkejut kerana berjumpa dengan pengusaha ikan merah yang telah kematian lebih 20 ribu ekor ikan merah. Ibu ikan, yang seberat dia kata dalam sekilo ke dua kilo dan kerugian itu bernilai hampir ataupun lebih daripada RM500 ribu ringgit. Di sebelah kolamnya itu ada penternak tiram, dia kata semua tiramnya mati dan kerugiannya melebihi RM100,000. Satu (1) jumlah yang besar YB. Sungai Puyu. Satu (1) jumlah yang agak besar, dia pun tak faham selama 20 tahun dia menternak ikan di situ, tidak pernah berlakunya sebelum ini. Yang hairannya pula sebahagian daripada kolam itu, ada dua (2) bahagian, satu (1) ibu, satu (1) anak. Yang ibu semua mati, yang anak tak mati. Ini mungkin kerana aliran air yang datang menempah masuk ke kawasan ibu ikan itu adalah air yang tercemar, sama ada tercemar akibat bahan kimia atau kotoran daripada *reclamation* kalau ada, atau pun kotoran daripada kolam udang, kemungkinan besar ada. Ini adalah benda yang saya rasa perlu diambil perhatian berat oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan kerana ini sebenarnya apa juga bentuk pencemaran yang melanda, kalau kepada kehidupan laut maknanya ianya akan langsung beri kesan kepada manusia juga.

YB. Dato' Speaker, saya nak beralih kepada isu lain. Teguran audit kepada Pejabat Daerah dan Tanah. Sebenarnya Dato' Speaker, kita telah pun mengadakan audit kepada Pejabat Tanah & Daerah baru-baru ini, tetapi ada beberapa isu yang saya rasa perlu saya ambil perhatian Kerajaan Negeri. kerana isu ini adalah mustahak. Dalam sesi pengauditan bersama dengan Jawatankuasa Audit kita telah membangkitkan beberapa perkara yang penting dari asas kepada perkhidmatan cemerlang jabatan-jabatan Kerajaan Negeri. Antaranya adalah satu teguran kepada tapak tanah yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan, telah dipindahmilik tanpa persetujuan KPTG.

Yang kedua, pengeluaran Borang 5(A) yang mengambil masa yang panjang. Tiga, caj premium berbeza dan kelulusan pihak berkuasa negeri. Sama-sama *department* pun tak sama. Bayaran khas salah caj. Pendaftaran Hak Milik mengambil masa yang panjang. Hak Milik Sementara boleh didaftarkan Hak Milik Muktamad. Hak Milik Muktamad mengambil masa untuk didaftarkan. Kami mendapati terdapat ketidakpatuhan dan ketidakfahaman kepada prosidur. Kesalahan pengiraan, masalah berangkai antara jabatan dan sebagainya. Teguran-teguran telah pun dibuat terus kepada Jawatankuasa PAC juga telah dibuat. Saya tidak hasrat untuk menyentuh satu persatu, tetapi memadai untuk menasihatkan kakitangan kerajaan supaya menjalankan tugas dengan berhati-hati dalam menjalankan tugas. Kita tidak perlu menunggu orang lain untuk melihat dan mencari kesalahan kita. Tetapi sentiasa berusaha untuk membuat yang betul dan mengikut prosedur. Saya sarankan supaya pegawai-pegawai atasan yang berpengalaman sentiasa menyemak kerja-kerja pegawai seliaan di bawah mereka. Saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya selalu mengadakan kursus pemantapan ataupun *continuous professional development* kepada semua kakitangan, terutamanya yang penting dalam melibatkan pengiraan aset, wang dan sebagainya.

Pihak Jawatankuasa PAC juga telah membuat teguran kepada pentadbiran dan pengurusan kuari-kuari. Ada kuari-kuari yang beroperasi tanpa lesen, termasuklah yang dipunyai sendiri oleh anak syarikat Kerajaan Negeri. Ada lesen yang telah luput, belum diluluskan untuk diperbaharui tetapi kuari tetap beroperasi. Pihak Audit dan pihak PAC telah mengenalpasti, seringkali terdapat kesalahan dalam pengiraan kuantiti batu-batuan yang menyebabkan pihak kerajaan kehilangan pendapatan. Kelewatan pengeluaran lesen juga telah ditegur, sehinggakan kuari beroperasi tanpa lesen, jika tanpa lesen adakah kuari mempunyai insurans, adakah hasil negeri dikutip dan sebagainya.

Satu perkara yang paling penting yang telah ditegur kepada pegawai dan hari ini saya minta di Dewan yang mulia ini, supaya Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius terhadap pencemaran alam yang terhasil daripada debu-debu kuari. Kerosakan rumah, kerosakan jalan-jalan disebabkan langsung oleh pengurusan kuari ini. Saya mahukan pegawai berdisiplin dan berintegriti sepenuh masa ditempatkan di semua kuari. Bukan sahaja untuk memeriksa kuari batu tetapi juga yang paling penting menjadi mata dan telinga masyarakat supaya kadar pencemaran adalah di bawah kawalan standard yang dibenarkan. Janganlah sesekali kesihatan dan kesejahteraan masyarakat sekeliling dikorbankan kerana semata-mata untuk pembangunan dan hasil negeri. Juga jangan lagi menunding jari, memindahkan kesalahan kepada pihak lain. Saya ulangi perkara ini, walaupun telah disoal siasat oleh PAC, kerana perkara ini amatlah penting dari perhatian, lebih lebih lagi di kawasan Sungai Acheh yang saya rasa mengalami masalah paling banyak tentang pencemaran ini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan. Berkenaan dengan kuari saya nak memohon, juga kepada Kerajaan Negeri sebab semasa kita menyoal Pejabat Daerah, saya tak faham kenapa kuari yang, dia sepatutnya lebih 200 meter baru diberi kelulusan lesen. Tetapi ada juga kuari yang tak *I mean*, tak lebih daripada 200 meter diberi kelulusan. Lagi satu (1) isu yang dibangkitkan ialah pasal lori, lori-lori yang lebih muatan yang keluar daripada kuari yang menyebabkan kemalangan yang berlaku di jalan raya. Pihak berkuasa macam SPAD, dia boleh setakat membuat operasi lepas itu bawa kes itu ke mahkamah. Tetapi saya mengharapkan yang pihak-pihak yang memberi lesen kepada pihak kuari, juga memantau kuari-kuari yang membenarkan *all these lorries*. Sebab Penanti memang kita tak ada industri apa pun, kecuali kita ada kuari, dan ini masalah yang sangat besar terutama kepada penunggang motosikal sebab di Penanti tak ada *public transport*, pengangkutan awam.

Lagi satu berkenaan dengan aset negeri. Saya belum terima apa, dalam PAC, tak tahu *wheather* laporan berkenaan dengan keselamatan di KOMTAR. Adakah laporan itu telah dikeluarkan sebab buat aset ini, bagi saya, saya nak tanya ini sebab Bomba kata KOMTAR tak ada, tak ada Sijil Bomba, maknanya tak selamat, dan semua macam *fire extinguisher* tak jalan. *All the*, ke semua dia punya *Terms Of Reference* untuk keselamatan itu *fail*. Jadinya setakat ini saya belum terima apakah dia keputusan ataupun langkah kerana KOMTAR ini semua *strata title* dah ada dalam itu. Semua *title-title* hak milik tanah pun dalam itu juga. Jadi kalau keadaan KOMTAR dan semua Ahli Mesyuarat EXCO, pejabat semua di situ. Jadi saya nak tanya isu ini lah, sebab ini diuruskan oleh PDC.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya ingat PENANTI, tunggu jawapan daripada PAC lah. *Actually* itu adalah serius, sebab semua EXCO kesayangan rakyat Pulau Pinang ada di KOMTAR. So tidak mahu berlaku apa-apa peristiwa lah. Okey.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria)

Minta laluan. Bila YB. Pulau Betong bangkit soalan ini, saya sebenarnya amat simpati kepada kawasan, YB. Dato' Speaker. Ini Batu Kawan YB. Dato' Speaker, jadi(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pesat membangun.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Pesat membangun kerana batu-batu dipecahkan tanpa kebenaran.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Sebab itulah batu berjadi kawan. YB. Dato' Speaker, ini berlaku di Batu Kawan iaitu di Kampung Masjid dan Kampung Pengkalan. YB. Dato' Speaker tahu.....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tahu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Awat tak ambil tindakan yang cepat. Jadi saya buat soalan Dewan, jadi di sini depa bagi tahu jenis kuari tanah merah yang syarikat dia PDC Nusa Bina. PDC Nusa Bina anak syarikat Kerajaan Negeri la. Jadi yang pertamanya memang keadaannya teruk di situ dan lawatan YB. pun buat, rumah jadi masalah, kesian kepada mereka. Banyak tempat, depa tak cerita lagi lah. Tak apa saya bawa Dato' Speaker lepas ini. Simpati ini....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dan yang menariknya YB. Dato' Speaker, dia kalau lesen ini, biasa ini dia keluar permit 4B tanah kerajaan. *Sorry* 4B tanah kerajaan, kalau tak *private* permit 4C, *so part* ini permit 4B pula. Ada satu tempoh YB. Dato' Speaker, lesen tak dapat dikeluarkan, katanya prosesnya lambat tetapi operasi jalan. Pelik lah. Syarikat Kerajaan Negeri buat salah yang disebut CAT tadi. CAT buat salah lah. Tempoh setahun tak ada lesen tapi beroperasi. Jadi peliklah, sedangkan kalau nak ikut dalam jawapan soalan saya, saya baca....(dengan izin). Ini kawasan YB. Dato' Speaker, saya kena bagi berjuang penuh kerana saya nak bela kawasan YB. Dato' Speaker. "Penguatkuasaan kuari dijalankan oleh jabatan-jabatan berkaitan mengikut bidang kuasa masing-masing seperti Pejabat Daerah Tanah, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral & Geo Sains....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penjelasan apa yang nak dari Pulau Betong?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Ni yang saya nak minta penjelasan. Dia kena ada bunga. Tadi Seri Delima bercakap, sampai ambil masa orang lain, pun YB. Dato' Speaker tak tegur. Ini saya nak bela YB. Dato' Speaker. Dalam jawapan ini dia kata, "Sekiranya terdapat kuari-kuari yang beroperasi di atas tanah kerajaan tanpa permit, tindakan penguatkuasaan akan diambil di bawah Seksyen 426, Kanun Tanah Negara 1965 dan jika disabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 jadi saya nak tanya Pulau Betong. Kenapa tindakan ini tidak diambil kepada syarikat yang mencemarkan keadaan kuari itu? Terima Kasih Dato'.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Why? Why? Saya ingat tidak dijawablah yang itu. Saya rasa itu satu perkara yang tak harusnya berlaku, tidak adanya pemilihan pilih kasih yang syarikat kerajaan ataupun tidak, ya saya rasa pihak Kerajaan Negeri harus berlaku adil mengambil tindakan yang sewajarnya. Dan saya bersimpati dengan orang kampung YB. Dato' Speaker yang telah pun, yang saya tahu memang sengsara di atas kuari yang tidak bertanggungjawab itu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan sedikit sahaja. Terima kasih Pulau Betong. Isu kuari yang beroperasi tanpa lesen dan menjejaskan masalah penduduk, rumah-rumah penduduk, batu-batan yang berterbangan di angkasa, dah pun dibangkit tahun lepas lagi. Dan tahun ini ada lagi teguran oleh Audit Negara, masih lagi tidak ada tindakan. Saya pun tak faham lah. Kerajaan CAT ini, mana pergi CAT itu, CAT tidur. Jadi mana di penguatkuasaan, mana dia tindakan untuk memastikan perkara-perkara penyelewengan ini tidak berterusan dan apa ini, berkesan. Penjawat-penjawat Kerajaan Negeri, terutama sekali Pegawai Pejabat Daerah dan apa ini, Pejabat Tanah ini, tidak berleluasa berterusan sampai bila-bila.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ya, saya tahu YB. Dato' Speaker sudah lihat jam. Satu isu lagi, ada banyak lagi sebenarnya. Satu isu yang ringkas sahaja tentang pasar tani yang telah pun dibawa oleh YB. Telok Ayer Tawar. Cuma saya nak minta sungguh-sungguh daripada Kerajaan Negeri supaya semua pasar tani yang dipohon, sebanyak 12 buah pasar tani baru di seluruh Pulau Pinang itu diberi kelulusan. Kalau tak beri kelulusan, cari lah alternatif lain, jika dari segi tempat tak sesuai, kerana telah pun saya beri contoh tempoh hari, untuk Pasar Tani Tasek Gelugor sahaja ada 87 orang peserta, jualan Januari hingga Mac 2016, adalah RM880,000. Campur bulan April dan Mei dah mencapai ke berjuta ringgit. Ini merupakan satu peluang perniagaan yang besar yang disediakan kepada petani kita. Dan saya harap pihak Kerajaan Negeri tidak mengabaikan tanggungjawab untuk membantu usahawan dan kalau boleh disegerakan, kerana saya mendapati pilihan utama orang-orang kampung dan juga tempat-tempat lain adalah untuk mencari bekalan makanan seminggu sekali daripada pasar tani. Pasar barang-barang yang segar dan juga murah sebenarnya berbanding dengan tempat-tempat lain dan saya rasa pihak Kerajaan Negeri perlulah menyokong usahawan umpama ini. Mereka telah pun memberi justifikasi kenapa tempat itu dibina sebagainya dan kalau justifikasinya tidak diterima mungkin boleh beri alternatif yang lain. Yang penting, pasar tani yang hanya ada empat (4) hari ini, harus diperbanyakkan lagi di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Pulau Betong. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula, silakan YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad);

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, saya berterima kasihlah kepadapihak Unit Dewan kerana telah pun berjaya mengeluarkan. Ini DUNPP 40 ADUN Satu Cita-cita: Meraikan Demokrasi. Walau bagaimanapun saya ingin menegur sedikit lah saya ingat tadi saya tak pakai cermin mata ini nampak gambar ini kelabu. Tapi saya pakai cermin mata pun nampaknya gambar ini memang kelabu pun. So tidak ada salah dengan cermin mata saya nampaknya gambar ini saya rasa walaupun kuallitinya kertasnya *glossy*, elok tetapi mungkin gambarnya mungkin menggunakan percetakan lama dan sebagainya gambar ini tidak *clear*. So saya harap *next meeting* kalau boleh kita dapatkan percetakan yang lebih mampu untuk mengeluarkan gambar-gambar yang lebih jelas. Terima kasih.

YB. Dato' Timbalan Speaker saya teruskan dengan perbahasan saya tentang PAC. YB. Timbalan Dato' Speaker, PAC adalah jawatankuasa bebas yang mengkaji isu-isu atau perkara-perkara yang berkepentingan awam. Sebelum dalam peraturan mesyuarat kita mendapati bahawasanya jumlah Ahli Barisan Nasional telah dikurangkan daripada empat (4) orang kepada dua (2) orang. Jumlah ahli kekal sembilan (9) tetapi Barisan Nasional asalnya empat (4) telah ditukar kepada dua (2) orang. Kita terima keputusan ini mungkin ada sebab yang tertentu saya kurang pasti. Mungkin ada sebab kita ada buat pindaan peraturan yang lepas. Apa yang hendak saya bangkitkan sekarang ini adalah PAC adalah sebuah jawatankuasa kira-kira yang telah dilantik oleh Dewan untuk meneliti apa isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat dan jabatan pelaksana sama ada dalam bentuk program ataupun dalam bentuk peruntukan. Dalam sidang DUN yang lepas telah pun diputuskan bahawa dokumen nipis yang diedarkan di dalam Dewan berkenaan dengan laporan tentang pelaksanaan tiga (3) projek lebuhraya terowong itu hanya diterima sebagai makluman sahaja dan satu laporan lengkap PAC akan dibentangkan dalam sesi Dewan kali ini. Dan saya juga sebagai ahli anggota PAC sepatutnya memang dibentangkan pada kali ini sepertimana kes 1MDB yang menjadi perbincangan hangat yang ditekan diasak oleh DAP dan PAKATAN maka kes terowong dan lebuhraya ini juga adalah penting, mustahak kerana ianya juga melibatkan rakyat dan kepada negeri. Memandangkan isu-isu yang dibuat pada PAC adalah isu-isu mustahak yang penting maka kita perlu mendapatkan keadilan dan ketelusan dalam jawatankuasa Dewan membuat pertimbangan keputusan maka...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Thanasekharan A/L Autherapady);

Minta penjelasan, laluan. Saya akui dalam sidang lalu kita sudah *submit* satu *report* yang ringkas seperti *report* awal lah *primary report* terhadap masa itu Dewan ini sidang ini kita boleh memberi laporan yang lengkap tetapi oleh kerana kelewatan *DIA Report* yang baharu diterima dan juga beberapa saksi yang belum di dibicarakan terutama Ahli EXCO, kita hendak panggil Ahli EXCO untuk menjelaskan kepada PAC tentang projek terowong dan bayaran *feasibility studies*. Sebab itu perkara ini ambil masa bukan kita tidak mahu memberi *report* dalam sidang ini kita akan beri *report* yang komprehensif pada sidang yang akan datang dan saya di sini bukan pengerusi cari makan, itu PAC cari makan ada di Kuala Lumpur ini PAC kita akan memberi *report* yang lengkap *without fear or favour*

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji);

Yang Berhormat sedikit penjelasan saya minta. Saya hendak tanya Yang Berhormat apakah sebabnya kita membuat perbandingan di antara PAC di sini dan di Parlimen dan di antara 1MDB dan PAC mengenai terowong tanah. Boleh saya ulaskan pertamanya satu isu 1MDB dan terowong tanah ini bukan tidak ada kena mengena *basically comparing an apple and oranges*, boleh saya habiskan Yang Berhormat sedikit sahaja saya akan habiskan. Kalau kita lihat isu 1MDB umum mengetahui merupakan satu isu yang diperhangat dibincangkan dengan bukti-bukti yang kukuh dan laporan PAC mengenai 1MDB tidak dibentangkan kepada umum dan dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi. Jadi saya rasa mungkin tidak tepat Yang Berhormat membuat perbandingan diantara 1MDB dengan isu terowong bawah Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad);

Terima kasih Seri Delima, sebenarnya saya membandingkan bermakna mengatakan bahawa saya ada *urgency* saya hendak tahu semua ahli Dewan hendak tahu sebagaimana *urgent* nya 1MDB kepada Parlimen benda *urgent* nya kes lebu ray dan terowong ini kepada sidang DUN. Sangat-sangat mustahak, okey. Dan saya tidak kata pun Yang Berhormat masuk dalam cari makan. Kalau Yang Berhormat rasa bukan cari makan bukan cari makan saya tidak kata apa pun, so jangan melompatlah. Nanti saya kata Yang Berhormat cari alasan marah saya pula, jangan melompat, relax lah. Apa yang saya cakap adalah saya hendak minta macam ini. Demi ketelusan CAT. Saya tahu Timbalan Ketua Menteri akan buat usul nanti kalau boleh kita minta supaya Pengerusi PAC ini diberikan kepada PKR bukan kepada DAP. Saya rasa itu lebih ketelusan memandangkan kami tinggal dua (2) orang sahaja BN daripada empat (4) kepada dua (2) so kami minta supaya untuk memastikan ada ketelusan dalam laporan dan sebagainya kita minta supaya Dato' Speaker dan juga pihak Pantai Jerejak akan buat usul nanti mengusulkan supaya menetapkan supaya pengerusi PKR PAC adalah daripada PKR itu permintaan saya sebagai anggota PAC.

YB. Dato' Speaker saya hendak teruskan berkenaan dengan beberapa isu lagi saya ada bertanya soalan bertulis saya tentang status terkini yang telah mengambil bahagian dalam tender Taman Manggis, George Town. Okay saya minta sikit maklumat berkenaan dengan pembida itu. Jawapan saya saya terima itu adalah kerajaan negeri tidak tahu lagi mengenai syarikat itu memandangkan tender telah pun tutup dan mereka tidak mengambil berat. Tiada pengetahuan berkenaan syarikat itu sebab utama saya tanya adalah sebab saya hendak tengok ketelusan. Dalam hari pertama kalau tidak silap saya saya tanya berulang kali, dua kali saya bertanya kepada Yang Berhormat Air Putih tentang apabila memanggil tender ada tak *pre qualification*. Maknanya kita pergi *qualify* dahulu lepas itu baharu kita panggil kontraktor atau pun pembida. So apa yang berlaku adalah dalam kes Taman Manggis ini saya mendapati bahawa pada 10.12.2009 tiga (3) buah syarikat telah dipanggil GM Health Care Sdn Bhd, United Overseas Empire Sdn.Bhd dan KLIDC, Kuala Lumpur International Dental Sdn Bhd dipanggil dan kemudian dibatalkan. Boleh saya tahu kenapa dbatalkan? Kerana tender kedua pulak telah dibuka pada 16.2.2010 dan ketiga-tiga pembida tadi dijemput semula. Untuk tender yang telah ditutup pada 16.04.2010 ditambah satu lagi iaitu Ranting Setia Sdn Bhd yang tidak menyertai dalam tender yang pertama.

Now saya mendapat maklum bahawa mesyuarat jawatankuasa tender teknikal dan penilaian harga yang telah diadakan pada 16.06.2010 dan telah bermesyuarat memperakukan tawaran bagi cadangan pembangunan diberi kepada Syarikat Kuala Lumpur International Dental Centre dengan harga tawaran RM11,552,208.00 dan keputusan jawatankuasa teknikal ini telah pun dibuat kepada lembaga lebu ray negeri yang bersidang pada 27.07.2010 dan membuat ketetapan yang sama iaitu memilih KLIDC. Saya cuma menyemak ketiga-tiga kontraktor ini satu iaitu Overseas Empire Sdn Bhd. Dia ditubuhkan dua (2) hari sebelum tender pertama dan dipanggil buat kali kedua. Syarikat ini tidak aktif dan berpendapatan sifar bagi tahun kewangan 2010 dan tidak pernah mengumumkan laporan pada SSM sejak enam (6) tahun yang lalu. Semakan terkini syarikat ini telah pun dibubarkan. GM HealthCare,

syarikat ini tidak aktif sejak 2009 dan dinilai aset negatif dan tidak pernah menyediakan laporan kewangan sejak 2010, dan syarikat ini berstatus rasmi dalam penggulungan syarikat. Ranting Setia juga tidak aktif. Status kewangan rasmi terakhir pada 2008, dan syarikat ini juga adalah dalam proses penutupan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, jika sekiranya kita mengadakan RFP dalam peringkat yang pertama mungkin perkara tidak akan berlaku. Okey lah kali pertama panggil ditutup, kemudian dia pergi kali yang kedua seharusnya mereka disemak semula sebelum dipanggil untuk kali kedua dengan membuat bidaan. Jadi saya memang banyak memang *curious* sikit saya pun hairan mengapa benda ini oleh berlaku. Tak kan Kerajaan Negeri tidak membuat semakan andai kata ada penilaian keupayaan teknikal, keupayaan kewangan dan sebagainya, tetapi bertiga ini tidak dipanggil seolah-olah saya berpandangan bahawa tender ini diciptakan untuk gagal makna ada *purposely* buat lepas tu gagal. Sebab itu ketiga-tiga memang *financially* tidak *capable*, *technically* pun tidak *capable* tapi dipanggil juga. So ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO tentang apa yang telah saya utarakan sebentar tadi ini. So YB. Dato' Speaker, Timbalan Dato' Speaker seterusnya adalah cadangan pembinaan tiga Lebuhraya Terowong Pulau Pinang saya ingin mendapatkan penjelasan daripada EXCO berapakah kos pembinaan terowong yang munasabah? Ini Bagan Jermal. Berapakah kos pembinaan terowong yang munasabah? SMART Tunnel sepanjang 9.70 kilometer termasuk *track* lebuh raya sepanjang tiga (3) kilometer yang dibina mulai tahun 2003 dan disiapkan pada 2007 yang merupakan sebuah terowong kedua terpanjang di Asia. Pembinaan bermula lebih kurang pada November 2003 dan siap pada 2007 dengan kos pembinaan adalah sebanyak RM 1.93 billion. SMART Tunnel di bina dibawah kesesakan Kuala Lumpur, saya difahamkan bahawa *soil condition* di Kuala Lumpur adalah banyak batu kapur dan *heavy traffic* serta banyak pengguna yang tinggi di sekeliling di sepanjang lebuhraya itu.

Terowong Pulau Pinang adalah dijangkakan sepanjang 7.2 kilometer dan kos dianggarkan sebanyak RM 3,611,170,800.00 atau RM500,162,611.00 per kilometer. SMART Tunnel pula adalah berjumlah RM1.93 billion untuk 9.7 kilometer dengan kosnya adalah RM198,969,072.00 per kilometer. Jika saya mengambil kenaikan harga tahunan, 3% kali 9 tahun, 27%. Kalau ikut kiraan daripada UPEN, mereka mengambil 2%, saya ambil 3%. Berdasarkan kepada kos pembinaan SMART Tunnel di Kuala Lumpur itu, maka pembinaan terowong ini hanyalah dianggarkan berharga dalam RM2 billion sahaja. Ini menunjukkan bahawasanya, kos terowong yang dibeli ini adalah 2.5 kali ganda ataupun 250% berbanding dengan SMART Tunnel. Saya sedar YB. EXCO, cara pengiraan saya ini boleh di *argue* tetapi sebagai asas, itulah yang saya nak maklum bahawasanya kos pembinaan terowong ini adalah jauh lebih mahal daripada SMART Tunnel yang telah pun dibina di Kuala Lumpur.

Sekarang apa yang saya sebutkan adalah kadar yuran ikhtisas adalah berdasarkan kepada kos projek. Lebih tinggi kos projek, adalah lebih tinggi yuran ikhtisas. Lebih tinggi yuran ikhtisas, lebih banyak tanah yang terpaksa diberikan kepada pemaju Zenith kerana pembayaran adalah dalam bentuk ini *in kind*, pemberian hak milik tanah. Dengan lain perkataan, lebih rendah kos pembinaan, maka lebih rendah yuran ikhtisas, maka lebih kurang tanah yang akan diberikan kepada pemaju Zenith. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya nak tahu. Siapakah yang memastikan bahawa kos pembinaan adalah munasabah? Siapakah yang memastikan bahawa tiada kos yang terselindung?. Dalam RFP, semua petender menawarkan bidaan berdasarkan cadangan masing-masing dengan andaian masing-masing dan kaedah serta pikiran pembayaran mengikut andaian dan pertimbangan masing-masing. Maka apabila dibuat keputusan, jawatankuasa pemilihan akan membuat penilaian dan membuat pemilihan berdasarkan kriteria pemilihan oleh jawatankuasa. Apakah mungkin jawatankuasa membuat keputusan yang tepat kerana jawatankuasa tidak membuat perbandingan berdasarkan asas yang sama iaitu *comparing apple to apple*. Apakah tawaran pada Zenith BUCG? adakah tawaran berdasarkan apa yang terbaik? Adakah perunding khas dilantik untuk membantu membuat penilaian profesional ke atas tawaran-tawaran yang dibuat. Perunding HSSI dilantik hanya selepas keputusan *tender* di buat dan di *award*. Antara rujukan terma HSSI adalah menasihati Kerajaan Negeri berkaitan perkara-perkara teknikal dalam proses kaji ini kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci, yang lain-lain adalah sebagai *design checker*, *geo technical checker*, dan draf perjanjian akhir *final agreement*. Ini bermakna semasa membuat penilaian *tender*, tidak ada pandangan pakar perunding. Mungkin saya salah, tapi EXCO boleh bagi penjelasan. Semua perunding bekerja di bawah Zenith, yuran mereka dibayar oleh Zenith. Apakah kita yakin yang semuanya *above board*? Sebagai balasan kepada projek bernilai RM6.3 billion itu, Zenith akan memperolehi 24.4 hektar daripada tambakan laut dari Seri Tanjung Pinang Fasa II dan tambahan lagi 20.2 hektar berdekatan Gurney Drive. Jumlah adalah 43.6 hektar bersamaan dengan 110 *ekar*. Saya *assume*, saya mengandaikan bahawa harga *tender* RM6.3 billion ini adalah *fixed price* tak ada *fluctuation*. Kos *feasible study*, *detailed design* and *environmental assessment* adalah dimuktamadkan sebanyak RM305 juta.

YB. Dato' Timbalan Speaker, jumlah nilai kerja terlaksana sehingga 15 Februari 2015 adalah sebanyak RM209,023,127,93. Jumlah yang telah dibayar adalah sebanyak RM138,971,572,61 pada bulan Oktober 2014. Baki yang belum dan perlu dibayar untuk kerja-kerja terlaksana sehingga 15 Februari 2015 adalah sebanyak RM70,051,552.32. Soalan saya, bila nak bayar baki sejumlah itu? Sementara itu, bagi keseluruhan bagi kerja-kerja *feasible study, detailed design and DEIA Report* adalah sebanyak RM95,976,872.07. Soalan saya, tanah mana lagi kah yang akan diberikan kepada Zenith? Sehingga kini, walaupun kerja-kerja fasa 1A iaitu jalan-jalan utama telah 100% *feasible study* telah disiapkan dan *detailed design* hampir semua telah siap, PEIA juga saya difahamkan, saya pun *confuse* dengan ini, sama ada telah dihantar ataupun belum dihantar kepada DOE. Belum dihantar? Statusnya sekarang ini belum dihantar.

Saya telah bertanya kepada PAC tetapi jawapan diberikan tak ada, tak pasti, mungkin kerana tak berani bagi jawapan, soalan saya apakah yang berlaku jika sekiranya iaitu tidak diluluskan? Mungkin pegawai tak berani, mungkin nanti panggil EXCO boleh jawab tentang hal ini. Jadi ini adalah beberapa perkara yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO dalam kes terowong ini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, tajuk lain adalah tentang Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN). Rancangan Fizikal Negara merupakan satu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar-dasar strategi bagi menentukan arah tuju pemajuan fizikal dan pemeliharaan bagi seluruh semenanjung Malaysia termasuk Pulau Pinang ini. Rancangan Fizikal Negara telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara pada 26 April 2005. Kemudian RFN ini dikaji semula pada 2010 menjadi RFN-2 dan pada 2014 menjadi RFN-3. Dokumen RFN ini adalah sebagai dokumen yang dirujuk dalam permohonan projek-projek plan RMKe-11. Kelulusan ini bermakna, Rancangan Fizikal Negara ini perlu dijadikan panduan rancangan fizikal dan dilaksanakan di peringkat persekutuan dan negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Dasar-dasar fizikal negara perlu diselaraskan dengan dasar-dasar sektor yang berkaitan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, cadangan-cadangan Rancangan Fizikal Negara perlu diperincikan di peringkat rancangan struktur negeri dan rancangan tempatan bagi menjadi asas pembangunan semua negeri dan cadangan-cadangan Rancangan Fizikal Negara perlu dijadikan panduan oleh agensi persekutuan dan negeri dalam pembentukan program dan Projek Rancangan Malaysia 5 tahun. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan setiap negeri memaklumkan kepada Majlis Rancangan Fizikal Negara, jika ada projek mega yang besar yang akan dibangunkan melebihi 100 hektar, projek-projek yang melibatkan infrastruktur yang besar atau yang membawa kepada kependudukan melebihi 10,000 orang. Ini adalah merupakan satu keperluan di bawah Akta Perancangan Bandar 172 fasal 22 (2a)(2b). Namun begitu, saya difahamkan sehingga hari ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008, tidak ada satu pun penyediaan dan pemakluman kepada Majlis Fizikal Negara. YB. Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri akan dan sedang ghairah dengan pembangunan mega di negeri ini. Tambahkan laut yang belum mendapat kelulusan lagi, bakal merubah wajah rupa bentuk Pulau Pinang. Ratusan ribu tanah akan ditebus guna dan pelbagai rumah mewah akan didirikan. Terowong pula akan dibina, saya difahamkan akan merentasi laluan di bawah kapal-kapal antarabangsa. Ini bermakna, permohonan kepada RFN adalah amat mustahak.

Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang merupakan sebahagian daripada Malaysia. Pulau Pinang bukan sahaja perlu melihat kepentingan sendiri tetapi perlu juga memikirkan kepentingan nasional dan juga hubungan dan kepentingan negeri-negeri jiran. Pulau Pinang tidak boleh ingkar dalam memenuhi keperluan perancangan mengikut RFN. Bayangkanlah, dalam keadaan cuaca atau fenomena alam sekitar yang sedang menghantui kita ini, contohnya malapetaka menimpa kita, semua bangunan yang dibina atas tanah tambakan laut runtuh, apakah Kerajaan Persekutuan akan bertanggungjawab? Contoh lagi, saya tak pasti ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Minta penjelasan. Saya kurang faham mengapa Yang Berhormat melihat dari segi itu kerana kita berterima kasih, bersyukur kerana sehingga sekarang tidak ada sebarang gempa bumi ataupun apa-apa malapetaka berlaku. Jadi apakah kemungkinan perkara ini boleh berlaku? Atau apa tujuan Yang Berhormat menyatakan perkara ini. Saya cuma ingin meminta penjelasan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kekhawatiran saya berasas. *Anything can happen*. Kita tak sangka Malaysia akan menghadapi suhu yang begitu panas sekali. Kita tak sangka Malaysia menjadi mangsa jerebu yang begitu tebal sekali. Tsunami, ini adalah bentuk malapetaka yang berlaku di luar jangkaan kita. Sebab itu saya rasa apa sahaja keperluan yang diperlukan kita kena *obey the rules*. Contohnya tiba-tiba kalau berlaku

bangunan runtuh, insurans kata sebab tak dapat RFN, kami tak boleh bagi insurans, rugi tak? Jadi bagi saya, kalau kita ada peraturan undang-undang, kita kena ikut. Sama ada peringkat daerah, negeri dan juga persekutuan kerana ini adalah bentuk pentadbiran kita dan kita sebahagian daripada persekutuan, kita kena ikut peraturan ini YB. Seri Delima.

YB. Dato' Timbalan Speaker, RFNPP 2020 telah digazetkan pada tahun 2007. Yang tak digazetkan sehingga hari ini adalah Rancangan Tebatan Daerah (RTD) bagi lima daerah. Walaupun deraf RTD telah lama siap, iaitu semasa penggal pertama Kerajaan Pakatan, saya tidak nampak langsung usaha ataupun satu yang digazetkan sehingga ke hari ini. Kalau RTD yang di *zoning by lot* tidak digazetkan, bagaimana pula proses *rezoning* dijalankan? Permohonan-permohonan yang dikemuka oleh pemaju kadang-kadang ditolak dan diterima berdasarkan kepada *zoning* apa itu? Bagi MBPP ada juga pelan dasar yang boleh dirujuk tapi bagi MPSP, tak ada langsung YB. Dato' Timbalan Speaker. Jadi YB. Dato' Timbalan Speaker, saya merasakan harus ada keseriusan dalam Kerajaan Negeri untuk memastikan yang RFNPP ini kalau perlu di *revise*, *revise*. Kalau perlu di *review*, *review*, dan RTD ini harus disegerakan perlaksanaannya. Mungkin Yang Berhormat boleh buat pengumuman bahawasanya kami ni dah berhasrat nak mereview RFNPP, kami tidak berhasrat untuk buat RTD, kami nak pakai yang lama juga, dan maklumkan kepada masyarakat supaya semua orang tahu, semua pemaju tahu tentang apa yang berlaku.

YB. Dato' Timbalan Speaker, tentang Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 yang telah pun dibentangkan dan diluluskan. Akan tetapi, sampai ke hari ini masih belum digazetkan. Saya setiap kali Dewan akan bangkitkan isu ini, kenapa tak digazetkan. Ringkasannya begini YB. Dato' Timbalan Speaker, bukan main bersungguh-sungguh pihak Kerajaan Negeri mahu mengadakan satu rang undang-undang khususnya untuk mempertahankan warisan negeri. Bersungguh-sungguh pula dibahas di dalam Dewan ini dan akhirnya telah diluluskan dan kuasa telah diberi. Mengapa sampai ke hari ini masih belum digazetkan dan digunakan?

YB. Dato' Timbalan Speaker, DAP ni, maaf kata, kalau pasal nak menghentam orang, cukup pandai. Semua tak kena. Jadi saya pulangkan balik buah kepada Yang Berhormat, kenapa yang telah pun diputuskan di dalam ini, yang Kerajaan Negeri sendiri yang buat, kenapa tak digazetkan sampai ke hari ini? Para pengkaji sejarah, sejarah Pulau Pinang terutamanya, amat-amat menyokong enakmen ini. Tapi hari ini mereka cukup kecewa, takut nanti kalau Warisan George Town akan hilang statusnya. Kerana apa? Kerana banyak perubahan berlaku. Contohnya ada? Ada, *Pyket Mansion dan Runnymede Mansion* itulah bangunan-bangunan warisan yang telah pun dirobohkan. Atas sebab apa dirobohkan? saya tak pasti. Adakah bayaran dibuat untuk roboh? Saya tak pasti. Tetapi, kalau kata warisan, ianya harus dikekalkan. Saya rasa kalau adanya enakmen ini digazetkan, saya rasa orang tidak akan berani membuat perobohan dan sebagainya dan pihak pegawai juga akan lebih mudah untuk membuat kawalan dan pemantauan. Dan saya berharap kepada Kerajaan Negeri sentiasa mendengar suara-suara NGO. NGO inilah yang telah begitu bertungkus-lumus membantu Kerajaan Pakatan Harapan untuk mendapat kuasa pentadbiran kepada Kerajaan Negeri. Hari ini mereka sudah tidak didengar lagi. Mereka bersuara tetapi suara mereka mungkin masuk telinga kiri, keluar telinga kanan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Pulau Betong. Dato' Timbalan Speaker, saya hendak tanya Pulau Betong, adakah keengganan untuk mewartakan harta warisan untuk menyelesaikan isu penwartaan rancangan struktur RTD satu helah untuk mengekalkan kuasa sewenang-wenangnya untuk meluluskan mengikut kehendak jawatankuasa SPC dan sebagainya. Kalau sudah mewartakan tentu sudah terikat, tidak boleh ubah. Jadi ini satu helah untuk mengekalkan kuasa yang tiada had. Betul ke?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya rasa mungkin juga kerana tanpa RFNPP tanpa RTD ini, sebarang keputusan yang dibuat di luar daripada zon yang dibenarkan dalam erti sedia ada, ianya akan dibentangkan dan mendapat kelulusan di peringkat mana? Di peringkat SPC. Siapa pengerusi SPC? Adalah Ketua Menteri. Jadi mungkin ada tujuannya, saya tidak pasti dan kita harap pihak Kerajaan Negeri memberi penjelasan. YB. Dato' Timbalan Speaker, Hutan Simpan Pulau Jerejak. Keluasan kesemua Pulau Jerejak adalah 362 ekar. Hutan simpanan kekal adalah sebanyak 295 ekar dan inilah yang telah diluluskan di dalam Dewan tahun 2007. Tetapi sampai hari ini, masih belum lagi digazetkan. Saya tanya bila hendak digazetkan? Adakah hendak tunggu, adakah mungkin ada pihak-pihak terpilih membuat cadangan untuk membangunkan sebahagian Pulau Jerejak itu dengan mengambil tanah hutan simpan kekal ini selepas itu barulah digazetkan. Sudah lama sangat ini. Kenapa? Saya difahamkan tanah Pulau Jerejak itu yang dimiliki oleh UDA dan PDC, hari ini telah pun dalam proses perancangan pembinaan dan ada *third party* yang cuba masuk ke situ buat cadangan. Dengar cerita pihak PDC pula akan menjual. Ini boleh sahkan kemudian. Ya, PDC akan menjual saham mereka kepada pihak ketiga. So saya takut nanti kalau tidak

digazettekan 295 ekar hutan simpan kekal ini, sebahagian tanah ini pula akan diserahkan kepada pihak pemaju. Dan saya minta kepada pihak Kerajaan Negeri, pastikan tidak seinci pun tanah di hutan simpanan kekal 295 ekar ini, diberikan kepada mana-mana individu untuk memajukannya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Pulau Betong. Saya hendak tanya, mungkin ini juga lagi satu helah. Kalau *gazette* ini, mungkin saham Jerejak Resort ini, sekian banyak. Jadi jangan *gazette* lagi esok, bila sudah tukar milik sekarang, pada harga keadaan yang sekarang, lepas itu, macam KLIDC, tukar pula syarat kegunaan dan sebagainya, nilainya naik dan orang yang beli itu akan dapat untung banyak.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Telok Ayer Tawar. Yang pasti adalah apabila sekiranya ianya digazettekan, adalah sukar untuk dikeluarkan dari kawasan *gazette*. Mungkin ada helah ataupun ada sebab-sebab tertentu yang kita minta pihak Kerajaan Negeri memberi penjelasan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, isu perumahan. Satu tinjauan rambang yang telahpun saya buat, saya mendapati, harga-harga rumah, Datok Keramat ya, harga-harga rumah *especially* di *tourism belt* adalah harga-harga rumah yang cukup mahal. Sampai RM2.0 juta, RM3.0 juta, RM4.0 juta, RM5.0 juta. *Then, trend* harga mahal ini, hari ini telahpun menular ke kawasan-kawasan lain termasuk di kawasan Barat Daya dan sampai ke Balik Pulau sendiri. Dan kalau seingat saya, pada tahun 2010, itulah pertama kalinya rumah di Balik Pulau berharga RM1.2 juta. Dan selepas itu, sampailah ke hari ini, harga sentiasa meningkat. Walaupun telah ada polisi untuk mengkategorikan rumah kos rendah dan tiga (3) kategori rumah mampu milik, itu tidak menghalang pemaju untuk membuat rumah yang dijual pada harga yang lebih tinggi dari RM400,000. Saya berpandangan, Kerajaan Negeri perlu menambahbaik polisi sedia ada dengan pertambahan dua (2) polisi lagi. Satu, polisi mengawal harga jualan tanah di kawasan terpilih. Ini adalah penting untuk memastikan agar harga jualan rumah yang ditentukan oleh harga tanah dapat dicapai. Sebab itu, biasanya kalau harga tanah mahal, rumah juga dijual dengan harga mahal. Tetapi jika ada polisi yang mengawal harga tanah, saya yakin harga rumah juga akan dapat dikawal walaupun ia tertakluk kepada *supply and demand*, tetapi saya rasa polisi Kerajaan Negeri itu perlu ada untuk mengawal harga tanah bagi di setiap kawasan yang telah pun dikenalpasti sebagai kawasan boleh bangun dan kawasan yang tidak boleh bangun, yang mana kawasan hijau, yang mana kawasan boleh dibangunkan.

Yang kedua YB. Dato' Timbalan Speaker, sejajar dan seiring dengan tema "*Cleaner, Greener, Penang*", saya sarankan supaya pada kawasan-kawasan tertentu, kekalkan hijau. RTD perlu dimuktamadkan segera supaya pemaju tahu tanah mana yang boleh dibangunkan atau tidak dan urusan ini janganlah diletakkan kepada SPC semata-mata. Sebagai contoh, kalau di Balik Pulau itu, yang paling dekat dengan saya, daripada Simpang Empat ke Pekan Kongsu, itu adalah kawasan utama, itu akan kita dibangunkan. Tetapi janganlah dibangunkan di kawasan-kawasan yang dalam hutan. Kawasan-kawasan paya dan sebagainya. Kita mahu kekalkan kawasan itu supaya kawasan hijau. YB. Timbalan Speaker, saya rasa Pulau Pinang ini beruntung kerana Balik Pulau, banyak pokok, banyak oksigen. Bayangkan kalau semua Pulau Pinang ini dibangunkan, tiada lagi pokok, hanya ada karbon dioksida sahaja, oksigen tidak ada. Contohnya. Jadi kalau boleh jadikan Balik Pulau ini kawasan yang kawasan hijau dan ini membawa kepada cadangan saya yang ketiga bahawasanya had pembangunan di kawasan Balik Pulau kalau boleh *maintain* 10 tingkat sahaja dan jangan lebih daripada itu. Walaupun telah ada satu bangunan telahpun dibuat sebanyak 16 tingkat, kalau boleh patah balik, *next* perumahan yang diluluskan, biarlah kalau boleh YB. Datok Keramat, dalam sekitar 10 tingkat sahaja dengan lif. Jika sekiranya boleh dilaksanakan polisi 1, 2 dan 3 yang saya cadangkan tadi, saya yakin harga rumah di kawasan Balik Pulau terutamanya dan kawasan-kawasan yang lain dapat dikawal supaya tidaklah Pulau Pinang ini menjadi sebuah negeri yang mempunyai jualan rumah yang mahal. Saya takut nanti lagi 10 tahun nanti, *the most expensive houses in Malaysia is Penang*. Jadi kalau boleh, janganlah perkara itu berlaku kerana saya rasa masyarakat Pulau Pinang keseluruhannya masih belum bersedia untuk membeli rumah-rumah yang mahal.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya hendak menyentuh tentang *Special Area Plan (SAP)* di kawasan *George Town World Heritage*. Pada 12 Mac 2015, dalam satu kenyataan akhbar oleh YB. Padang Kota, saya merujuk kepada ini, "*Penang Municipal Council Technical Review Panel should use the Special Area Plan (SAP) as a guide when processing planning application within George Town World Heritage site even though, it has yet to be gazetted*". Belum *gazette* lagi. Itu *statement* pada 12 Mac 2015. Pada masa itu, masih belum digazettekan sebab ayat itu mengatakan yang belum digazettekan. Saya ingin merujuk kepada beberapa tarikh lain. Bermula daripada 24 Ogos 2010, ada *announcement was made by Penang Government who launch the project, to draft Special Area Plan for George Town and targeted to be submitted to UNESCO by February the following years*. Pada tahun 2011, ada lagi

satu. February 2011, "Special Area Plan for George Town submitted UNESCO". Walau bagaimanapun, pada 22 Mei 2013, YB. Padang Kota sekali lagi mengatakan yang "the said document will be submitted to UNESCO in new coast", Itu 2013. 12 Julai 2013, "Lim Chooi Peng, the GM of Penang George Town World Heritage Incorporated pointed out there, Town and Culture Planning Department was embarking on the Malay Language translation on Special Area Plan". 13 Oktober 2013, "Chief Minister, Lim Guan Eng said that Malay Language translation on Special Area Plan is yet to be completed and causing delays in the gazette local structure plan". 19 Januari 2015, "Lim Guan Eng said, delayed on launching of local structure plan for Penang was cause by conditions imposed by the UNESCO to incorporated the SAP for George Town". 8 Disember 2015, "Chief Minister said the Malay Language translation on Special Area Plan for George Town World Heritage it still ongoing and express hope that it could be gazetted by next year". Walau bagaimanapun, dalam *Penang Monthly* by Penang Institute mengatakan SAP telah pun dihantar kepada UNESCO oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang as early as 2011 dan last sekali, pada 4 Januari 2016, "Special Area Plan for George Town World Heritage, Penang Botanical Garden and Penang Hills should be gazetted by middle of this year". Ini adalah kenyataan daripada YB. Datok Keramat. Jadi saya hendak tahu, bilakah ianya akan digazettekan sebab terlalu banyak tarikh seperti yang saya sebutkan tadi janji dan janji sehingga memberi kesan kepada dan sebagainya. Bilakah SAP untuk *George Town World Heritage* akan disiapkan?

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya beri beberapa soalan lagi. Keistimewaan di antara Zenith BUCG dan Konsortium SRS. Saya hendak tanya Kerajaan Negeri, kenapa pihak Kerajaan Negeri bersusah payah membayar BUCG untuk kajian kemungkinan dan reka bentuk terperinci dengan bayaran ratusan juta ringgit tetapi bagi projek tambakan laut pula, Konsortium SRS yang membuat kajian untuk projek yang berkali-kali ganda lebih besar tidak dibayar satu sen pun. Pihak SRS juga turun padang membuat dialog berbanding dengan pihak Zenith BUCG yang jarang-jarang sekali. Kenapa jarang-jarang sekali? Dari maklumat yang saya dapat semasa PAC. Pada pihak Konsortium SRS diberikan tawaran bersyarat tetapi kepada Zenith BUCG tidak. Boleh saya tahu apakah keistimewaan antara Zenith BUCG dan Konsortium SRS?

Seterusnya tentang KOMTAR. Walaupun saya pernah tegur tentang pembinaan lif dan sebagainya di bangunan KOMTAR, tetapi pihak Kerajaan Negeri tetap meneruskan projek renovasi di beberapa lantai dan juga bertindak memasang lif di luar bangunan KOMTAR. YB. Timbalan Speaker, pemilik bangunan KOMTAR, ada pemiliknya adalah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah membeli sebilangan lantai KOMTAR dan mereka sudah ada *strata title*. Jadi KOMTAR, sebahagiannya milik Kerajaan Negeri dan sebahagian milik Kerajaan Persekutuan. Disebabkan lif luaran dipasang, ianya telah mengganggu pandangan pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan untuk menikmati pemandangan indah Negeri Pulau Pinang ini. Ini merupakan satu kerugian, YB. Bagan Jermal, jangan ketawa. Kalau YB. Bagan Jermal ada rumah yang cantik, tiba-tiba ada orang lain datang *block* pemandangan, Yang Berhormat akan marah. Mesti marah. Begitu juga dengan pemilik-pemilik kepada KOMTAR ini. Mereka marah kerana pandangan mereka terjejas. Jadi bagaimana pihak Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah ini?

Seterusnya, kelulusan projek-projek milik PERDA dan ASEANA. Saya tahu yang saya sebagai Ahli Lembaga JKP, saya tahu bahawasanya pihak Kerajaan Negeri telah pun meluluskan banyak projek JKP di kawasan Datok Keramat tetapi bagi pihak PERDA dan ASEANA, saya rasa banyak lagi projek-projek mereka yang tidak mendapat kelulusan. Jadi saya merayu supaya apa sahaja masalah yang timbul segera diselesaikan supaya orang-orang yang hendak membeli rumah dan memiliki, boleh mendapat rumah yang mereka idam-idamkan.

Seterusnya, tentang tanah wakaf. Saya nak minta kepada Majlis Agama Islam. YB. Exco Agama, Batu Maung ada di sini kalau boleh apa jua permasalahan yang timbul berkenaan dengan tanah wakaf mohonlah disegerakan penyelesaiannya supaya pewakaf mendapat hak dia. Tentunya orang yang wakaf itu mahu pahala dan sebagainya itu sampai kepada dia kalau dia mati contohnya. Dan kalau masalah tidak diselesaikan dengan segera saya takut niat pewakaf itu tidak dapat dilaksanakan dan saya minta kepada pihak YB. Batu Maung untuk membantu menyelesaikan masalah ini.

Seterusnya *Gurney Wharf* yang dibangkitkan oleh Telok Ayer Tawar. Tetapi saya melihat melalui *angle* lain. Di dalam pelan perancangan permohonan *Gurney Wharf* yang dipamerkan baru-baru ini, ada dua (2) tapak kosong yang akan menjadi milik Kerajaan Negeri. Saya nak tahu apakah cadangan Kerajaan Negeri ke atas kedua-dua tapak ini? Adakah Kerajaan Negeri hendak meyerahkan kepada Zenith sebagai baki bayaran yang saya sebutkan tadi? Saya minta jaminan daripada Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini supaya kedua-dua tapak ini jangan diserahkan kepada Zenith BUCG.

Dato' Speaker saya nak beralih kepada soalan-soalan bertulis saya. Soalan nombor satu (1), saya tanya "Berapakah jumlah tanah milik Kerajaan Negeri mengikut pecahan daerah apabila Kerajaan Pakatan mengambil alih Pentadbiran negeri sejak tahun 2008? Perincian mengikut lokasi, keluasan

serta nilai tanah yang: (a) Dijual dan nama pembeli serta tujuan pembelian; (b) dibangunkan secara usahasama serta nama rakan pemaju; dan (c) berbaki yang dipegang oleh Kerajaan”.

YB. Timbalan Dato' Speaker, saya kesal kerana sebahagian soalan saya tidak dijawab. Walau bagaimanapun, saya hendak merujuk kepada jawapan yang telah diberikan kepada saya. Nombor dua. Perlu diingat bahawa Kerajaan Negeri juga telah menjalankan pengambilan tanah yang hampir menyamai nilai tanah yang dijual untuk projek pembangunan khusus industri. Saya rasa ini masa BN dulu kot yang ambil tanah. Ambil tanah untuk industri, ya. Saya rasa mungkinlah. Masa BN dululah YB. Dato' Jahara. Sejak Kerajaan mengambil alih Pentadbiran Negeri pada tahun 2008, pihak berkuasa telah melupuskan tanah kerajaan secara pemberimilikan yang mana sebahagian besarnya kepada PDC setelah selesai tanah tersebut diambil balik. Di samping itu, pemberian tanah juga diluluskan Kerajaan Negeri kepada Agensi Kerajaan serta syarikat dan individu. Keluasan yang diberi milik sejak 2008 adalah seperti berikut, *total* sekali adalah sebanyak 100.97 hektar bernilai RM72,399,117. Itu nilai yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Saya telah pun membuat semakan kembali tentang jawapan ini. YB. Dato' Speaker, saya mendapati pada tahun 2010, okey, Taman Manggis yang hangat diperkatakan. Tanah itu bernilai berkeluasan 1.1 ekar bernilai RM11.5 billion. 2011, 102 ekar Bayan Mutiara Land yang dijual kepada Ivory Properties bernilai RM1.07 billion. 2013, 110 ekar akan diberikan kepada Zenith BUCG for Penang Tunnel Project. 2013 juga 40 ekar Batu Kawan Land dijual kepada PE Land bernilai RM 65.34 million. 2014, 245 ekar Batu Kawan dijual kepada ASPEN bernilai RM484 billion. 2014, 30 ekar Batu Kawan dijual kepada Paramount Group bernilai RM67 billion. 2014, 470 ekar Batu Kawan Land dijual kepada Eco World bernilai RM1.02 billion. 2014, tanah seluas 6.67 ekar di Bayan Lepas jual kepada Syarikat Temasek tak salah saya dan juga pada tahun 2015-20 ekar di Batu Kawan dijual kepada Singapore's Group bernilai RM30 million.

Jumlah yang saya kira daripada 100 hektar campur dengan 1121 ekar adalah berjumlah 1,363 ekar ataupun 563 hektar. Bukan 100 hektar. Ini lima (5) kali ganda. Yang bernilai bukan RM72 juta tetapi RM 9.122 billion. Saya dah bagi nama tadi, tempat tadi, mungkin Yang Berhormat boleh *check* balik angka yang saya bagi. Kalau nak *link* apa dia punya *website* saya boleh bagi juga. Tapi itulah jumlah tanah yang saya tahu pernah dengar dan telah pun dijual. Bukan 100 hektar bernilai RM72 million, tetapi 567 hektar bernilai RM9.122 billion.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Dato' Timbalan Speaker. Saya rasa bila YB. Pulau Betong. Saya naik bingung bila dengar jumlah-jumlah tanah yang telah dijual oleh Kerajaan Negeri. Amat menakutkan. Setahu sayalah semasa Kerajaan Barisan Nasional dulu, dengar lah dulu, dasarnya, kalau perlu untuk menjual pun bila dibuat kawasan perindustrian di Seberang Perai ataupun di Pulau Pinang. Dasarnya tidak menjual terus. *Alienation*, tetapi menjual pajakan. Kawasan industri itu semuanya 60 tahun saja pajakan. Jarang-jarang 99 tahun dan jarang-jarang sekali milikan penuh. Jadi ini mungkin kerana Pulau Pinang ini begitu terhad kawasan tanahnya dan kita amat menilai tanah-tanah yang kita ada. Jadi, saya rasa anak cucu kita ini kalau dengan kadar yang penjualan yang dok buat sekarang, tak tunggu lima (5) tahun ni habis dah. Sebab tu nak kena tambak banyak-banyak ni untuk membuat justifikasi untuk jual lebih banyak. Betul tak Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bersetuju lah. Malang sungguh orang Pulau Pinang. Malang. Kenapa sandirawara pula? Saya telah buktikan dengan fakta. Sandiwara apa? Saya bukan apa ni macam Seri Delima... (gangguan). Saya ingat Seri Delima kena bagi nama lain lah, "*The Star Delima*". Sebagai duta *The Star*.

YB. Dato' Speaker, saya teruskan lagi dengan beberapa soalan lagi. Saya terus kepada satu soalan lagi yang saya tanya dijawab oleh YB. Jagdeep Singh tentang "Berapakah jumlah terkumpul bagi tabung Akaun Amanah Perumahan Bumiputra Pulau Pinang sehingga kini". Jawapan yang diberikan saya rasa yang ini pun nak kena minum kedai kopi jugak lah. Saya rasa tak lengkap. Cuma saya nak sentuh sikit saja disebut di sini bahawa Akaun Amanah Perumahan Bumiputra Pulau Pinang digunakan untuk pembelian 320 unit rumah mampu milik *Type A* kos sederhana rendah. Setiap satunya berkeluasan 700 kaki persegi beserta dengan satu petak letak kereta di tanah SP Cheliah George Town. Saya nak tanya adakah pembelian ke semua 320 unit atau sebahagian daripadanya dan berapa harga yang dibeli oleh Kerajaan Negeri dan berapa pula yang dijual kepada Bumiputera. Yang ini saya tak pasti daripada jawapan yang diberikan oleh Dato Keramat dan saya melihat jumlah terkumpul daripada Akaun Amanah Perumahan Bumiputra Pulau Pinang adalah sebanyak sehingga kini April 2016 adalah sebanyak RM88,104,109.32 adalah jumlah yang cukup besar dan saya harap Kerajaan Negeri dapat menggunakan wang ini untuk mencapai matlamat bagi membolehkan golongan bumiputra untuk

mendapatkan rumah yang mereka kehendaki.

Seterusnya, soalan saya mohon Kerajaan Negeri untuk menjelaskan sebab pengguguran kedua-dua ADUN Kebun Bunga dan Bukit Tengah sebagai Ahli Lembaga Perbadanan Bukit Bendera, Invest Penang dan Golf Property Berhad. Adakah sebab mereka tidak kompeten, tidak *accountable* dan tidak *transparent*. Mohon Kerajaan Negeri menjelaskan sebab. Tuduhan pula apa? Jangan tuduh ya.

Kerajaan Negeri telah menggunakan budi bicaranya untuk menamatkan perkhidmatan ADUN Kebun Bunga dan ADUN Bukit Tengah daripada GLC berkenaan. Pelantikan GLC adalah berdasarkan kelayakan dan kepercayaan negeri terhadap individu berkenaan dalam melaksanakan tugas dengan jujur, amanah dan kompeten. Soalan saya adakah Kebun Bunga dan Bukit Tengah tidak amanah dan tidak kompeten? Jawapan bagi soalan yang seterusnya juga sama juga. Masih lagi memberi alasan yang mereka memerlukan orang yang jujur, amanah dan kompeten. Saya nak tanya dan hairan kenapa tidak menjadi sebab kerana tidak menjaga tugas dengan cekap, *accountable* dan telus. Ataupun hari ini dah tambah dah. Mungkin hal ini kalau dulu ada CAT, ditambah dengan "JAK", Jujur, Amanah dan Kompeten. Jadi "JAKCAT" ataupun "CATJAK". Bukan lagi CAT semata-mata. Nak cakap apa, cakap lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya rasa itu adalah perkara yang menyakitkan hati saya lah. Sebentar dengar perbahasan saya. Dengar pencelahan saya. Kerana mereka adalah rakan-rakan yang bersama-sama saya. Jadi, janganlah kata mereka telah digugurkan kerana tidak kompeten, ataupun tidak melaksanakan. Buat masa ini rakan jugalah. Ia, itu kita belalah kita belalah la, ada sebab kita belalah. Atas prinsip. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat jangan membuat kalau ada persoalan yang ingin ditanya boleh ditanya secara elok. Tapi jangan membuat sindiran begitu. Itu permintaan saya kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Okey, saya baca soalan yang diberikan kepada saya dan saya bertanya balik untuk jawapan. Kalau ada CAT dan yang ini ada "JAK". Bolehlah. "JAKCAT". Okey, sebab alasan yang diberikan itu bukan atas alasan tidak CAT. Alasan tidak "JAK". Jujur, Amanah dan Kompeten. Faham tak? Faham bagus.

YB. Dato' Speaker, saya nak terus ada beberapa soalan lagi. Tak banyak dah. Ini jawapan yang diberikan oleh YB. Chow Kon Yeow. Saya minta mohon diperincikan syarat-syarat kontrak yang telah dimeterai dengan pihak syarikat konsortium SRS yang akan menambah dan memajukan pulau-pulau buatan di selatan Pulau Pinang. Perincian komposisi pembangunan dan nilai komposisi pembangunan. Jelaskan jadual pelaksanaan projek ini.

Saya rasa jawapan satu muka surat satu *line* ini tak menjawab soalan saya lah. Walau bagaimanapun, saya nak menyentuh dua tiga perkara di sini. Satu, disebut disini bahawa komposisi pembangunan yang melibatkan kawasan perumahan termasuk rumah mampu milik, perniagaan, industri, kawasan lapang, sekolah, masjid, Rumah Ibadat Bukan Islam. Infrastruktur dan utiliti. Inipun Yang Berhormat, kalau nak sebut, sebutlah. Termasuklah rumah mewah, rumah...(kurang jelas) dan sebagainya. Macam kalau kata Yang Berhormat kata belum tau lagi, kenapa boleh tau kata ada rumah mampu milik, ada perniagaan, ada industri. *Come on* lah. Saya ingat budak-budak sekolah bolehlah Yang Berhormat. *Okay, never mind*. Saya mengambil RM27 billion saya bahagikan dengan 4,000 ekar, saya bahagikan dengan 43,560 untuk mendapat jumlah tanah itu adalah RM154.95 *per square feet*. *Okay*. Kalau nilai jualan tanah dijangka bernilai RM27 bilion, berapakah pula nilai Pembangunan GDV di atas tanah seluas 4,000 ekar itu?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, soalan yang sama juga, saya bertanya kepada YB. Padang Kota, tapi YB. Padang Kota berkata dia tidak tahu. Saya hairan bagaimana *figure* RM26 bilion dikeluarkan, tiba-tiba *figure* itu ada, tidak ada cara pengiraannya. Ini yang membingungkan saya, adakah *figure* itu dalam mimpi dapatkah RM26 bilion, justifikasi itu tidak jelas dan kita tidak mendapat maklumat yang tepat, ini dah *confuse*. Jadi Yang Berhormat kira balik agak-agak GDV itu berapa RM100 bilion?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Minta kebenaran YB. Dato' Timbalan Speaker, untuk memberi ulasan sedikit.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tanya kepada saya atau YB. Speaker?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Speaker? Bukan saya punya *floor* ka?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Speaker akan tanya Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tanya Speaker?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Beri laluan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Angka RM27 bilion itu adalah berasal dari *Halcrow Master Plan* di mana dianggarkan komponen-komponen itu diberi angka ini. Mengenai komponen pembangunan penjualan tanah nilai dan sebagainya, ada pihak yang termasuk YB. Kebun Bunga minta Kerajaan Negeri jangan tergesa-gesa, mestilah membuat perlahan-lahan dan teliti dengan baik *don't rush into agreement* dan sebagainya. Memang itulah *approach* dan pendekatan Kerajaan Negeri. Ada perkara yang masih dikaji belum dapat dimuktamatkan, apatah lagi adanya perlu dapat diserahkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara untuk kelulusan dan sebagainya. Jadi sememangnya *work in progress* kalau tidak ada makluman, saya tidak dapat mereka angka itu dalam mimpi saya seperti mana didakwa oleh YB. Telok Bahang. Jadi kita sabar sedikit apabila sampai diperingkat yang boleh kita umumkan, semestinya kita umumkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan sikit, Yang Berhormat kalau kita berhujah begitu maksudnya harga RM27 bilion itu tidak *confirm* lagi, dia mungkin boleh meningkat tapi justifikasi sebagai anggaran kita perlu, saya rasa semua rakyat Pulau Pinang hendak tahu justifikasi anggaran dan GDV kawasan itu, supaya kita boleh *prehand* ...(dengan izin) lihat berapa banyakah nilai harga rumah yang akan dibina di situ, saya harap YB. Pulau Betong setuju dengan saya, apa pun bentuk pembangunan *reclamation* apa pun yang kita buat sebenarnya kos-kos ini akan ditanggung oleh rakyat. Rakyat yang membeli rumah itulah yang akan menanggung kos penambakan ini, sebab itulah anggaran ini amat penting, supaya kita lebih telus, supaya sekurang-kurangnya kita boleh sedar, adakah kita buat *replacement* kepada rakyat yang kaya datang ke sini yang susah kita keluarkan, atau macam-macam kita boleh lihat daripada perkara ini itulah untuk mengetahui jumlah harganya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

YB. Dato' Timbalan Speaker, dapat kelulusan untuk menjawab juga.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Saya tidak bagi dah, saya ada banyak lagi.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Speaker belum jawab lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Sebenarnya YB. Padang Kota kalau Yang Berhormat kata, ada angka RM27 bilion daripada *Halcrow*. Daripada RM27 bilion inilah kita dapat angka untuk tambun parit botak okey. Saya punya persoalan kalau kita boleh tahu RM27 bilion dan kita boleh tahu hendak dapat RM27 bilion itu adalah dengan menambun tanah parit botak, tentu ada pecahan, anggaran kasar mesti ada, saya sebagai yang dilantik sebagai Juru Ukur saya tahu yang ini *any figure* yang kita keluarkan mesti ada perkiraannya. Begitu juga pihak pemaju yang tambun tanah perlu mencari pendapatan hasil dari jualan mereka untuk membayar RM13.3 bilion, ini tak payah nanti *confuse* lagi.

Soalan seterusnya jawapan yang diberikan kepada soalan saya nombor 11 oleh YB. Padang Kota, berdasarkan jawapan yang diberikan berdasarkan kepada RFP oleh projek...(kurang jelas) Consortium fasa pertama tambakan dan pembangunan di bawah struktur bagi plan A dan B adalah berjumlah RM11 bilion. Saya hendak tahu siapa yang membayar duit mereka ini, untuk menambun tanah, RM11 bilion itu kemudian mereka akan mengambil tanah itu jual dan membuat RFP. RM11 bilion adalah jumlah yang cukup besar. Dalam soalan saya juga saya bertanya anggaran kos tambakan dan sumber pasir serta jumlah kuantitinya. Pihak Yang Berhormat menjawab pihak PDP telah mengenal pasti sumber pasir manakala jumlah kuantiti pasir setakat ini masih dalam peringkat kajian. Kuantiti pasir adalah berdasarkan pada kedalaman laut, bagi proses tambakan pulau-pulau ini. Okey saya faham. Soalan saya, Yang Berhormat berkata tadi pihak PDP telah mengenal pasti sumber pasir, okey, STP2 saya difahamkan mengambil pasir laut dari kawasan sekitar lumut. Kemudian STP2 yang berkeluasan 40 hektar ini dan ditokok 20 hektar adalah satu jumlah yang besar dah tu, okey, untuk 4,000 ekar tentulah kawasan sumber yang diperlukan adalah jauh lebih besar daripada STP 2, jika diambil dari persisiran Pulau Pinang akan hancurlah ekologi dan Alam Sekitar Pulau Pinang. Jika diambil pendekatan negeri-negeri lain akan rosaklah ekologi alam sekitar negeri-negeri lain. Kalau Yang Berhormat kata pihak PDP telah mengenal pasti sumber pasir itu, saya hendak bertanya di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau PDP tahu dan saya juga hendak tahu dalam Dewan ini di manakah sumber hasil laut yang besar itu untuk menambun tanah seluas 4,000 hektar.

YB. Dato' Speaker, saya ingin teruskan kepada soalan yang saya tetapi mendapat jawapan daripada YB. Seberang Jaya tentang mohon jelas status Penyakit MOKO yang merosakkan kawasan tanaman pisang. Jawapan telah pun diberikan kepada saya, saya hendak tambah sedikit lagi soalan, mana dia Seberang Jaya, soalan saya "Adakah Penyakit MOKO itu akan dibaik pulih dengan sendirinya dan membiarkan pokok pisang itu hidup dan mati sendiri, sebab sampai ke hari ini saya tidak nampak usaha itu". Pokok-pokok pisang masih ada di sana, masih tumbuh dan bercambah. Kalau tidak dimatikan pokok pisang itu sampai bila pun Penyakit MOKO tidak akan mati di situ dan ia akan kekal di situ. So, usaha daripada pihak Kerajaan Negeri langsung tidak nampak. Saya takut sampai bila-bila pun, itu yang saya kata kalau kita musnahkan pokok pisang tempoh tiga tahun Penyakit MOKO pun boleh mati dengan sendirinya, tetapi pada hari ini tidak nampak pokok-pokok pisang itu dimatikan dan saya hendak bertanya kepada YB. Seberang Jaya berikan jawapan yang menunjukkan kesungguhan pihak Kerajaan Negeri untuk menangani Penyakit Moko ini.

Saya juga bertanya kepada YB. Datok Keramat soalan no. 17 merujuk muka surat yang kedua para yang terakhir. "Pada tahun 2014 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana yang berjumlah RM500 Juta kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tujuan pembinaan sebanyak 22,512 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh Negeri Pulau Pinang. Selain dari itu penyeragaman geran projek Pembinaan Rumah Mampu Milik adalah untuk menampung kerugian dan kekurangan aliran tunai projek-projek Perumahan Mampu Milik sementara kutipan bayaran berperingkat dapat dibuat. Sehingga 31 Mac 2016 sejumlah RM216.83 juta peruntukan telah disalurkan dan telah dibelanjakan". Saya minta penjelasan Yang Berhormat pecahan kepada jumlah itu dan saya tahu geran itu disalurkan kepada siapa dan bagaimana. Kemudian dalam perkara yang sama juga saya melihat Rumah Mampu Milik Taksi yang berharga RM150,000 ini hanya 28 orang sahaja pemohon jumlah yang agak sedikit, jadi saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mungkin mengkaji semula jumlah pendapatan dan rumah yang boleh dibeli, sebab saya rasa ramai orang yang mampu yang mahu rumah yang berharga RM150,000 tapi jumlah pemohon hanya 28 orang sahaja, jumlah yang kecil, mesti ada yang tidak kena di sana.

Ahli Kawaan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih Pulau Betong, saya rasa memang telah pun dijawab beberapa kali oleh Kerajaan Negeri mempunyai daftar pemohon-pemohon rumah di setiap daerah dan mengikut kategori pendapatan yang menentukan kelayakan masing-masing. Jadi soalan saya di sini adalah sama ada penawaran, *supply* pembinaan oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta dikawal untuk memastikan penawaran rumah-rumah ini menepati permintaan kepada rumah-rumah. Merujuk kepada apa yang disebut oleh Pulau Betong itu tadi bahawa ramai di dalam kategori RM150,000 bawah RM200,000 yang

tidak ada cukup rumah untuk dibekalkan kepada mereka.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Saya minta YB. Datok Keramat mengambil perhatian tentang soalan daripada YB. Telok Ayer Tawar. Seterusnya dapat jawapan diberikan oleh YB. Law Heng Kiang, saya bertanyakan tentang “Berapakah hasil kutipan levi bilik hotel mengikut tahun sejak dikenakan, dimanakah ia disimpan, bagaimanakah wang itu dibelanjakan? Saya dimaklumkan bahawa jumlah yang dikutip dari tahun 2014 sehingga Mac 2016 adalah berjumlah RM15,010.652 juta yang telah digunakan sebanyak RM690,000 untuk ITP Asia Singapore untuk pergi ke ATF dan untuk buat *world table mart*. Banyak jumlah itu saya tidak mahu pertikaikan. Mungkin ada kemunasabahan untuk kerajaan, walau bagaimanapun saya minta supaya *fees* yang ada itu digunakan satu, untuk belanjakan wang itu untuk pembinaan *Home Stay*, yang kedua belanjakan wang itu untuk mencantikan laluan-laluan pelancongan di *Tourism Belt* dan di seluruh Pulau Pinang termasuk Seberang Perai dan dibangunkan juga produk-produk pengeluaran baru oleh Kerajaan Negeri sendiri dan bukan bergantung semata-mata kepada pihak swasta dan sediakan tempat-tempat untuk pelancong berhenti mengambil gambar dan sebagainya. Saya berpandangan bahawa kita perlu mencantikan rumah kita dan menghias elok-elok baharulah kita menjemput tetamu datang. Kita Kerajaan Negeri harus juga mencantikan Pulau Pinang ini dan barulah kita menjemput tetamu kita dari luar negara datang ke Pulau Pinang ini. Seterusnya tentang Medan Fair....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan, berkenaan dengan soalan yang tadi itu saya hendak bertanya soalan seperti itu, jawapan sebab saya pun bertanya soalan yang sama YB. Batu Lancang, berkenaan dengan wang levi dari penginap hotel, jawapan yang saya terima ialah ia tidak boleh dibelanjakan untuk pelancongan naiktarafkan sebagai contohnya untuk digunakan untuk nelayankah, pelancongan sungaikah, pelancongan *homestay* ka disebabkan duit itu dikutip dari hotel dan maknanya hanya pemohon dari bidang perhotelan sahaja yang boleh memohon untuk mendapatkan tabung levi, tetapi kalau kita bandingkan dengan tabung yang dikutip daripada bag plastik RM0.20 sen ia tidak digunakan pun untuk macam kegunaan mengurangkan kegunaan bag plastik, kita gunakan untuk membantu kebajikan, untuk menolong orang-orang miskin maknanya tabung itu dikutip dari sumber RM0.20 sen bag plastik tapi digunakan untuk tujuan lain, jadi kenapakah tabung levi penginap hotel tidak boleh digunakan untuk membangun industri sokongan seperti pelancongan desa, pelancongan sungai, pelancongan *homestay* yang akan membantu dan menyokong lagi industri pelancongan di Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. Saya buat pembetulan bukannya levi, dipanggil *fee*. Apapun saya bersetuju dengan pandangan Penanti kalau duit kutipan plastik boleh digunakan untuk mas-mas semua kenapa tidak boleh digunakan duit daripada *fee* ini untuk tujuan pelancongan. Adakah pelancong datang ke Pulau Pinang naik kapal terbang turun duduk hotel saja. Tak, mereka keluar hotel pergi *shopping*, pergi bersiar-siar, pergi kampung dan sebagainya tapi seolah-olah duit itu yang ada buat pergi makan angin sahaja. Buat promosi sahaja. Saya rasa ini tak kena. Saya rasa ini keputusan yang tak cukup bijak, tidak bijak dah seharusnya apa jua perkara-perkara yang boleh menyumbang kepada pendapatan negeri dan negara untuk membawa pelancong daripada luar ke Pulau Pinang, kita harus beri bantuan. So saya simpati dengan Penanti dan saya rasa keputusan yang dibuat oleh EXCO tidak tepat dan tak bijak dan minta dikaji semula.

Seterusnya saya ada dua (2) lagi sahaja nak pergi kepada Medan Fair. Baru-baru ini setelah tiga (3) tahun tidak ada Medan Fair dan telah pun diadakan semula. Saya telah pun pergi meninjau Pavilion Pulau Pinang di Medan Fair. Saya nak tegur sedikit. Menegur ini bukan suruh tutup, tak ya. Nanti tegur tahun depan tutup pula. Teguran saya macam ini. Satu ceriakan lagi hiasan luaran dan dalaman pavilion sebab pavilion kita ditengah-tengah. Bangunannya besar dan cantik berbanding dengan premis yang lain kecil tapi mereka dihias cantik. Jadi bangunan Pavilion Pulau Pinang itu saya nampak begitu orang kampung kata daif, mandom tak ceria. Tak ceria langsung, minta supaya dihias balik. Yang kedua, tambahkan produk-produk usahawan, jangan kosong. Ini di bawah saja ada empat, lima usahawan itupun kalau kita masuk sebelah kanan kiri saja, yang lain kosong. Tidak ada usahawan, memang memalukan nama Pulau Pinang. Begitu juga dengan di atas. Yang adapun hanya Heritage, PDC, MBPP, MPSP. Saya rasa cari lagi agensi-agensi lain yang penting kita nak mempromosikan Pulau Pinang yang akan memberi nama baik. Janganlah kita mengambil bahagian tiba-tiba orang mengkeji kita pulak. Memperlecehkan kita pula. Walaupun empat (4) agensi sebenarnya banyak sekali benda-benda yang

kita boleh pameran. Ada warisan, Muzium ambil bahagian dan sebagainya. Saya rasa kita boleh YB. Pantai Jerejak tapi yang ini bukan dibawah Pantai Jerejak kut. Usahawan dibawah Batu Maung tapi tak apalah ada dua, *two heads better than one*. So dua-dua kepala duduk berbincang dan kalau boleh kita nak pastikan Pavilion Pulau Pinang di Medan Fair akan lebih ceria pada tahun-tahun akan datang. Last sekali YB. Dato' Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Minta laluan, boleh. Terima kasih Dato' Timbalan Speaker, YB. Pulau Betong. Saya nak fokus kepada mandat, tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada YB. Pantai Jerejak. Kita tahu YB. Pantai Jerejak mempengerusikan Jawatankuasa Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Perhubungan Masyarakat. Saya nak tanya Yang Berhormat, sejauh ini selama ini sudah tiga (3) tahun apa peranan dan tanggungjawab Ahli Kawasan Pantai Jerejak dalam nak membangunkan Bumiputera Melayu di bawah jawatankuasa yang Yang Berhormat mempengerusikan. Saya dapat maklum jawatankuasa Yang Berhormat yang menanjurkan pelbagai acara dan sebagainya bukan dikuasai oleh orang Melayu maksud saya di sini di peringkat jawatankuasa sendiri pun. Di peringkat pengendali bukannya orang Melayu, bangsa lain. Bagaimana bangsa Melayu nak terlibat, bagaimana orang Melayu nak capai hasrat kejayaan, saya nak tanya YB. Pantai Jerejak. Selama ini dah berapa ramai yang terlibat, berapa banyak kejayaan yang dicapai oleh orang-orang Melayu di Pulau Pinang dibawah MMK YB. Pantai Jerejak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Last sekali YB. Timbalan Speaker tentang...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawab dalam penggulungan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Timbalan Speaker, last sekali ialah tentang *Freedom of Information Enactment*, enakmen kebebasan *information*. Saya baru ini dimaklumkan bahawa hari ini kalau kita nak dapatkan maklumat kita kena sign SD. Setelah kita kena bayar *processing fee* ataupun yuran proses, lepas itu kita kena *sign* pula borang SD. SD ini adalah *statutory declaration* atau bahasa Melayu dia akuan sumpah dan hanya boleh digunakan untuk rujukan dan penyelidikan peribadi sahaja. Dimanakah dia kebebasan maklumat ini? Saya pun tak nampak lah kita buat *freedom of information* nak beri orang supaya dapat maklumat dan sebagainya tapi bila kita minta melalui saluran yang betul, bila kita minta kita kena bayar, lepas tu kena sign SD pula untuk kegunaan kita pulak.

Ahli Kawasan Teluk Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ada sikit lagi saja.

Ahli Kawasan Teluk Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya sikit saja. Nak beritahu nama Enakmen Kebebasan Maklumat. Tapi hakikatnya adalah terbalik, menyekat maklumat. Itu hakikatnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang. Ini bukan kebebasan maklumat sebenarnya akta menyekat maklumat. Jadi *just imagine* kalau YB. Timbalan Speaker, kalau kita ambil maklumat, kita kena SD. Lepas itu saya berkongsi dengan YB. Dato' Jahara. Dato' Jahara buat *check up* dan sebagainya kemudian kena saman kerana apa kerana melanggar maklumat ini yang diberikan pada saya tah ke itu hanya benda yang tak patut? Saya rasa ini memang menyusahkan sebenarnya. Saya minta pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan semula kalau betul nak *freedom of information*, berilah *freedom* sepenuhnya. Ini tak terbalik menyekat maklumat. Kemudian kalaulah nak buat pelaksanaan, berapa ribu, berapa juta dengan terkumpul hasil daripada kutipan untuk mendapat maklumat ini. Berapa SD yang telah ditandatangani...(gangguan). Nanti jawablah. Saya dah nak berhenti di sini. Tak mau. Tak mau. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya dah sampai pada penghujung, YB. Dato' Timbalan Speaker saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Timbalan Speaker, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya bahaskan ucapan perasmian dalam ucapan T.Y.T Yang di-Pertua Pulau Pinang Penggal Keempat pada 17 haribulan ini. Saya juga nak ucapkan Selamat Hari Buruh, Selamat Hari Ibu dan Selamat Hari Wesak. Dan juga Selamat Hari Guru. Salam sejahtera dan salam polomi.

Dato' Timbalan Speaker, saya tertarik dengan nasihat T.Y.T dalam ucapannya bahawa adalah menjadi harapan T.Y.T. bahawa Dewan yang mulia ini akan menjadi medan terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu, khususnya yang melibatkan kepentingan rakyat. Dan juga bahawa suara rakyat dikaji, dibawa dan dibahaskan dengan teliti, disampaikan secara intelektual dan bukannya secara emosi, peribadi serta tanpa etika dan tidak bijak. Dan dalam penutup ucapan T.Y.T. bahawa sistem semak dan imbang itu diperlukan bagi memastikan semua kepentingan awam diteliti, atas landasan amanah dan ketepikan isu peribadi dan parti daripada perseteruan politik.

T.Y.T. dalam ucapannya menasihatkan bahawa semua Ahli Dewan Undangan Negeri terus bertugas dengan lebih tekun, gigih dan mempertahankan negeri yang tercinta ini setiap masa. Diharap semangat ini akan menjadi semakin kental agar negeri dan rakyat terus maju, aman dan makmur sebagai sebuah negeri yang gemilang. Saya harap mesej T.Y.T. diterima dengan jelas dan berdasarkan prinsip dan nasihat ini saya berusaha juga agar satu reformasi demokrasi Dewan ini diwujudkan. Iaitu saya cuba melobikan sehingga hari ini juga walau dikritik dengan keras satu usul pindaan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dilaksanakan untuk menghadkan perjawatan Ketua Menteri kepada dua penggal sahaja dengan alasan-alasan dibahaskan sejak dua, tiga tahun lalu dalam Dewan yang mulia ini. Saya cuba masukkan satu usul yang ditolak berdasarkan faktor teknikal cuma mohon isu tersebut dibawa ke Jawatankuasa Perlembagaan untuk mengkaji dan mencadang perlunya pindaan tersebut. Kemudian laporannya dibentangkan balik ke Dewan ini untuk bahas dan seterusnya buat keputusan sama ada setuju atau tidak. Itu pun takut dan nak ditolakkan. Malangnya saya fikir hasrat baik saya ini dipertikaikan saya nak jatuhkan mana-mana pihak dan saya nak jadi Ketua Menteri. Ini semua sangat karut.

Saya dengan hati ikhlas cuma nak hasrat dan nasihat T.Y.T. Itu laksanakan. Usul tersebut juga disokongkan beberapa pemimpin atau tokoh-tokoh kita misalnya walaupun maksud saya usul itu hadkan *term* limit bukan sahaja untuk Ketua Menteri, Menteri Besar dan juga Perdana Menteri. Dan selalunya disalah fahamkan. Dan pada masa dahulu Dato' Seri Anwar Ibrahim juga pernah mencadangkan konsep begini. Saudara Nga Ko Ming juga dan James Ligunjang, bekas ADUN Sabah, former ADUN Sabah juga Melanie Chia, SAPP, NGO seperti C4, Cynthia Gabriel, penulis Kua Kia Soong dan juga seorang ulamak Wan Jie bin Wan Hussain dan juga PAS dalam Harakah pada tahun 90'an juga mencadangkan menghadkan Perdana Menteri kepada tiga (3) penggal. Dan Ketua Menteri juga pada 2 Jun 2015 dalam *Malay Online* mengatakan akan bincangkan isu ini dalam Pakatan Rakyat pada masa itu. Tapi malangnya Pakatan Rakyat sudah tukar kepada Pakatan Harapan.

Saya harap isu ini boleh juga Pakatan Harapan dibincangkan dan dibuat satu keputusan. Walaupun deklarasi rakyat yang tadi dirujuk itu tidak ada bangkit isu ini tapi ada satu versi yang dinamakan *peoples' declaration* yang lebih, lebih banyak reformasi dicadangkan termasuk *Term Limit ...* (dengan izin), *limit the terms of office of the Prime Minister, the Menteri Besar and the Chief Minister to 2 terms, and also introduce an ombudsman system for a more independent and effective public complaints to body.* Ini kedua-dua reform ini saya selalu nak bangkitkan di sini kerana ini adalah salah satu. Ini adalah beberapa salah dari beberapa hasrat yang kita nak buat reform semasa 2008. Semasa membuat satu *pledge* di Esplanade dan termasuk *Term Limits* kepada 3 *terms*, saya masih ada surat itu untuk membuktikan dan ini bukan saya nak buat satu usul sendiri tetapi ini, cuma cuba saya nak tunaikan apa yang kita nak buat *reform* selepas, kalau kita dapat pentadbiran Negeri Pulau Pinang. Jadi jika *Penang Leads* dalam reformasi ini saya fikir ia akan jadikan satu legasi, satu progresif di mana Kerajaan Negeri terutamanya Pakatan Harapan, akan disanjung tinggi. Saya fikir *middle way* yang selalu dikempenkan, perlulah kita tunaikan janji ini, *we go a middle way.* Ini adalah satu spektrum demokrasi. Dulu kita selalu mahukan satu masyarakat yang bersosial demokrat supaya rakyat diutamakan dan kita harap kita jangan dipengaruhi oleh kapitalis. Ini adalah pesanan saya selalu saya nak bagikan lagi. Dan saya harap Ahli Parlimen kita dalam Dewan yang mulia ini, juga boleh bawa usul sama menghadkan Perdana Menteri ke peringkat Parlimen untuk maksud yang sama. Ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini, maksudnya Ketua Menteri. Saya juga mohon jasa baik Ketua Menteri bahawa juga isu ini dibawa ke peringkat Parlimen.

YB. Timbalan Speaker yang dihormati, saya juga terdapat bahawa ketetapan usul B1, Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan mulai penggal keempat itu, pada saya mungkin tidak adil dengan kombinasi tujuh (7) orang ahlinya dan tiga (3) orang ahli yang lain. Dan juga usul B5, saya harap ini.... (gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan. YB. Tanjong Bunga, perkara dua (2) penggal ini saya rasa sudah diutarakan banyak kali. Perkara ini memburuk-burukan satu perjuangan Tanjong Bunga. Tetapi sebelum itu saya mahu tanya Tanjong Bunga, sama ada dua (2) penggal ini sesuai kepada sistem yang berparlimen ataupun sistem ini lebih sesuai kepada sistem Presiden seperti Amerika Syarikat atau lain tempat. Sebab saya rasa sebelum ini saya belum tahu sama ada Tanjong Bunga sudah berbincang di peringkat *consensual* sebelum Yang Berhormat letakkan syarat ini sebagai ini menghadkan penggal Ketua Menteri atau mana-mana pihak bagi dua (2) penggal. Bolehkah Tanjong Bunga ini memberi contoh mana sistem berparlimen ada dua (2) penggal, kalau adalah. Dan mana sistem Presiden, ini ada satu (1) yang berkekalan tanpa hadnya. So kalau perbincangan ini, mungkin ini memberi satu gambaran yang lebih dalam kepada kitalah sama ada kita boleh menerima cadangan saudara, sama ada sistem itu sesuai untuk sistem berparlimen di Negara Malaysia. Walaupun sistem ini sesuai untuk, di peringkat Negeri Pulau Pinang. So saya perlu satu perbincangan lebih mikro, lebih teori, lebih *conceptual* sebelum kita mendalami dari segi *empirate*.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih YB. Perai. Dalam masa dahulu saya ada beri contoh di mana ada 2 negara yang amalkan had *limitation* ini yang bersistem *westminister* iaitu Thailand dan juga baru-baru sahaja dua (2) tahun dahulu Trinidad, Tobago. Di sini *the premium*,(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Thailand ini bukan sesuai, ia lebih mencontohi Amerika Syarikat, walaupun dia ada Perdana Menteri....(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Now the Prime Minister can only be appointed twice and therefore is limited to maximum of 2 conservative terms only ...(dengan izin). Ini saya selalu buat kajian dalam *website*. Ini contohnya, kalau salah tolong betulkan dengan kajian.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta penjelasan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Saya tak mahu bagi penjelasan, saya nak habiskan....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima duduk. Sila teruskan Tanjong Bunga. Teruskan...sila pergi ke tajuk PAC, silakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan, saya minta sikit saja. Kalau berani beri...(gangguan) .

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Itu bukan berani tak berani...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bagi peluang. Saya berbahas, jika Yang Berhormat(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bila saya berbahas tadi, Tanjong Bunga tiada di sini....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, duduk Seri Delima....(gangguan). Sila teruskan. Sila pergi ke tajuk PAC, teruskan. Silakan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Yang lain saya tak mahu panjangkan, bukan bagus. Semua rakyat di luar sana akan tahu siapa yang sandiwara, siapa yang tak sandiwara.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tahu siapa yang sandiwara, siapa yang pergi bersekongkol dengan GERAKAN, tak malu kah?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima jangan ganggu. Kalau tidak Seri Delima boleh rehat. Seri Delima duduk, duduk. Sila teruskan(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sungguh memalukan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, duduk. Sila teruskan dengan tajuk lain.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Kalau parti yang tak boleh beroperasi dengan *open minded* nak jadi kawan dengan orang pun tak boleh, nak buat dialog dengan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Lain kali bila pilihan raya, pakai logo GERAKAN lah, pergi lawan lah, apa dia berani, ini bila pilihan raya pakai roket....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk, bagi kebebasan Tanjong Bunga bercakap. Tak apa kemudian. Sudah teruskan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Tak apa saya boleh tahan. Kata dia hentam saya, ini sudah menyalahi peraturan selalu ada dihansard. Tak apa, saya tak akan minta tarik balik. Ini boleh di *judge* kan oleh rakyat di luar sana, siapa yang suka sandiwara.

Okey, Pengurusan Kewangan Kerajaan, saya amat risau bahawa ada berkemungkinan Kerajaan Negeri didakwa hingga bankrap seperti mana selalu diamalkan Y.A.B. jika kontrak atau pembangunan mega yang telah diluluskan PBT kemudian dibatalkan atau didesak membatalkan yang diluluskan akan didakwa pemaju dengan menuntut pampasan yang besar. Apakah strategi kewangan Kerajaan Negeri? Boleh satu Undang-Undang Kecil atau Akta digubalkan untuk mengelakkan bankrapsi Kerajaan Negeri tidak akan berlaku. Misalnya, *Federal Bankruptcy Code USA* terutamanya *Chapter 9*. *Chapter 9* ini seperti kajian saya menjamin Kerajaan Tempatan / Negeri tidak dihadapi dakwaan *bankruptcy*. Ia digubalkan terutamanya, *exclusively* untuk Kerajaan Tempatan atau Negeri berkuasa mengadjust kan atau kurangkan obligasinya apabila sumber atau kewangan Kerajaan Tempatan tidak mampu membiayai iaitu *inadequate to cover ...*(dengan izin) obligasi yang dia kena tanggung. *Chapter 9* ini memberi *filers ...*(dengan izin) iaitu Kerajaan Tempatan atau Negeri, lindungan daripada kreditornya sementara mendapat cukup masa untuk mencari penyelesaian mencapai kestabilan kewangan. Dan

dibawah *Chapter 9* ini sesuatu *Recovery Plan* oleh Kerajaan Tempatan atau Negeri boleh mengandungi bahawa pengurangan pembayaran bond atau penghutangan lain atau berkuasa membatalkan kontrak atau perjanjian yang memberatkan beban kewangan Kerajaan Tempatan atau Negeri dan juga ada satu mekanisma iaitu *automatic stay* di mana diberikan oleh mahkamah dan dengan adanya *Chapter 9* ini, sesebuah Kerajaan Tempatan atau Negeri tidak akan menghadapi *bankruptcy* atau mengubah struktur pentadbirannya. *Automatic Stay* ini, dikeluarkan kepada Kerajaan Tempatan atau Negeri agar *creditor* nya berhenti menuntut bayaran dan melindungi Kerajaan Tempatan atau Negeri daripada litigasi.

Saya harap Penasihat Undang-Undang Negeri dan Kewangan Negeri boleh meneliti dan mengkaji cadangan *Chapter 9* ini, agar satu reformasi tercapai dan menyempurnakan dan melindungi dan juga menstabilkan status kewangan Kerajaan Negeri daripada didakwa *bankruptcy* yang selalu dikatakan.

YB. Timbalan Speaker, perkembangan ekonomi negeri memang berteraskan penaiktaraf infrastruktur salah satunya dan seterusnya pembangunan infrastruktur akan juga mengorbankan juga alam sekitar, terutamanya pembangunan di kawasan tanah bukit. Mengikut Laporan Ketua Audit Negara tahun 2014, Siri 3: Aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan (Sila rujuk muka surat 24 – 41), Kerja-kerja Tanah Tanpa Kelulusan banyaknya dilaporkan. Semasa saya mengkritik Kerajaan Negeri dan PBT tidak menjalankan penguatkuasaan yang tegas dengan *protest* membotakkan diri saya pada tahun 2014, saya didakwa dalam reformasi, *reformation* (dengan izin) oleh pemaju tuan tanah, kes saya ini mengambil masa dua (2) setengah tahun, akhirnya pemaju kalah dalam kes ini iaitu kes *General Accomplishment* dan Tan Kok Peng vs Teh Yee Cheu. Hakim telah menyampaikan mesej yang jelas bahawa berdasarkan kepentingan rakyat dan alam sekitar, No. 2 yang bersalah patut dihukumkan, No. 3 pembela adalah seorang wakil rakyat yang menyuarakan suara rakyat dengan jelas. Jadi berdasarkan tiga (3) prinsip ini kewibawaan seorang wakil rakyat dapat dipertahankan dan saya berharap kes ini menjadi satu *precedent* ...(dengan izin) untuk PBT dan Dewan yang mulia ini bahawa kepentingan awam dan alam sekitar harus diutamakan. Maka penguatkuasaan adalah satu proses yang mustahak bagi sesebuah Kerajaan Tempatan atau PBT di mana pesalah dihukumkan tanpa *fear* dan *favour*...(dengan izin) dan ramai rakan juga cadangkan Akta-Akta atau Undang-undang kita dipertingkatkan samannya yang tak cukup tinggi misalnya kes ini denda RM30,000 saja tetapi dia tak cukup untuk menakutkan atau mengawalkan pesalah untuk menjalankan kesalahan itu. Oleh sebab itu dalam laporan audit itu kita dapat begitu banyak kesalahan atau tanpa izin yang dilakukan oleh pemaju tanpa takut.

Saya berpendapat bahawa Penasihat Undang-Undang Negeri memainkan peranan yang penting dalam mereformkan, mengemaskinikan dan juga meminda atau mengubal Undang-undang Negeri Perlembagaan dan Undang-undang kecil agar penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cepat, tepat dan adil. Kebanyakan Undang-undang Negeri terutamanya Undang-undang kecil MBPP atau MPSP ada yang sudah lama tak ada perubahan dan tak cukup luas dan dalam untuk menjalankan tugas penguatkuasaan ke atas pihak yang bersalah. Undang-undang kecil yang sedia ada oleh MBPP dan MPSP harus lah dipindahkan, diubahsuaikan dan digabungkan dalam satu agar tidak bertindih dan mengelirukan semasa menjalankan penguatkuasaan. Ini adalah memang berlaku antara MBPP dan MPSP bila menjalankan tugas penguatkuasaan dalam kes yang sama maksudnya *content* yang sama dengan izin. Walaupun Jabatan Penguatkuasaan di peringkat PBT, MPPP dan MPSP masih baru ditubuhkan dan banyak kelemahan perlu dipertimbangkan dari segi kewangan peralatan dan latihan.

Saya juga cadang bahawa Kerajaan Negeri pastikan penguatkuasa-penguatkuasa memahamkan ke semua garis panduan Undang-undang kecil dan Akta-Akta yang berkenaan bila jalankan tugas mereka agar bertanggungjawab kepada pengguna atau rakyat dan mengelakkan salah guna kuasa. Kadang-kadang penguatkuasa menjalankan tugasnya tapi tak berapa erti undang-undang kecil dan tak menjelaskan kepada pesalah malah berlakulah banyak perselisihan faham dan juga gaduh dan lain-lain. Misalnya dua-dua PBT mempunyai Undang-undang kecil lama berlainan untuk mengawal isu sampah, tetapi tiada Undang-undang kecil yang terperinci untuk mengawal pengasingan sisa dari punca. Saya rasa kekurangan ini akan menjadikan Kerajaan Negeri menghadapi rintangan dan masalah semasa ingin melaksanakan polisi pengasingan sisa daripada punca pada 1 Jun 2016 ini. Malahan pula sistem dan pusat menguruskan sisa organik dan makanan masih belum disediakan dengan sempurna sebenarnya jika sistem yang betul dipakai kedua-dua PBT saya fikir, sisa hijau atau organik ini akan menjadi bahan *topsoil* untuk kebun-kebun, pertanian, hutan dan juga bahan tambakan memandangkan negeri kita penuh dengan sisa hijau iaitu daun- daun yang boleh dikumpul setiap hari dan dikomposkan sebagai *topsoil*. Dan caranya mengkomposkan daun-daun ini jadikannya *topsoil* sangat murah dan sangat senang. Dan teknologinya tak mahal, ia pakai teknologi *ventilation* dan ini juga pernah saya cadangkan dan bincangkan kepada MBPP malangnya ini pun tak betul-betul dipakai digunakan.

YB. Timbalan Speaker, deraf untuk Undang undang Kecil pengasingan sisa sampah daripada punca dan sistem untuk proseskan sisa hijau terutamanya sudah dikongsikan terpulanglah kepada EXCO sama ada terima pakai atau tidak, kalau digunakan saya percaya ia akan berjaya dalam kadar

kitar semula hingga 70% dibandingkan 32% pada masa ini oleh Pulau Pinang. Dan dengan adanya data dalam asingkan sisa sampah anda dalam *leaflet* ini *respondent* percaya bahawa lebih ramai orang akan mengasingkan sisa sekiranya dipaksa untuk melakukan adalah 86.5%. Ini bermaksud orang ramai sudah faham membuat pengasingan tetapi kalau kutipan atau pusat pengurusan sisa diperingkat PBT tidak sempurna saya fikir dia akan makan lebih banyak masa lagi untuk menjayakan sistem ini.

YB. Timbalan Speaker, saya nak bincangkan pengurusan sumber air. Sumber air sangat penting sekali bagi kita kerana negeri kita ini adalah satu negeri yang terhadnya sumber alam terutamanya sumber air. Semua faham mengikut laporan PBA bahawa menjelang tahun 2020, negeri kita akan berkurangan sumber air mentah terutamanya dari sumber Sungai Muda di mana Sungai Muda ini adalah berikan 84% sumbangan kepada negeri kita. Sumber air ini akan menjejaskan sumber ekonomi kita seperti tadi yang dibincangkan ada *picketing* Penaga di mana disebabkan *El-Nino* yang luar biasa yang menyebabkan kekurangan air dan air diperlukan oleh kedua-dua negeri dan di mana air sumber dari *up stream* dikawal maka sumber di *down stream* yang kena padanya. Jadi malahan pula ekonomi kita dalam bidang perindustrian dan pelancongan yang melengkap 90% dalam GDP yang memerlukan banyak air. Jadi kalau ini juga diganggu maka ekonomi negeri kita akan terjejas. Jadi bahawa pada tahun 2014, penggunaan air meningkat ke 800 juta liter iaitu 37% naiknya dibandingkan dengan tahun 2013 untuk jumlah penduduk 1.6 juta dan dengan jumlah penduduk yang lebih kurang sama dijangkakan menjelang tahun 2020, konsumsi penggunaan akan sampai 1.2 billion liter ini adalah satu laporan daripada PBA. Dan juga mengikut National Water Resource Study 2000 hingga 2050 oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar anggaran jumlah penduduk Pulau Pinang pada tahun 2050 adalah 2.1 juta dianggarkan keperluan air mentah keseluruhannya adalah sebanyak 845 juta iaitu 1,884 juta liter sehari. Jumlah keperluan ini sudah pasti tidak dapat dipenuhi sumber-sumber sedia ada. Tambahan pula kawasan tambakan laut seperti STP 2, STP 1, STP 2 akan dijalankan, STP 1 yang sedang siap dan juga projek tambakan tiga (3) buah Pulau Pinang di lautan selatan pulau tentu hadapi isu kekurangan air minuman memandangkan pembangunan atas tiga (3) buah pulau pada masa depan adalah besar sekali. Dan projek SPRWTS yang masih belum dilaksanakan itu, amat merisaukan. Sepatutnya projek ini dimulakan pada tahun 2013 yang lalu. Jadi apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri selain daripada projek SP Tanjung daripada projek SPRTWTS kalau ditangguhkan dan apakah ada kontigensi plan. Di sini saya juga mohon jasa baik Yang Berhormat-Yang Berhormat dari UMNO dan Kerajaan Pusat boleh lah membantu mempercepatkan projek ini diluluskan oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri Perak supaya jangan memberi rintangan yang begitu besar kepada rakyat Pulau Pinang agar kita boleh mendapat sumber air yang cukup pada tahun 2020 ke atas.

Saya hendak tahu juga adakah projek, *distillation of sea water...*(dengan izin) akan dilakukan oleh PBA sebagai kontigensi plan pada masa hadapan. Jika ada, bila ianya hendak dilaksanakan ataupun satu *dam* sederhana yang baru bolehkah dibina di antara lembah bukit di Balik Pulau berdekatan Bukit Air Putih. Kita harus diperingatkan jika sumber air berkurangan masih berterusan, manusia akan berperang antara satu sama lain kerana air, itu pun telah dibuktikan dengan *picketing* yang berlaku di Penaga.

Timbalan Yang di-Pertua, perkara selanjutnya yang hendak dibincangkan ialah *water disinfection* atau pengklorinan, *the chlorination*(dengan izin). Ini adalah satu isu *disinfection*. Isu ini menjadi semakin mustahak kerana selain dari BOD atau COD akan menjadi punca pencemaran air di sungai dan laut. *Water disinfection* ini akan membawa pencemaran bakteria, virus dan *seas disposal...*(dengan izin). Jadi adalah mustahak PBT memantau dan mensyaratkan pemaju menjalankan pengklorinan atau *water disinfection* dengan cara atau teknologi yang baru untuk mengawal bakteria atau virus yang akan mencemari sungai, laut atau sumber air kita. Misalnya kebanyakan air atau kumbahan dari stesyen-stesyen IWK, kolam renang, hotel dan hospital, perumahan, institusi, adakah dikawal dengan syarat-syarat yang ketat dan laporan *water disinfection* disediakan dan diwajibkan. Dalam satu soalan saya kepada Dewan ini, jawapannya adalah pada masa ini tiada pemantauan yang menyeluruh dilakukan terhadap tahap pengklorinan oleh pihak kerajaan atau swasta di Pulau Pinang. Jadi saya harap isu ini iaitu *water disinfection* ini boleh diberi perhatian oleh PBT. Saya difahamkan selain daripada sistem pengklorinan ini ada satu teknologi baru seperti UV Radiation, dengan izin. Ini adalah satu teknologi baru yang berkesan untuk *water disinfection*. Saya harap teknologi ini boleh dikaji dan kalau boleh diwajibkan.

Timbalan Yang di-Pertua, tentang projek kawasan tambakan laut, walaupun Negeri Pulau Pinang semakin kekurangan tanah untuk pembangunan terutamanya di bahagian pulau, memang salah satu cara untuk menambak tanah bagi tujuan pembangunan adalah tambakan laut atau tebus guna tanah. Ini adalah satu tindakan atau pelan manusia yang boleh menjejaskan atau menghapus alam sekitar iaitu laut sekarang ada tambakan termasuk eko sistem dalam laut. Tindakan ini sudah dibuktikan tidak bijak dan adil kerana projek ini akan menjejaskan kepentingan manusia generasi masa depan kita. Saya tidak cenderung kepada cara ini. Terdapat banyak isu yang timbul setelah projek tambakan laut dilaksanakan tanpa rancangan yang sempurna. Banyak negara terutamanya bandar raya sudah mula insaf keburukan tambakan laut dan mensyaratkan keperluan projek tambakan laut, hanya jika ia amat perlu dijalankan

dari segi ekonomi dan komuniti, alam sekitar dan keperluan masyarakat, jikalau sudah kehabisan cara lain atau alternatif. Ianya juga tidak boleh menjejaskan operasi perairan laut dan kawasan kejiranan, termasuk pelaburan aktiviti-aktiviti perikanan berdekatan. Dan juga satu RKKK, Rancangan Khas Kawasan Tanah tambunan tebus guna tanah atau tambakan laut mesti diwartakan. Dengan pelan RKKK itu mesti ada pelan terperinci bagaimana pembangunan juga diadakan. Jadi saya fikir RFP untuk pembangunan kawasan, misalnya SORE THUMB di Tanjong Bunga dengan tambakan laut tidak lebih daripada 20 ekar itu harus dibatalkan dan kembalikan kawasan SORE THUMB ini iaitu Plot B, tanah kerajaan, Bandar Tanjong Bunga itu kepada rakyat sebagai taman rekreasi dan pantai awam. Oleh kerana dimaklumkan YB. Padang Kota semasa menjawab soalan pada 13 Mei yang lalu, bahawa mengikut kajian konsultan dari Denmark, perairan laut utara pulau, antara Telok Bahang hingga Tanjong Tokong adalah tidak sesuai untuk projek tambakan laut. Berita ini juga disiarkan oleh media. Saya harap dengan alasan ini RFP oleh PDC untuk tambakan laut di kawasan SORE THUMB itu dibatalkan dengan segera.

Ketiga, saya juga ingin tahu tentang RFP tersebut semasa jawapan kepada saya, dan juga kepada YB. Paya Terubong, ada tiga syarikat yang mengambil bahagian dalam RFP itu. Saya juga ingin tahu ketiga-tiga syarikat yang mengambil bahagian dalam RFP itu. Mengikut kefahaman saya dan ditunjukkan oleh pemaju kepada saya pelan mereka untuk membangunkan kawasan Sow Tam itu adalah sama dengan apa yang, maksud saya, *the description....(dengan izin)*, sama sekali dengan RFP yang dikeluarkan oleh PDC. Saya harap satu langkah yang lebih *transparent...(dengan izin)*, telah diadakan supaya dipamirkan ketiga-tiga syarikat yang mengambil bahagian dalam RFP itu.

Timbalan Yang di-Pertua, projek tambakan laut untuk pembiayaan kos dan pembangunan TTNP pada saya, harus dikaji semula memandangkan terdapat banyak pandangan lain daripada masyarakat termasuk isu-isu dalam soalan bertulis saya yang bernombor 3, 4, 5, 6 dan 25. Jawapan daripada soalan saya bahawa SRS Consortium gabungan terdiri daripada Gamuda Berhad, Ideal Property dan Low How Yean Holdings Sdn Bhd. Setahu saya melalui Google, Gamuda Berhad adalah sebuah GLC, Ideal Property juga sebuah GLC Kerajaan Pusat. Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat Negeri Pulau Pinang dalam Dewan ini ada dua (2) bahagian, ada satu (1) usul supaya tambakan laut ini dibatalkan dan dibentangkan oleh Yang Berhormat daripada UMNO. Dalam GLC Gamuda dan Ideal Property ini adalah daripada Kerajaan Pusat yang diketuai juga oleh ahli-ahli UMNO. Di sebelah sini Kerajaan Negeri melalui SRS Consortium Gabungan ini juga melibatkan ahli-ahli UMNO dalam GLC yang ingin membuat projek tambakan laut dan di dalam Dewan ini kita bangkitkan usul untuk membatalkan tambakan laut ini. Jadi dua-dua pihak perlu memberi alasan yang lebih jelas kepada rakyat yang mana satu dengan prinsipnya, hendak tambakan laut atau tidak mahu tambakan laut. Difahamkan ahli-ahli yang berjawatankuasa di GLC Gamuda atau *Ideal Property* mainkan satu peranan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat kita didalam dewan ini mainkan peranan yang lain.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Penjelasan. Satu *Ideal Property* bukan GLC. Gamuda pun saya rasa bukan GLC. Bukan. So tidak perlu kaitkan UMNO dengan Gamuda, UMNO dengan *Ideal Property*. Tidak betul itu. Yang kedua, Isu adalah isu syarikat-syarikat projek jangan kaitkan dengan kami. Kami ada pendirian lain. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih atas penjelasan. Kerana saya dapat *list* ini daripada *Google*. Dia dalam *list* GLC.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Kadang-kadang pakcik *Google* pun tidak betul. Tanya yang betul, pakcik pun tidak betul.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih. Walau bagaimanapun, saya harap penjelasan yang lebih dalam lagi diberitahukan kepada kita apa rasionalnya untuk membatalkan dan rasionalnya untuk tambakan. Kerajaan Negeri juga dinasihatkan juga oleh YB. Kebun Bunga dan saya juga hendak menasihatkan supaya jangan tergesa-gesa melaksanakan projek ini dengan model *fund raising* agar mencapai satu mungkin legasi atau apa itu tetapi pada masa hadapan didapati ianya akan membebankan rakyat sepertimana yang dipertikaikan atau dipersoalkan NGO dan masyarakat dan rakyat akan membayar kos hutang pemaju dan projek ini adalah tidak adil pada kita. Kita mahu semua data-data yang boleh dikemukakan kepada rakyat supaya boleh buat kajian atau bincang ataupun cadangan yang lain. Saya harap pada masa ini PDP, kontrak PDP ataupun yang lain, boleh mengikat Kerajaan Negeri agar Projek Tambakan Laut mesti dijalankan itu dikaji semula. Kerana, RSNPP masih belum dikaji semula. Jikalau, pada masa ini kontrak diadakan

adakah dia akan membebankan Kerajaan Negeri dari segi kewangan dan berkemungkinan didakwa juga bankrupsi pada masa depan. Saya juga sekali lagi hendak mencadangkan satu RKK Tambakan laut diwartakan dalam RSNPP yang akan dikaji semula supaya kawasan tambakan laut boleh dikawal dengan lebih bijak, lebih baik. Sementara itu saya juga menyeru bahawa Pelan Tempatan bahagian Pulau Pinang diwartakan dengan segera dan oleh kerana deraf Pelan Tempatan bahagian Pulau Pinang ini sudah lama disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan masih belum diwartakan pada masa ini.

Timbalan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya mesti bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa 9 orang ADUN *backbenchers* Yang Berhormat saya fikir telah mencatatkan sejarah Dewan ini. 9 orang ADUN yang daripada latar belakang politik yang berlainan telah bersetuju dengan *Terms Of Reference* (TOR)...(dengan izin) "mak nyah" yang disediakan penasihat saya yang berpengalaman dalam bidang ini dan golongan *transgender* ini. *Term Of Reference* juga bersetuju bahawa Jawatankuasa Komuniti *Transgender* ditubuhkan dan beroperasi dengan segera. Dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 8 orang Yang Berhormat yang ikhlas dan berperikemanusiaan telah tunaikan janji menyokong dan mengambil bahagian dalam Jawatankuasa tersebut. Perkhidmatan dan jasa baik 8 orang Yang Berhormat akan dikenangi saya fikir dan disanjung tinggi. Saya juga sebagai Pengerusi jawatankuasa ini juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua bagi peluang Dewan ini terutamanya menubuhkan jawatankuasa ini di bawah Dewan yang mulia ini dan bekerjasama dengan EXCO dan Kerajaan Negeri jika perlu. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada EXCO Wanita YB. Padang Lalang yang selalu menyokong dan membantu memberi pandangan supaya merealisasikan penubuhan jawatankuasa ini walaupun Pejabat Yang Berhormat tidak terikat secara lansung atau secara rasminya tetapi dengan moral dan keprihatinan dan perikemanusiaanya. Diharap jawatankuasa ini mendapatkan bantuan daripada EXCO dan Kerajaan Negeri dari aspek kewangan peruntukan juga demi kepentingan rakyat. Saya kemudiannya akan saya sudah hantar juga senaskah salinan *term of reference* kepada Dato' Yang di-Pertua untuk rujukan secara rasmi dan rekod. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang berkenaan ini dan persefahaman, kesabaran, keprihatinan yang diberikan. Syabas.

Kali ini saya tidak mahu bincang panjang-panjang dan ingin satu kes lagi saya hendak saya bangkitkan adalah kes Al Kamsar. Terletak di Taman Belia. Rujuk kepada soalan bertulis 21 saya. MBPP memang dalam proses mengambil balik tapak Al Kamsar itu, harap ia dicadangkan tapak ini lepas diambil balik dijadikan Pusat Tapak Perkhemahan Budak Antarabangsa menggantikan "*Coronation Camp Site*" diselenggarakan oleh Jawatankuasa Khas di bawah EXCO Perancangan Bandar dan Desa demi kepentingan generasi muda. Saya harap Yang Berhormat Dato Keramat boleh merialisasikan impian ini kepada pemuda-pemudi yang selalu kekurangan satu tapak untuk perkhemahan pemuda antarabangsa seperti *Coronation* yang sudah lama di kenali oleh pemuda-pemudi Antarabangsa. Mereka selalu bangkitkan mana letaknya *coronation camp* bila datang kesini. Dan bila diberitahu tidak wujud lagi *coronation camp* itu, hampa mereka.

Jadi Timbalan Yang di-Pertua Speaker, AES. Tentang isu AES. Iaitu yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Didapati pada masa ini 1,244 orang ada dalam skim AES dan 18 Juta ringgit setahun diperuntukkan. Saya cadangkan Kerajaan Negeri tingkatkan pendapatan garis kemiskinan PGK kepada RM1,000 sebulan selaras dengan upah gaji minima atas sebab-sebab bahawa implimentasinya GST, inflasi yang ada di antara hingga 5 hingga 10 % setiap tahun. Harga barang naik setiap hari dan gaji yang pada masa ini selalunya tidak naik tidak selaras dengan kenaikan kos hidupan untuk menampung kos kehidupan saban hari. Terutamanya kos perubatan. Ini amat meragukan, merisaukan keluarga yang miskin.

Timbalan Yang di-Pertua Speaker, tentang perkhidmatan awam terutamanya PDRM, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan pihak PDRM yang telah menjalankan program penerangan berkenaan elemen-elemen Kumpulan Pengganas yang menyokong perjuangan ISIS selepas saya bangkitkan isu keselamatan sosial dan aktiviti terorisma di Asean pada sesi masyarakat yang lalu iaitu November 2015 lalu.

Dua (2) isu lagi saya hendak, mohon Kerajaan Negeri ambil perhatian ialah isu *homestay* haram terutamanya dikawasan perumahan. Undang-undang yang tidak terkawal *homestay* untuk di kawasan perumahan dan rumah pangsa kediaman warga tempatan ini adalah satu isu atau soalan yang harus diambil perhatian oleh PBT. Mengikut definasi *homestay* program yang dilancarkan pada tahun 1995 adalah suatu kemudahan tempat tinggal di luar bandar untuk pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah yang dipilih dan seterusnya berpeluang mencapai cara hidup seharian serta kebudayaan Malaysia secara lansung. Dan program ini berbeza dengan konsep penginapan bajet atau hotel yang bersistem pengurusan penyewaan bilik penginapan. Dan difahamkan definisi rumah kediaman merupakan aspek keselesaan yang perlu diberi keutamaan dalam sesuatu pembangunan perumahan bagi mewujudkan kehidupan yang berkualiti. Di Pulau Pinang masalah *homestay* haram ini. *Homestay*

haram. Bermula semenjak *Goerge Town* dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh *UNESCO* pada 7 Julai 2008. Dan dimaklumkan bahawa pada 9 Jun 2009 Menteri Pelancongan mengatakan konsep *homestay* mewajibkan tuan rumah operator *homestay* mesti tinggal di premis dan tidak boleh menyewa rumah sahaja kepada pelancong. Pada 18 November 2014 Saudara Ng Wei Aik, Ahli Parlimen Tanjong membuat kenyataan media bahawa Kementerian Pelancongan sokong kewujudan *homestay* kawasan bandar. Perkara ini dibangkitkan semasa penggulungan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan pada masa itu atas Bajet 2015 diperingkat jawatankuasa dalam Dewan Rakyat. Dan pendirian yang diambil Saudara Ng merupakan satu pendirian beliau berita baik untuk operator-operator *homestay* di kawasan bandar dan akan terus berbincang dengan Kementerian Pelancongan supaya input-input yang bernas dapat menyemak semula perundangan atau garis panduan yang sedia ada. Mendaftarkan *homestay*, tetapi *homestay* di kawasan bandar tidak dapat didaftarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan atas sebab percanggahan dengan konsep *homestay* yang dipelopori oleh kementerian tersebut dan juga tidak dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, atas sebab tiada ruang di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Konsep *homestay* yang wujud sekarang sudah terpesong dari konsep asal. Jadi dalam kenyataan media Saudara Ng Wei Aik telah menyatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada usaha-usaha pemutihan yang bertujuan untuk memberi masa kepada pengusaha-pengusaha hotel tanpa lesen untuk mendapatkan lesen dengan memberikan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Ahli Kawasan Tanjong Bunga. Sebelum beralih kepada usul lain berkaitan dengan *homestay*. Saya amat tidak bersetuju jika sekiranya *homestay* itu diwujudkan di kawasan pekan. Kerana *homestay* asal konsep sendiri di mana tuan rumah tinggal pelancong dan mereka harus ada sekumpulan rumah-rumah untuk beroperasi sekali dan ada syarat-syaratnya dan untuk menjadikan *homestay* ini rumah-rumah di pekan satu rumah jadi *homestay* itu bukanlah tujuan pelancongan yang sebenarnya. Yang kedua, ada satu perkara yang merisaukan saya tentang perkembangan terbaru saya tak pasti tak salah dipanggil *air bed and breakfast* di mana *overseas* boleh *book* rumah-rumah melalui internet. *Air B and B* satu perkembangan yang cukup tidak sihat kerana satu kita tak tahu siapa yang datang duduk di situ mungkin pencuri, mungkin penyangak, mungkin orang baik, mungkin orang jahat. Saya rasa pihak MBPP dan MPSP negeri diberi mengambil serius tentang perkembangan ini saya takut nanti jika sekiranya tersilap langkah ini menjadi punca kepada anasir-anasir tak sihat berlaku dalam kawasan taman dan sebagainya.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih atas penjelasan dan pandangan YB. Pulau Betong memang kerisauan itu memang sudah berlaku di kawasan perumahan kediaman atau taman di kawasan saya juga dan juga tak lepas dari kawasan saya di kawasan Pulau Tikus mungkin Kebun Bunga dan lain-lain tempat di mana perumahan yang mewah atau kondominium yang kosong dijadikan *homestay* juga. Itu adalah tidak betul dan pada 6hb Ogos 2014 mengikut Surat Khabar *Star* melaporkan aduan kepada Pihak Berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas operator *homestay* yang tidak beretika dan diberi balasan dan bahawa operator-operator dalam aduan laporan tidak berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dan harap ini dipantau mengenai aduan tersebut oleh PBT dan menyuruh pihak PBT untuk mengambil tindakan ke atas operator haram yang menyalahgunakan konsep *homestay*. Seperti saya kata di KADUN saya, pusat menerima aduan penduduk mengenai operator haram *homestay*. Kebanyakan yang datang membuat aduan ialah jiran-jiran premis yang dijadikan *homestay* tidak berlesen. Masalah ini memang mengecewakan pengadu-pengadu apabila diberitahu pihak PBT tidak dapat mengambil apa-apa tindakan ke atas operator haram tersebut, kerana tiada undang-undang kawalan bagi *homestay* di kawasan perumahan, kerana premis tidak menunjukkan perumahan perniagaan dari luaran premis masih seperti rumah kediaman biasa.

Oleh sebab itu, saya tadi cadangkan Penasihat Undang-Undang mengemaskinikan Undang-Undang Kecil Negeri supaya penguatkuasaan boleh diambil ke atas aktiviti-aktiviti sebegini dan kebanyakan aduan-aduan adalah masalah mengenai etika penghuni-penghuni *homestay* tersebut memberi gangguan kepada jiran-jiran, tidak menghirau keselesaan orang lain. Isu ketidakselesaan luar rumah boleh mengganggu penduduk untuk menjalankan aktiviti di samping mempengaruhi kualiti hidup. Bayangkan kita sendiri kalau keselesaan diganggu setiap minggu padahal rumah kediaman yang kita beli dengan harga yang mahal dan tinggi dan dibayar dengan titik peluh kita tidak berfungsi mempengaruhi kualiti hidup seperti yang idamkan. Jadi ini satu isu saya harap PBT boleh buka fail dan atau adakan satu subseksyen dalam jawatankuasa tertentu supaya dengan segera siasat dan tindakan yang seterusnya diadakan.

Timbalan Dato' Speaker, satu isu lain saya ingin bangkitkan di sini adalah *aging*. Kesedaran kekurangan kemudahan dan aktiviti untuk golongan warga emas. Selamanya kepentingan diberi kepada keluarga, kanak-kanak, wanita dan belia tetapi sudahkah kalau kita mungkin lupa mengenai hal ehwal warga emas kita yang telah berbakti kepada masyarakat negara kita ini dari segi kemudahan dan aktiviti di Pulau Pinang kita mempunyai sebanyak beribu-ribu warga emas dan setiap tahun angka ini meningkat daripada mengurang. Di sini saya mahu menegaskan kumpulan warga emas kita telah tercicir dalam pembangunan negara kita dari perspektif kemudahan dan hal ehwal harian. Kemudahan yang tersedia di tempat awam adalah lebih tertumpu kepada golongan lain dan bukannya kepada warga emas kita *aging group* kita. Sebagai sebuah negeri yang sekarang membangun menuju ke arah pemodenan status dunia pertama, saya fikir janganlah kita lupa membangunkan kemudahan untuk keselesaan golongan *aging group* ... (dengan izin), kita buang ideologi atau ubah ideologi warga emas tidak lagi dapat menyumbang balik kepada masyarakat malah golongan muda boleh mempelajari dari pengalaman golongan *aging* dalam sihat terutamanya dalam sesi perkongsian pelbagai topik kehidupan. Jangan juga kita berfikir apabila sampai masuk ke umur golongan *aging* adalah tidak berguna lagi dan menunggu masa untuk balik bertemu Pencipta mereka.

Jadi Program-Program Pendidikan Menjaga Kesihatan Diri untuk golongan *aging group* seperti pemilihan makanan, cara-cara memasak, pemahaman ubat-ubat, teknik-teknik bersenam dan untuk menguatkan badan lain-lain. Saya juga sedar bahawa isu *aging group* ini mungkin ada program daripada Kerajaan Pusat dan mungkin aktiviti-aktiviti daripada program ini tidak diperluaskan kepada semua dan terutamanya saya harap Kerajaan Negeri boleh juga dalam aspek ini memberi lebih banyak tumpuan atau tingkatkan kemudahan kepada *aging group*. Pembukaan pusat jagaan harian *day care center* untuk *aging group* juga patut digalakkan dengan pembukaan pusat jagaan harian akan mengurangkan pengantungan kepada pekerja pembantu rumah warga asing juga menambah peluang pekerjaan kepada warga tempatan. Jadi di pusat jagaan ia akan memberi peluang bersosial dengan para *aging group* yang lain. Aktiviti sosial adalah bagus untuk pengekalan kesihatan minda golongan *aging group*. Jadi dengan pendek kata dari kelulusan dari segi undang-undang kepada pemaju rumah pangsa untuk menyedarkan kemudahan-kemudahan kepada golongan *aging group* seperti kawasan rekreasi, tempat untuk bersosial mobiliti di kawasan awam dalam *premises* dan lain-lain perlulah diwajibkan semasa permohonan diadakan. Oleh itu saya cadangkan pembentukan mungkin satu jawatankuasa kecil untuk mengkaji dengan lebih mendalam aspek-aspek pembangunan kualiti kehidupan meningkatkan kemudahan dan hal ehwal status golongan *aging group*.

Jadi Timbalan Dato' Speaker, dengan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, kita semua dinasihatkan sentiasa mempertahankan kepentingan rakyat dan negeri yang tercinta ini setiap masa. Kita juga diperingati bahawa dalam politik tidak mungkin wujud persetujuan secara 100%. Tak kira dalam parti sendiri Pakatan mana-mana Harapan atau Barisan Nasional sendiri dan dinasihati dan diakui bahawa sistem semak dan imbang itu diperlukan dan diutamakan. Bagi memastikan semua kepentingan rakyat diteliti atas saya ulangi landasan amanah, ketepikan isu peribadi daripada politik. Dan akhir kata atau pendek kata, asalkan kepentingan rakyat dibelakan, kebebasan ekspresi dihormati, keputusan undi diterimakan, emosi dan balas dendam politik dijauhi. Politik minda yang terbuka diamalkan, hidup rakyat, Timbalan Dato' Speaker dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Ahli Kawasan Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Sehati Sejiwa, Selamat Menyambut Hari Pekerja, Hari Ibu, Jururawat, Guru, Selamat Menyambut Hari Belia Negara, Selamat Menyambut Tahun Baru Tamil dan akhir sekali Selamat Menyambut Ulang Tahun UMNO.

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker, pertama sekali saya nak ucapkan tahniah kepada Barisan Nasional Sarawak yang telah berjaya dalam pilihan raya baru-baru ini.

Seterusnya Dato' Timbalan Speaker, berita yang saya nak sampaikan berita yang terlalu baru dan masih hangat, iaitu orang kampung saya daripada Datok Keramat dengan Jalan Baru Sungai Aceh dia nak ucap terima kasih kepada sahabat saya YB. Batu Maung pasal lulus yang tahun sudah saya sebut lulus saya cerita dia ucap terima kasih tanda tidak sampai. Saya doakan kelulusan ini akan dibuktikan. Cuma orang kampung saya tanya Dato' hantar tak surat ini dekat Ahli Kawasan Batu Maung? Saya beritahu hantar, tapi saya tanya tadi Batu Maung tidak jawab. Terima kasih banyak-banyak tapi, pasal apa Dato' Timbalan Speaker, surat tidak jawab? Pentadbiran yang macam mana ini.....(gangguan). Bukan.

Soalan pertama, surat kita hantar kena jawab. Yang ini depa tanya saya. Yang itu sahaja nak habaq orang kampung saya tidak seronok. Pasal seolah-olah surat orang kampung ini, EXCO Agama tidak ambil berat. Lepas itu dia tengok pula kerana Wakil Rakyat Kawasan endorse mungkin tidak sehaluan dengan dia, dulu sehaluan. Sekarang tidak sehaluan, dia tidak jawab. (gangguan) Tapi, jawab. Jawab itu. Tidak usah tunjuk gambar. (gangguan) Tidak, saya tanya jawab. Okey, maknanya bukan lagi CAT yang sebenar. Terima kasih.

Kemudiannya, banyak rakan-rakan bincang dan sebut soal Pelan Induk Pengangkutan (PIP). Jadi katanya Kerajaan Negeri tidak ada duit, katanya. Kemudian, perlu nak ganti berapa Pulau, tiga (3) pulau jadi sebagai satu bayaran ganti untuk gunakan peruntukan itu untuk buat Pelan Induk Pengangkutan. Secara jenaka Dato' Timbalan Speaker, petang-petang ini kena jenaka sikit. Pulau Pinang ini, masih bayar ufti kepada Kedah. Masih kah? Dato' Timbalan Speaker, masih kah? Dato' Timbalan Speaker, saya tanya ini takut silap. Masih. Masih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak jelaskan, jangan bagi silap. Saya nak jelaskan bahawanya sememangnya Kerajaan Pulau Pinang tidak membayar kepada Kedah. Yang membayar kepada Kedah adalah Kerajaan Pusat. Membayar kepada Kedah RM10,000 bagi Pulau Pinang, RM6,000 untuk Pulau Pinang, RM4,000 untuk Seberang Perai. Kerajaan Negeri tidak pernah membayar kepada Kerajaan Kedah, tetapi Kerajaan Pusat yang membayar kepada Kerajaan Negeri Kedah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya tidak tahu pun. Terima kasih Kerajaan Pusat. Kalau betul ini, terima kasihlah. Jadi, saya cuba hendak bawa begini. Sebab apa, sila Pulau Betong tolong jawab untuk saya. Okey, saya cuba nak bawa cara jenaka tidak apalah belah petang ini kita jenaka. Jadi, makna seolah-olah menggambarkan Kerajaan Negeri kita ini sewa negeri ini, dekat pajak dekat Kedah. Jadi sepatutnya kalau kita sewa rumah, kita nak ubahsuai selain nak minta kebenaran Perancang, kita kena minta dekat tuan rumah. Izin dia dalam perjanjian. Saya tidak tahu lah. Dari segi itu, tidak minta. Sebab rupa paras Pulau Pinang dah berubah jauh, hilang rupa asal.

Kalaulah Dato' Timbalan Speaker, kalau sejarah hendak mengakui kata *Francis Light* yang mula datang ke sini, saya ingat arwah *Francis Light* pun akan sedih dalam kubur kerana rupa paras asal telah diubah bentuk. Kesian. Ada lagi ka? Tengah dok rancak.... (gangguan). Jadi, okey kerana duit tidak ada terpaksa wujud pulau sebagai ganti. Dan pulau itu katanya bukan setakat nak buat taman, nak buat rumah kosong, kawasan perniagaan semua. Tapi, boleh tak Dato' Timbalan Speaker carilah tanah di lain. Contohnya, saya tidak tahu la ada ka tidak. Batu Kawan itu ada, janganlah kata pelabur tidak suka Batu Kawan. Tidak. Pelabur kira nak datang sahaja, macam-macam bangun di situ. Jambatan Kedua sudah ada. Jadi, apa salahnya kita cari tanah lain jangan diusik yang ini. Yang laut tadi, bukan takat rupa paras berubah nelayan kita pun masalah. Kesian dekat adik-beradik Penanti yang sebut semalam. Tinggal dia tidak teriak sahaja tadi, tapi dia teriak dalam hati dia. Jadi, carilah tanah lain kalau tidak boleh. Kemudian, (gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Mungkin ini sejarah sikitla untuk saya tak tahun sama ada, pegawai tahu atau pun tidak. Sebenarnya apabila pihak *British* hendak memberi kemerdekaan kepada Malaysia, *Queen Elizabeth* telah mensyaratkan bahawa Pulau Pinang dan Melaka mesti diambil sekali dan dimerdekakan sekali dengan negeri-negeri lain. Masa itu Pulau Pinang dan Melaka adalah negeri selat, jadi syarat dia itu hendak merdeka dan mesti disekalikan dan Malaysia merdeka mesti mengambil Melaka dan Pulau Pinang merdeka sekali, itu syarat dia. Sebab itulah daripada pada hari itu, Kerajaan Pusat membayar duit kepada Kedah sebanyak RM10,000.00 setahun. Itu sejarah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Pulau Betong. Saya ingat pakar dalam(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak tanya YB. Pulau Betong, kalaulah tidak bayar tiga (3) bulan default tak? Kerajaan Pusat terlupa nak bayar tiga (3) bulan, Kedah boleh ambil balik tak?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang itu saya kurang pastilah YB. Telok Bahang....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Okey, yang panjang lebar kami akan di bincang dalam usul nanti. Seterusnya Dato' Timbalan Speaker, marilah sama-sama kita mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Kerajaan Pusat. Yang pertama tadi, menyelesaikan ROP tadi yang kita tidak pernah dengar. Yang keduanya, dari isu pengangkutan ini Kerajaan Pusat beri kita RAPID. RAPID Kerajaan Pusat ya Pulau Betong? Bagi kepada kita bas, walaupun bas kadang-kadang kawasan saya bukan orang tempatan naik tapi orang luar. Tapi sekurangnya kita tahu ada bas, ada bas. Tujuannya, untuk membantu menyelesaikan sedikit sebanyak masalah pengangkutan. Penanti ada sebut, kalau ada *feeder* makna maksud yang bas-bas picit-picit masuk. Betul. Tapi kena cantiklah bas-bas itu pun. Masuk Chenaam ka, Sungai Tuntung ka mudah. Kalau bas besar sangat masuk tidak boleh. Setuju.

Jadi bila Kerajaan Pusat dah berbudi dekat kita, kita kena berbahasalah Dato' Timbalan Speaker. Kita dok sembang tentang PIP, Pelan Induk Pengangkutan, yang jangka masa 20 tahun lagi baru lah siap, yang dekat ini apa kita bantu Kerajaan Pusat RAPID ini. Nak ambil contoh Dato' Timbalan Speaker, bas ada tapi di Nibong Tebal Dato' Timbalan Speaker. Di Nibong Tebal, bas stesen tiada. Saya sudah timbul benda ini banyak kali, saya tidak tahu tanggungjawab siapa yang patut menyediakan kemudahan ini. Tapi dalam taklimat bersama RAPID, saya pernah bertanya. RAPID kata, lazimnya Kerajaan Negerilah kena sedia. Jadi, mintalah Kerajaan Negeri sedia. Sebab saya ingat masa saya pernah jadi Ahli Majlis dulu, dalam *Master Plan* kita ada siap satu taman pakej dia dengan bas stesen. Tidak salah saya di *Victoria Youth Park*, kalau itu dihidup balik okeylah.

Sesuai Dato' Timbalan Speaker, ...(kurang jelas) SUK pernah jadi DO itu maknanya lepas ini pun Bagan Jermal nak buat jalan ini. Tanjung Berembang, siap tak lagi?(kurang jelas) nak siap dah kan? Pengambilan belum buat lagi, *Section 4* tak lagi kan? Tidak apalah. Tapi nak cerita, perancangan Kerajaan Negeri nak buat jambatan di situ akan lalu Jalan *Victoria*. Betul Bagan Jermal? Betul kan? Itu,

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Timbalan Speaker, Sungai Aceh minta penjelasan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Oh, boleh. Boleh. Jawi ye. Terlupa dekat Jawi. Sila.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Timbalan Speaker, mengenai stesen bas ataupun terminal bas di Nibong Tebal ini dalam sidang Dewan tahun lepas bulan November saya telah bangkitkan isu ini di mana pada tahun 2013 semasa Pilihanraya Umum Ke13. Kalau tidak silap Pengerusi UMNO, Zainol Abidin yang pernah pergi sana bersama-sama dengan calon-calon umumkan bahawa terminal bas ini akan dibina di Jalan Atas, di mana satu tapak depan Maybank sana Jalan Atas Nibong Tebal. Dan tahun lepas saya bangkitkan isu ini di mana selepas tiga (3) tahun, tahun ini kita masih tidak dapat lihat. Dalam ucapan tahun ini, 10hb Mei tahun 2016, saya juga ada bangkitkan sekali supaya siapa yang telah mengatakan bahawa akan mendirikan terminal bas ini pada pilihan raya yang lepas dan kita tidak mahu perkara ini dijadikan masalah kerana Kerajaan Persekutuan kalau betul-betul berminat ataupun berniat nak bina dan patutlah bina. Dan soalan yang saya nak bangkitkan di sini mungkin Sungai Aceh kurang pasti, tapi tahun lepas saya bertanya dalam Dewan ini, saya pun ada tulis surat dalam syarikat RAPID. Syarikat RAPID menjelaskan bahawa tanah ini memang di bawah JKP. Dan Syarikat RAPID bukan tuan tanah, so mereka tidak boleh bina, Syarikat Prasarana. Mereka tidak boleh bina untuk terminal bas ini. Saya minta tapak yang memang cantik di Jalan Atas depan Maybank Nibong Tebal ini ada cadangan untuk membina terminal bas. Saya harapkanlah sesiapa yang mengeluarkan tunai janji nak bina ini, semasa Pilihanraya yang Ketiga Belas pada tahun 2013 tunaikan janji. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Jawi. Sebagai pengetahuan Ahli Mesyuarat, sekarang ini RAPID tumpang tanah JKP. Terima kasih Pulau Betong, selaku Ahli Lembaga JKP kerana beri kebenaran. Dan terima kasih atas prihatin sahabat saya Jawi ini. Jadi tidak apalah, di mana pun tidak apa. Tapi, tidak perlu ungkitlah atas Dato' Zainal sebut di mana dia yang kalah, yang menang buat kerjalah. Jadi, jangan yang kalah nak

suruh buat kerja. Jadi sekarang kita yang menang, Sungai Acheh menang, Jawi menang. Mari kita buat kerja, pastikan bas stesen ada. Boleh Jawi? Terima kasih. Jadi, untuk itu saya nak mencadangkan kalau Jawi setuju, kalau kita panggil PIP, Pelan Induk Pengangkutan, kita wujud satu pelan supaya bas stesen ini buat segera, jangan fikir bertahun. Jadi saya panggil dia PSP, Pelan Segerakan Pengangkutan. (PSP) Pelan Segera Pengangkutan. Mudah-mudahan sidang depan bas stesen dah ada. Dato' Timbalan Speaker, berikutnya ramai rakan-rakan menyebut soal Rancangan Struktur Plan (RSN) Negeri Struktur. Lama dah kan, lama dah. Sampai peringkat mana pun tidak tahu. Kemudian Rancangan Pelan Tempatan (RPT) ka RPD Malik? (RPT) juga belum dibuat sebagai mana Telok Ayer Tawar sebut tadi, bila berlaku perancangan-perancangan pembangunan di kawasan susah semuanya hendak kena melalui SPC dan kawalan tak dapat dikawal dengan baik sebab itulah kadang-kadang tanah sawah juga dibangunkan dengan pembangunan alasannya dapat kebenaran *rezoning* lingkungan semula? Kerana apa dibenarkan lingkungan semula kerana tekanan pembangunan. Ayat tekanan pembangunan ini siapa pun boleh buat jadi akhirnya perancangan kita tidak tersusun dengan rapi. Jadi minta lah segerakan wujud rancangan Pelan Tempatan ini bagi memudahkan kita nak membangun kawasan kita mengikut senarai yang teratur dan tersusun. Cuma difahamkan Dato' Timbalan Speaker katanya tak mahu ada rancangan di peringkat daerah nak disatukan atas Seberang saya rasa tak berapa cantiklah eloklah kembali kepada asal mengikut daerah-daerah. Dato' Speaker, dalam mesyuarat Sidang DUN yang lepas saya ada timbul tak silap saya tang mana....(gangguan) okey, saya ada sebut disini minta di bawah Bajet P01 Objek 01 Pejabat Ketua Menteri pengambilan tanah yang dalam bajet tulis token hari itu tak ada tulis, tujuan pengambilan tanah yang saya nak cadangkan ini ialah kawasan Kampung Sembilan, Kampung Simpang Sembilan.

Dato' Speaker sebelum saya nak tunjuk gambar ini saya nak ambil kesempatan dan juga nak ucap terima kasih banyak-banyak kepada JPS Negeri dan Daerah JPS yang telah bantu saya banyak dan jangan bila saya cakap ini seolah saya tidak suka dia tolong saya, jadi untuk pengetahuan Ahli Mesyuarat inilah kawasan yang saya nak ambil itu gambar lama ini gambar baru Simpang Sembilan dekat *traffic light* banjir ini JPS tolong hari itu dia tolong buat longkang tepi rumah dia buat pintu air boleh hidup tapi dia keadaan dia.

Pengambilan cuma takat parit ini sahaja, banyak rapat dengan rumah hari itu rumah pecah lepas itu mereka buat longkang kecil ini untuk mudah dan air masuk dalam rumah. Yang itu warga emas tak larat dah tapi tak apa JPS dah bantu Dato' Timbalan Speaker, saya ucap terima kasih dah bantu dan p tengok dan sebagainya, pengambilan ini perlu supaya dapat kita buat cara eloklah parit ini. Okey kena juga di bawah projek RTB (Rancangan Tebatan Banjir) mereka tidak terlibat parit Kampung Sembilan ini, sepatutnya dia kena buat tembok,...(gangguan) boh simen di atas lepas itu buat *gabion* batu sangkar dengan ketinggian tertentu yang sekitar Sungai Kerian memang dok buat dah. Mungkin 2200 esok ni air akan naik takat itu maka kena buat tembok dekat itu tapi yang ini tak buat. Cuma di muara Sungai ini dia buat pintu air sedangkan sebelah itu nama parit Mak Mandin dibuat dekat Sekolah Agama Simpang Tiga. Dia buat ada *gabionnya* semua ada lengkap sedangkan di sini tidak jadi nak mintaklah portfolio tertentu tolong bantu untuk dapatkan peruntukan bagi mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Kemudian berikutnya saya cakap pasal agama sikit, Batu Maung tak ada. Dato' Speaker pun tau kot ingat tak yang ini "Wacana Ekstrimisme Agama di Malaysia Satu Pendedahan Ancaman IS" yang depa jemput ini Yang Berbahagia Al-Fathil Ustaz Haji Bakri Usman dia ni dulu kuat PAS tapi zaman kita dah cuma dok tunggu Dato' Saleh Man aja nak mai. Kemudian Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay dia Ketua Penolong Pengarah Bahagian *Counter Terrorism* Cawangan Bukit Aman, kemudian Ustaz Dr Zamihan Haji Mat Zain Al Ghari dah panggil orang dah ini Dato' Timbalan Speaker pada 22 April 8.00 malam Masjid Lama Sungai Bakap. Ini Polis dia seorang Polis, bab keselamatan dia mai okeylah kan tapi malangnya Dato' Timbalan Speaker surat daripada Majlis Agama Islam Pulau Pinang bertarikh 22 April juga minta diberhentikan. Saya baca Pengerusi Kariah Masjid Lama Sungai Bakap, "Arahan Pembatalan Program Wacana, dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan mengenai perkara berkaitan, dimaklumkan bahawa Yang di-Pertua Jabatan Agama Islam makna Dato' Salleh Man lah takkan baik dengan saya dia buat lagu tu, mengarahkan agar Program tersebut yang akan diadakan di Masjid tuan pada 22 April jam 8.00 malam dibatalkan bagi mengelak berlakunya perpecahan dan kekeliruan dalam masyarakat". Yang *sign* Haji Yusoff Bin Abu Bakar, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah bagi pihak Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. 22 April yang ini nak buat berapa haribulan, nak buat 22 April surat 22 April bayangkanlah nampak macam terlalu cemas sangat jadi tak payah lah bab-bab agama ini sampai peringkat. Saya tak tau buat andaian kot mungkin ada penceramah ini tak sebulu dengan saya kah? Kot mungkin ini saya buat andaian yang menyebabkan timbul perasaan ini walhal nak buat ini apa yang salah. Kalaulah kata teknikalnya tak kena tak minta ka apa bagi borang isilah ini bab agama. Batu Maung tak apa dua-dua sama dua-dua nak jaga....(gangguan) sama tak payah jawablah nak gulung nanti. Jadi saya tak tahu lah saya tak ada apa lah kan baru ini buat di Pejabat Kebajikan, Masjid Batu Kawan dan buat ini 22 nak buat 22. Dato' Timbalan Speaker, 22 keluar surat punya teruknya sangat-sangat tak tau lah. Jadi itulah depa suruh habaq di sini lah tak apa YB. Batu Maung bagi ulasan kemudian nanti saya rakam. Terima kasih. Kemudian ...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Sungai Acheh. Dato' Timbalan Speaker saya pun nak tanya soalan sebab ini nampak pembatalan atas arahan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam. Saya tak tau sama ada Yang di-Pertua boleh atas dia sendiri mengarahkan untuk dibatalkan semua ini ataupun adakah satu jawatankuasa ditubuhkan untuk memantau, meneliti, menapis program-program keagamaan ini dan bagi Majlis Agama Islam adakah satu garis panduan untuk menentukan sama ada program-program ini sesuai tak sesuai, tokoh-tokoh tertentu itu sesuai tak sesuai dan sebagainya ataupun hak kuasa ini terletak pada seorang sahaja. Jadi ini arahan seorang ini surat itu jelas bahawa ini atas arahan seorang sahaja dan seorang itu berkuasa untuk menentukan sama ada Majlis ini boleh dijalankan atau tidak boleh jalan. Jadi ini saya rasa perlu penjelasan daripada Kerajaan Negeri supaya tidak kata ada demokrasi ini membendung perbincangan ilmiah dan sebagainya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Telok Ayer Tawar dan Sungai Acheh, maaf. Saya pernah minta kepastian dalam Dewan ini dalam hal menurunkan arahan adakah Pihak Agama Islam pihak Jabatan Agama kepada Kariah, saya rasa dia perlu datang daripada Pejabat Agama Islam bukan daripada Majlis Agama Islam dalam hal pentadbiran Kariah mungkin nanti Batu Maung boleh mengulung sebab yang ini penting untuk pengetahuan ianya akan membawa kepada perkara-perkara yang selain daripada ini terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Berikutnya Timbalan Speaker, berkaitan dengan premis satu bangunan dan Dewan inilah jadi saya baca sikit jawapan kepada soalan saya premis seperti dewan orang ramai yang disediakan oleh pemaju akan diserahkan kepada MPSP dan kemudiannya diserahkan kepada JKKK atau Persatuan Penduduk Setempat untuk tujuan pengurusan dan penyeliaan. Manakala bagi Premis MPSP yang tidak menerima permohonan daripada penduduk setempat MPSP akan menguruskan penyeliaan bangunan tersebut. Manakala bagi bangunan surau pemaju juga akan menyerahkan surau kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang yang akan menyerahkan kepada penduduk setempat atau JKKK dan mereka bertanggungjawab dan menyelia dan menyelenggarakan surau-surau tersebut. Yang soalan saya ini saya tanya pasal bangunan-bangunan terutamanya yang berkait dengan surau dan juga dewan dia. Untuk pengetahuan Dato' Timbalan Speaker dan Dato' Timbalan Speaker pun tahu banyak surau-surau yang dibuat tak digunakan. Ada kawasan setengah taman, kawasan industri jadi sayang tengok surau itu yang kita bimbangkan surau itu disalah guna pakai menjadi tempat maksiat. Jadi saya pohonlah supaya pihak Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama apabila pemaju siap buat dia serah kat kita jangan kita biar begitu sahaja. Lebih-lebih lagi di kawasan industri memang disebut garis panduan rancangan tempat ibadat nak buat tapi lebih elok saya nak mencadangkan surau-surau ini diserahkan kepada Kariah yang berkenaan, kalau duduk di bawah Kariah Masjid Sungai Bakap kita serah kat dia kita pertanggungjawab dekat jangan kita nak serah kepada pekerja-pekerja kilang di situ kerana depa pergi kerja balik dan tanggungjawab ini penting dari lama dah kita kena ambil berat.

Kemudian yang kedua kita nak pastikan pula tanah-tanah yang pemaju serah ini hendaklah hendaklah diserahkan kepada Majlis Agama Islam. Saya tak tau kot ada perubahan. Dulu saya ingat masa saya di kaunselor MPSP dulu, Ahli Majlis bila depa nak bata rumah sekian-sekian mereka kena sedia tapak atau surau kalau yang hat surau kena serah ke Majlis Agama Islam dia tak boleh serah tang lain. Tanah lapang kepada MPSP contohnya tapi saya harap benda ini akan ada keputusan sebab saya dengar orang kampung kata tak serah nak serah kepada lain tak cantik sebab yang lebih berhak dan bertanggungjawab adalah Majlis Agama Islam. Kemudian Batu Maung gelak kenapa apa?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saja nak cerita panjang.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tak aih, dia marah saya tak apa kemudian tak apa satgi gulung lah Dato' Timbalan Speaker bila sebut soal dewan ini mungkin, kawan-kawan dok sebut lama, janganlah pula kata tak ada langsung modal, modal itulah nak bawa sebab saya kata dekat kawan saya Wakil Rakyat Kampung dia kena bawa cara kampung pasal itu saya setuju dengan Penanti sebab dia bawa pasal kampung dia, kalau nak cakap pasal dunia lain buat apa? Dia pengundi dalam kampung dia undi dia buat kerja kena jaga kampung dia. Jangan dok cerita kemudian bila sebut pasal bangunan banyak dewan-dewan ini sebenarnya yang diserahkan kepada JKKK tidak dijaga dengan baik *confirm*. Cuma saya tak bawa gambar tapi tak apa saya bawa satu gambar sahaja tak apa tapi saya bawa satu gambar yang pemaju dah siap

iaitu di Taman Ilmu, dia tulis Tadika Taman Ilmu tak bagi lagi kepada penduduk untuk hendak buat. La sekarang ni mereka hantar anak-anak mereka belajar di Taman Pekaka yang menariknya YB. Dato' Timbalan Speaker, tu rosak tu, banyak rosak YB. Farid kesian, habis duit kerajaan hat lain mereka pandai jimat, mesyuarat minum air sejuk, ni rosak. Saya dapat maklumat JKP dah *surrender* kepada MPSP dan saya dah minta tolong kawan saya minta jabatan perpaduan jangan ribut kerana federal punya pula untuk hendak buat alasannya katanya hendak kena bagi dekat JKKK juga tak apalah bagilah dekat siapapun JKKK bagilah perpaduan guna jadi kita jagalah tolong ambil beratlah Dewan Taman Ilmu, minta catitlah....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta laluan Ahli Kawasan Sungai Acheh, terima kasih. YB. Dato' Speaker saya berterima kasih pada YB. Sungai Acheh yang membangkitkan cerita dewan, saya rasa cerita dewan ini Dato' Timbalan Speaker kita dah bercakap sejak 2008 sampai sekarang tidak selesai. Saya ingin membangkitkan isu dewan di Taman Guar Perahu saya tolong cakap bagi pihak Penanti lah ni sebab dia tidak ada di sini. Dewan taman ini adalah macam TADIKA, Sungai Acheh sebut tadi adalah dibuat disyaratkan oleh pemaju untuk kegunaan penduduk dalam taman itu, disyaratkan oleh Majlis Perbandaran ke atas pemaju untuk kegunaan penduduk taman itu. jadi Dewan Taman Guar Perahu Indah ini dah pun digunakan oleh persatuan penduduk di situ dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan termasuklah kelas agama dan macam-macam, tahu-tahu MPSP tarik dewan itu sebab dewan itu nak diserahkan ke MPSP. Persatuan penduduk guna dan urus bayar api dan air dan sebagainya untuk diserahkan kepada JKKN, patut dibuat begitu? Walhal persatuan penduduk di situ dah mengurus dan mentadbir dan mengguna dewan itu dengan baik. Kalau tadi dewan di ambil tidak buat apa dibiar usang, rosak dan menidakkan kemudahan kepada penduduk itu memang buat aniyalah kepada penduduk. Jadi saya ingin merayu bagi pihak penduduk Taman Guar Perahu Indah kepada MPSP bagi balik kepada persatuan penduduk untuk diurus dan dimanfaatkan kepada penduduk setempat dan janganlah menidakan peluang itu dan kemudahan itu yang dibina khas untuk mereka , terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker. Bila sebut soal surau apa tadi teringat di sidang sudah Dato' Speaker saya cuba bagi pandangan berkait dengan tanah wakaf ni tadi Pulau Betong ada sebut. Ada surau-suru dan mungkin juga masjid yang depa buat atas tanah dulu ni cara orang tua-tua YB. Batu Maung "aku wakafah untuk buat surau". Saya yakin masih ada surau -surau yang duduk di atas tanah yang belum diwakafkan saya mencadangkan hari itu pihak yang berkenaan kita segerakan daftarkan tanah-tanah ini. Saya hendak ambil contoh ini berlaku di Sungai Setar Kecil YB. Dato' Speaker, perasan tak belah kiri itu dekat rumah Paksu Manaf penyokong kuat Dato' Timbalan Speaker ada surau lama itu tanah wakaf tapi tidak diselesaikan sebab itu wujud yang baharu jadi sekarang masalah dia surau itu dijadikan tempat lepak penagih-penagih sebab itu baru ini kita buat gotong royong bersama AADK. Jadi itu yang saya lihat dan saya yakin ada lagi jadi saya rasa eloklah segerakan Batu Maung, Wahai Batu Maung segerakan. Ini penting tak akan tiap-tiap tahun saya hendak bercakap benda tu kot benda sikit. terima kasih.

Berikutnya saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Datok Keramat dia pun bantu saya banyak saya dapat rumah untuk tebatan banjir, betul Dato'? Terima kasih. Yang betul kita kena katalah dan cuma di sini ialah bila saya tanya okey saya nak bacalah jawapan kepada soalan saya. Kerajaan Negeri Pulau Pinang konsisten untuk memastikan kebajikan kesenangan rakyat dia cerita beginilah, ceritanya Kerajaan Negeri dia kata dia dah buat rumah kos rendah dia ada *type A*, *Type B* apa semua tu kalau ikutkan Taman Serina, Halaman Kenanga, Taman Chempedak. Taman Chempedak ni 435 unit yang ini Seberang Perai Utara kawasan Dato' dan kemarin semasa ucapan usul terima kasih T.Y.T. oleh YB. Permatang Berangan juga menyentuh dan juga menyebut ini adalah projek Kerajaan Negeri yang dahulu bukanlah yang sekarang dan saya pun lihat kemarin YB. Datok Keramat pun mengganggu, dia setuju dia kata sebenarnya dasar Kerajaan Negeri. Terima kasih Kerajaan Barisan Nasional dahulu yang telah buat dasar ini siapa yang hendak buat rumah sekian-sekian unit saya ingat 150 unit ke atas kena sediakan 30% rumah kos rendah dari dahulu dan diikuti oleh Kerajaan Negeri sekarang jadi terima kasih banyak-banyak. Apa salah kalau benda yang baik kalau kita ikut. Jadi terima kasih Datok Keramat makna jelaslah bahawa Kerajaan Negeri sekarang belum buat rumah kos rendah. Untuk itu YB. Timbalan Dato' Speaker saya hendak mencadangkan kejap lagi buatlah diatas tanah-tanah Kerajaan Negeri yang dok ada. Saya ambil contoh ini dia semak dekat JK tanah kosong sebelah JKP punya rumah di Jalan Bukit Panchor, saya bagi pihak Jawi, Jawi tidak ada di sini. Jalan Bukit Pancur nanti YB. Timbalan Speaker bertanya pula mengapa nak bercakap tentang bukan tempat hang. Saya UMNO cawangan situ mereka terima usul. Lepas itu ada kuarters-kuarters JKR semak sikitlah yang kata ada cuci itu tanah luas dekat Perumahan Taman Helang Jaya, Kampung Chek Minah memang sesuai sangat. Tanah Kerajaan Negeri duk ada Kerajaan Negeri buatlah buat ataupun *upgrade* jadi rumah kos rendah pun tak apa. Ini penagih dadah duk tunggu di Jalan Bukit Panchor. Ini kuarters tidak duduk dah

buatlah itu sayang, sebelah itu ada saya ingat mereka tidak bagi tahu ni dekat dewan. Dekat itu dia selang jalan cuma di kawasan sana itu saya nak minta janganlah buat rumah flat kami orang kampung Nibong Tebal dia kurang sikit sebab itulah penyertaannya kurang kalau buat rumah yang rendah ini *landed* lepassi tu paling koman pun buat rumah bandar yang *town house* yang atas orang lain bawah orang lain. Pasal tu kalau *town house* di sana memang penuh seri putera lah macam-macam cuma di kawasn Dato' tidak pernah lagi Sungai Bakap tapi ada permintaan. Kalau flat dia susah sikit sebab kita bukan masih berada di bandar minta tolong tolong YB. Datok Keramat, kalau boleh kita buatlah diatas tanah-tanah Kerajaan Negeri saya yakin disitu ada lagi tu ladang kaladonia saya duk ingat lagi ada tanah Kerajaan Negeri yang boleh di *develope* kan tolong yang ini. Okeylah kalau buat.

Okey yang berikutnya Dato' Speaker, sebanyak 12 premis hiburan telah di luluskan lesen premis dan lesen hiburan di KADUN Sungai Acheh 12 punya duk ada. Jadi yang menariknya Dato' Timbalan Taman Pekaka bukan berapa buah rumah ada situ Taman Pekaka cuma dia dibantu kena dekat dengan USM kerana ada *student* di situ. Duk ada lapan (8) lesen hiburan lapan (8) tempat hiburan main nilah tang mana saya tidak tahu, lapan (8). Taman Fajar tidak besar mana lima (5), Taman Suria kembar Taman Fajar tiga (3) jadi lapan (8), Sungai Udang patut Sungai Udang dua (2) banyak lagi tapi dua (2) sahaja kemudian Taman Keramat satu (1), Taman Keramat, Suria Fajar berkembar jadi sembilan (9) nampak macam permintaan terlalu banyak jadi eloklah. Dato Timbalan Speaker yang Dato' suruh sebut tu ke ...(gangguan), jadi mintaklah sebab ada banyak aduan dari kalangan ibu bapa sampai ada berkelahi pun ada macam-macam kesian dekat pelajar-pelajar jadi kalau boleh buat satu peraturan mengatakan hal *limit* mengatakan taman ini satu cukup sudah la ikut keperluan lah. Ini janganlah minta siapa minta ialah sapa minta kerana sebab nak kutip hasil. Saya ingat tak cantik. Duit banyak tapi rakyat jadi serabut yang mana nak utama. Kita ada duit rakyat sejahtera yang kerajaan dapat duit rakyat tidak sejahtera. Merana la bukan? Sebab tu Penanti tidak ada kutip hasil setengah seratus berapa juta buat jalan dia jalan tar pun tidak boleh buat lagi. Tu yang dia marah itu, jadi maknanya tolong lah ambil perhatian sebab ini pun masalah. Bila kita buat aduan macam-macam agensi ni banyak. Bila sebut agensi A dia kata B kata C kata D *last-last* CC semua. Jadi nak mintak tolong selesaikan buat satu dasar untuk tolong supaya kita ikut peraturan dan akhirnya duit kita dapat kita bahagia dan bukan duit kita dapat kita meranakan rakyat.

Seterusnya Dato' Speaker, saya tanya soalan Dato' Speaker, "Bilakah Kerajaan Negeri hendak membina Dewan Undangan Negeri yang baharu? Dimanakah Dewan itu akan dibina?" Saya tanya pula "Apa pandangan Kerajaan Negeri sesuai atau tidak bangunan Dewan Undangan Negeri dibina di kawasan Batu Kawan? Jawapannya Dato' Timbalan Speaker terlalu *play safe*. Orang politik dia *play safe* macam ini lah, saya nak baca. Sr. tolong bantu saya, sebab Sr. pandai *figure-figure*, "Pembinaan Dewan Undangan Negeri baharu masih di peringkat kajian termasuk untuk mengenal pasti lokasi yang strategik dan sesuai atas keperluan dan kemudahan diperlukan pada masa kini dan pada masa hadapan. Di samping itu, keperluan sedang diteliti bagi memastikan Dewan Undangan Negeri yang baharu kelak lengkap dan dapat memenuhi keperluan semua pihak. Dalam usaha mengenali tapak lokasi bagi Dewan Undangan Negeri yang baharu juga, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan tapak yang paling sesuai terutama di kawasan Pulau". Jelas sahaja, kalau pergi mahkamah dia pi ikut macam tu lah... (gangguan). Jelas nak buat di Pulau. Dua tak teringat nak buat di Batu Kawan. Kesian kat Dato' Speaker kita, ADUN Dato' Speaker kita, sekurang-kurangnya nak mengenang jasanya nanti kita buatlah Dewan di situ. Di dalam buku ini semua bubuh semua gambar-gambar Speaker. Dalam ni gambar Speaker, lepas itu kalau bubuh gambar Speaker, dengan gambar bangunan baru di Batu Kawan, maka Timbalan Dato' Speaker pun seronok. Betul? Ini mereka dok belah ni juga pasal apa, sesak lagi. Kalau ikut Timbalan Dato' Speaker, kita pun ada jawatankuasa itu, sampai sekarang tak buat apa lagi. Kita cadang macam-macam sampai ke Pejabat Pentadbiran mereka tak buat apa pun. Lepas itu mereka jawab kat kita mereka lupa, yang kita masih bincang. Betul dak Dato' Timbalan Speaker? Hangguk. Seri Delima masuk komuniti kita kah? Itu yang jadi masalah, yang ini yang susah. Saya nak beritahu rakyat macam mana. Saya tahu hal ini, dalam jawatankuasa tak bincang. Apa pun depa tak buat. Laporan mai kut ni, tau-tau jawab macam ni.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, walaupun cara yang di bawa oleh Sungai Acheh ini agak berseloroh tetapi ini adalah perkara serius sebenarnya. Kita telah bermesyuarat dua (2) kali dalam Jawatankuasa Dewan. Dan telah pun memberi cadangan kita kepada pihak Kerajaan Negeri. Kita berharap kepada Air Putih dan semua barisan EXCO mempertimbangkan pandangan-pandangan yang telah pun kami kemukakan untuk Kerajaan Negeri dan saya ingat YB. Ahli EXCO semua pun faham dan lihat bagaimana sesaknya Dewan kita ini semasa kita bersidang dan sebagainya. So saya minta keseriusan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk melihat dan mempercepatkan cadangan kita untuk membina sebuah Dewan yang baru. Kalau kita boleh bercakap tentang penambahan laut, tentang projek yang besar-besaran, berbilion-bilion ringgit, saya rasa beberapa puluhan juta untuk membina Dewan Undangan yang baharu bukanlah masalah yang besar,

mengambil kira kedudukan kewangan negeri yang agak kukuh sekarang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sungai Acheh, saya nak menyokong Sungai Acheh boleh tak? Terima kasih. Saya pun telah dalam beberapa mesyuarat memaklumkan pada Ketua Menteri dan barisan EXCO, meminta supaya kemudahan-kemudahan di Dewan ini dan juga kalau boleh di Dewan yang baru yang akan dibina itu disediakan iaitu kalau boleh bilik-bilik tertentu bagi semua Yang Berhormat-Yang Berhormat, nombor satu (1). Nombor dua (2) kalau satu boleh tempat untuk kita *exercise*, *treadmill* kalau boleh kerana maklumlah bila sidang Dewan ini, saya tak tahulah Yang Berhormat tapi saya rasa makanan ini terlampau banyak kerana makan tengah hari lepas itu pukul 3:30 petang kita minum teh, lepas itu malam makan, pagi sarapan. So kena jaga juga kesihatan kitakan. Jadi saya menyokong penuh permintaan YB. Sungai Acheh kalau boleh perkara ini diberi perhatian dan kalau boleh dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh di mana kalau boleh jangan minta pergi ke Batu Kawan lah. Kalau Batu Kawan, Sungai Acheh senanglah. Tapi kita di Seri Delima kena menyeberang pula di sana. Kalau boleh di Pulau Pinang juga supaya tempat ini. Kalau boleh Dewan ini juga diubahsuai kerana tempat ini adalah tempat yang *iconic...* (dengan izin) yang memang mempunyai sejarah. Jadi kalau boleh cuma tempat ini diubah suai kerana banyak lagi keselesaan, kemudahan disediakan. Kalau boleh untuk bilik-bilik untuk kita rehat seketikalah. Saya risau, saya telah maklumkan kadangkala waktu rehat, makan tengah hari, kita dah makan banyak, dok lena. Sekarang dengan *smartphone* kalau orang ambil gambar, masuk *Facebook* kata wakil rakyat sedang tidur bila Dewan sedang berbahas pun susah juga. Jadi bila kita nak tidur dengan selesa, saya pun risau. Jadi saya menyokong penuhlah permintaan Sungai Acheh supaya perkara ini diberi perhatian dan satu Dewan yang baru dibina dengan seberapa segera yang boleh. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Sungai Acheh, saya terpanggil untuk turut serta berbincang tentang Dewan ini. Memang cadangan untuk membina Dewan baru ini bukan perkara baru. Sudah lama sebelum 2008 pun dah dibincangkan bahkan telah pun diperuntukkan sebuah tapak di *Bayan Bay*. Tapi sayangnya dah dijual, sudah dibuat duit. Isunya di sini saranan oleh Seri Delima memang pun dah kita bercakap dulu, kesesakan, kepadatan Dewan ini memang baik untuk kita tambah kemudahan di sini. Tetapi pokoknya bangunan ini adalah bangunan warisan dan memang payah untuk dibuat ubahsuai. Payah nak diubah dah, kalau sudah tidak boleh ditokok tambah, memang tiada kompaun halaman untuk ditambah, memang tak boleh nak ditambah kemudahan. Apa yang menjadi kerisauan sepatutnya pada kita semua bukan sahaja masalah isu di KOMTAR tadi kalau ada kebakaran, tiada *helipad*, dan kemudahan untuk kecemasan kurang, di sini pun memang tidak ada aspek keselamatan kerana kita tahu dari jalan raya itu berapa meter sahaja dah sampai ke Dewan ini. Cukup kurang dari aspek keselamatan. Jadi memang masanya dah sampai untuk ada perancangan. Saya setuju tadi kata boleh rancang macam-macam ini. Nak buat STP 1, STP 2 tetapi tidak ada satu (1) kesungguhan untuk menyediakan tapak. Dan juga mencarikan kewangan untuk membina Dewan Undangan Negeri yang baru. Saya tidak tahulah, saya ini memang tak sempat tengok dah. Tapi untuk masa depan Negeri Pulau Pinang, elok sangat kita membuat perancangan segera. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Timbalan Yang di-Pertua, berikutnya berkait dengan kariah. Saya ada buat beberapa pertanyaan mengenai Mesyuarat Agung Kariah, kalau ikut di sini disebut 189 kariah daripada 204 kariah, kesemuanya telah memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Kariah dalam Mesyuarat Agung masing-masing. Walau bagaimanapun, daripada 189 kariah tersebut terdapat enam (6) kariah yang melibatkan 18 ahli telah ditolak pemilihan mereka oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP) atas sebab-sebab berikut. Yang pertama, empat (4) ahli yang dipilih menarik diri dipilih daripada menjadi Ahli Jawatankuasa. Yang kedua, tujuh (7) ahli didapati tinggal di dua (2) kariah. Yang ketiga, tiga (3) ahli mempunyai rekod prestasi rekod yang tidak baik di dalam perkhidmatan pentadbiran masjid sebelum ini. Yang keempat, tiga (3) ahli tidak hadir semasa Mesyuarat Agung. Maksudnya dia tidak hadir tetapi dilantik Dato'. Kemudian satu (1) ahli pula ditamatkan pelantikan oleh MAIPP. Yang saya nak menarik perhatian Dato' Timbalan Yang di-Pertua, kebetulan pun kawasan Dato' Timbalan Yang di-Pertua pun, mesyuarat agung semula kan? Masjid lama? Dulu Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) kita menjadi penasihat masjid itu. Dulu okey, sekarang tak okey sikit. Mesyuarat lain baru-baru ini, mengenai kariah. Saya bukan nak mempengaruhi Batu Maung, saya pilih orang, tidak. Tapi saya nak bercerita sejarah, kronologi. Jadi daripada tujuh (7) ahli tinggal dua (2) kariah. Bila saya tanya kuasa mutlak pelantikan, MAIPP mempunyai kuasa mutlak untuk melantik dan mengugurkan Jawatankuasa Kariah. Untuk pengetahuan rakan-rakan, buat Mesyuarat Agung tak semestinya nama dipilih akan di *endorse*. Nama itu akan diserahkan kepada Pejabat Agama dan Pejabat Agama akan serah kepada MAIPP, MAIPP akan buat mesyuarat untuk menentukan. Bukan Yang di-Pertua MAIPP, tapi MAIPP. Siapa yang layak dan tidak

layak. Cuma soalan saya, Timbalan Yang di-Pertua, definisi kariah berapa lamakah kita mendiami dalam kawasan satu (1) kariah itu? Yang disebut kita anak kariah. Tiga (3) bulan, enam (6) bulan, setahun? Atau pun contohnya kalau saya ada dua (2) isteri, tiga (3) malam sana, tiga (3) malam sini saya nak pakai kariah mana? Yang disaksi, Batu Maung dulu, itu dia tahu. Sama-sama saya tolong dia, dia tolong saya...(gangguan). Saya bergurau sahaja Timbalan Yang di-Pertua. Satu (1) lagi ada juga contoh saya ambil YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad, dia ada dua (2) alam pasal isteri dia duduk Kuala Lumpur, kariah mana dia. Maksudnya dia patut sembahyang masjid Solat Jumaat masjid mana? Kena ada seorang lagi pula dia ahli perniagaan, rumah dia di B, dia berniaga di petak A. Nak pakai yang meniaga atau dia didiami? Kalau saya, tempat dia tinggallah. Jadi benarkah alasan ini tak boleh pakai? Kalau betul kata yang tinggal di luar kariah ini tak layak dilantik, teliti betul-betul, keluarkan mereka yang di luar kariah itu menjadi Jawatankuasa Kariah. Saya cabar, sebab saya ada bukti. Tapi bila tunjuk yang ini, saya pegang yang inilah. Yang ini kalau YB. Seri Delima boleh dipanggil *evident* sebagai ada bukti, maknanya kena buat betul-betullah. Kemudian satu lagi pula kalau Mesyuarat Agung melantik yang bukan anak kariah, tak boleh pakai tapi MAIPP boleh tidak melantik yang bukan anak kariah? Atau dia ada kuasa yang istimewa, kepentingan dia, kebijaksanaan dia perlu di kala itu dia dilantik. Tak apa nanti gulung, Yang Berhormat tolong jawab. Jadi bukan apa, takutlah juga Timbalan Yang di-Pertua, dalam Ahli Jawatankuasa (AJK) daripada dirombak, tak masuk Parti Amanah Rakyat (PAN) tak boleh jadi AJK. Takut nanti masuk jadi orang Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dia tak pegang PAN tak boleh jaga kariah. Sebab kalau ikut orang PAS ini cukup hebat dari segi agamanya, takut mereka tidak terpilih. AJK dah buat, dah cerita, PAS tak boleh. Semua PAS tak jadi Ahli Jawatankuasa, masuk PAN. Ada jawapan pada saya, jadi adakah yang ini nak ikut trend itu? Wahai YB. Batu Maung, jangan buat, kamu akan disoal di akhirat nanti. Ini kena beritahu betul, sebab saya akui Timbalan Yang di-Pertua, bukan kerana dah jadi Haji baik kah kami, tidak, tapi nak cerita orang PAS memang ada ilmu yang boleh tadbir kariah. Termasuk Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, cuma dia masuk Parti Keadilan Rakyat (PKR), dia sepatutnya masuk PAS. Pasal dia dengan saya, dia Tok Guru saya, belajar tak abis lagi, Penanti, okey?

Jadi, jangan macam itulah. Janganlah bab PAN, itu, ini, janganlah. Saya nak cadang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, yang *United Malays National Organisation* (UMNO) sudahlah. Jangan kerana kalau ada orang UMNO yang berkebolehan, jangan fikir kerana dia UMNO, saya tau sebelum ini pun yang kena buang pun dia guna alasan prestasi tidak memuaskan walhal dia Ketua UMNO Cawangan, nak buat macam mana. Macam doktor lah kan, jangan ingat apalah. Kalau doktor itu kata saya sakit, saya sakitlah. Sebab dia doktor, kalau dia akauntan kata *figure* itu betul, dia ada tauliah untuk sains, betul *figure* itu. Kalau dia arkitek, hang reban macam mana pun, arkitek itu sah okey, saya bincang ini dalam Dewan. Jangan terkeluar, ambil contoh. Sebab dia pakai makna contohnya kerana YB. Batu Maung yang kelola yang itu, maka dia sahkan saya tak elok, tak eloklah. Berlaku Timbalan Yang di-Pertua, kawasan saya kerana dia Timbalan Ketua Cawangan, dia pergi kariah, tak boleh pegang jawatan. Saya dah teringat tadi *marobbuka*, siapa Tuhan kamu? Jawablah kamu nanti. Okey, boleh.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya pun teringin juga nak cakap bab masjid ini. *Alhamdulillah*, bab masjid ini akan dibincang. Saya nak tanya sebab saya masih ingat lagi dalam sesi yang lepas dan sebelum itu Sungai Aceh ada juga membangkitkan isu pemilihan keputusan yang ditentukan Masjid Sungai Aceh kalau tak salah saya. Saya nak tahu apa keputusan pemilihan jawatankuasa yang baru Masjid Sungai Aceh ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Batu Maung jawab dulu. Saya pun tidak tahu pasal apa Masjid Sungai Aceh tak buat Mesyuarat Agung? Sepatutnya dia Pegawai Tadbir Agama lah yang kelola siapa? Dia yang kena buatlah, dia ada benda yang pegang sekarang ini, pengerusi dia itu Fauzi. Dia orang Parti Islam Se-Malaysia (PAS), anak saudara saya. Saya nak beritahu kepada YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim, yang setiausaha dia Zamri, PAS juga. Saya tidak tahulah mereka nak buat ini, takut bila hantar nama tidak terpilihkah. Ini saya buat andaian, jangan keluar kata saya kata, saya buat andaian. Jadi kalau begitu Timbalan Yang di-Pertua, oleh kerana YB. Batu Maung yang menjaga ini, arahlah Pegawai Tadbir Agama, suruh buat. Kalau tidak mahu buat, mari kita pakat Timbalan Yang di-Pertua,, ambil orang UMNO sikit, PKR sikit, PAS sikit kita *combine* tiga (3) ini, kita buatlah masjid ini. Tidak kisah masjid nak buat benda yang baik, politik jangan dalam masjid. Janganlah sekarang ini kalau ada orang bagi khutbah, hentam pula UMNO. Bila *report*, tidak apa. Kalau belah mereka, ini yang susah.

Kemudian, satu (1) lagi, ini YB. Chong Eng, sebab saya dapat belia-belia terlibat aktiviti-aktiviti Mat Rempit, dia jawab kepada saya, Kerajaan Negeri sentiasa berpandangan bahawa hubungan, bahasa indah macam inilah, kerana rakan-rakan Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) buat, bahasa cantiklah. Melaksanakan Dan Mengukuhkan Institusi Keluarga, termasuk Program Keluarga Berilmu,

Karnival Ibu Bapa, Program Anti Keganasan Terhadap Wanita dan Program Anti Buli. Cuma saya nak tanya, berapa kali dah buat program ini, di mana, bagaimanakah keberhasilannya? Ini penting, yang ditulis atas kertas hebat, tapi keberhasilannya tidak ada. Akhirnya habiskan sahaja duit kerajaan, rugi masa, rugi tenaga.

Dan akhir sekali, Timbalan Yang di-Pertua, soalan saya macam YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad juga tanya pelantikan dua (2) orang Ahli DAP dari negeri lain sebagai Ahli Lembaga Perbadanan Bukit Bendera, *Invest Penang, Golf Property Sdn. Bhd.*, adakah mereka ini mempunyai nilai berkemampuan yang lebih tinggi daripada ADUN Kebun Bunga dan ADUN Bukit Tengah, mengapakah tidak menggantikan dengan ADUN PKR yang lain? Jadi jawapannya adalah pelantikan ini adalah berdasarkan kelayakan, kepercayaan negeri terhadap individu. Maknanya bila sebut kepercayaan negeri terhadap individu, seolah-olah ADUN Kebun Bunga dan ADUN Bukit Tengah ini, mereka tak percaya sudah kawan-kawan. Mana ADUN Bukit Tengah? Tolong beritahu, saya bela. Sudah tiada kepercayaan, dan kepercayaan ini, dulu percaya, sekarang tidak percaya. Yang itulah saya nak kata, saya tahu kalau ADUN Seberang Jaya dia boleh bantu saya, sebab Seberang Jaya dia pandai boleh perhati niat, macam YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid cakap tadi, dia tahu YB. Dato' Hajah Jahara niat. Mana yang niat itu dalam hati, lafaz di luar. Pakar niat, dia bukan setakat pakar hendak hembus kat badan orang lemak, dia juga pakar tahu niat. Jadi saya hendak mintalah YB. Seberang Jaya teliti niat ini. Selepas itu cerita balik, saya nak tengok. Sekian, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguh dulu dan akan disambung semula pada malam ini jam 8:00 malam ini. Terima kasih.

Dewan ditangguh pada jam 6.30 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Sila, Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

YB. Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk melaksanakan ucapan perbahasan di atas Ucapan Perasmian Penggal Keempat, Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas oleh T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin berkongsi percakapan mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu iaitu Ketua Menteri Kedua Negeri Pulau Pinang, Bapa Pembangunan Negeri Pulau Pinang. Saya pernah bertanya kepada dia, apakah prinsip atau tanggungjawab sebuah kerajaan atau apakah tanggungjawab seorang pemimpin negeri atau seorang wakil rakyat untuk negeri itu. Dia kata kepada saya, sebagai seorang pemimpin di negeri ini atau sebagai seorang wakil rakyat yang bekerja di bawah negeri ini, sepatutnya membuat perancangan yang terbaik dan membawa kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat dan rakyatnya dengan maksimum dan projek-projek pembangunan atau program-program atau polisi-polisi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini semestinya dengan telus dan azam yang berpegang kepada prinsip yang bagus untuk rakyat dan negeri, tetapi dia juga menjawab kepada saya apa yang dibuat oleh kerajaan pada waktu itu ialah yang terbaik dan dipandang yang tersesuai untuk pembangunan negeri itu tetapi ini tidak bermakna ia akan betul pada tahun-tahun yang akan datang. selepas sepuluh tahun, dua puluh tahun, projek atau pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada masa dahulu, adakah membawa kebaikan dan *impact* yang besar untuk negeri. Ini adalah pesanan daripada Tun Dr. Lim Chong Eu. Saya memang bersetuju dengan nasihat T.Y.T. Yang di-Pertua dan berharap bahawa perkara yang dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini dapat disampaikan dengan intelektual dan bukannya secara emosi atau tanpa etika. Kita sebagai wakil rakyat mewakili kawasan masing-masing berhasrat untuk rakyat yang kita wakili dan saya harap dewan ini memberi kesempatan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk bersuara demi kepentingan rakyatnya dan saya harap semua pihak tidak kira kerajaan, *backbenchers* atau pembangkang, kalau boleh berkerjasamalah untuk kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang secara *above politic*. Ini yang selalu saya bangkitkan sewaktu saya menjadi Exco pada tahun 2008 sampai hari ini. Tetapi sayangnya saya tidak nampak ada apa-apa perbezaan di kalangan kita atau di kalangan wakil-

wakil daripada Barisan Nasional.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sejak tahun 2013 terdapat banyak projek-projek mega yang akan dilancar atau dijalankan secara besar-besaran di Negeri Pulau Pinang termasuk Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP), Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang, Projek Penambakan Laut di beberapa tempat seperti Persiaran Gurney, Bayan Bay serta Bayan Mutiara, Permatang Damar Laut dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan, bahawa dalam aspek ekonomi, pembangunan secara besar-besaran dapat merangsang pertumbuhan ekonomi dan mendatangkan keuntungan lumayan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Melihat kita dapat apa-apa peruntukan daripada Kerajaan Pusat negara kita, terpaksa Kerajaan Negeri berikhtiar macam mana menambahkan pendapatan mereka untuk mendapat keuntungan dan impak ekonomi untuk membesarkan atau memberi pembangunan kepada negeri dan rakyat. Tetapi, disebabkan di semua negeri di Malaysia ini memandangkan pembangunan infrastruktur itu, kepentingan negeri dan rakyat. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau Kerajaan Negeri lain pernah bertanya kepada rakyat, apa yang rakyat mahu kepada kerajaan. Adakah semua rakyat mahu pembangunan pesat, infrastruktur atau kesemua rakyat ingin mendapat pembelaan hidup yang lagi berkualiti dan seimbang dibandingkan pembangunan infrastruktur, pembangunan ekonomi atau hidup di bawah harmoni dan mentaliti yang sihat.

Pulau Pinang ialah satu pulau, kita tidak ada tanah yang begitu luas untuk pembangunan dan apakah pula Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak memberi sesiapa pun menjalankan pembangunan atas tanah bukit yang berketinggian 250 kaki atas barat laut atau kecerunan melebihi 25 darjah. Justeru, tambakan laut menjadi pilihan alternatif untuk pembangunan, yang saya khuatiri ini, sebagai wakil rakyat di seberang, nampaknya tidak begitu *effect* oleh penambakan laut tetapi saya khuatir apakah *impact* alam sekitar yang akan terjadi kepada negeri dan kehidupan rakyat Pulau Pinang pada masa hadapan. Dalam soalan bertulis saya, memang Ketua Menteri ada menjawab dengan teliti semua EIA, semua kajian dibuat dengan rapi untuk mengelakkan alam sekitar terjejas. Kalau tambakan laut dijalankan, tetapi saya masih khuatir sebab melihat misalnya projek penambakan laut di seberang perai iaitu pembinaan Butterworth Outer Ring Road (BORR) dan North Butterworth Container Terminal (NBCT) oleh Penang Port Sdn. Bhd juga menjejaskan persisiran pantai berdekatan iaitu Pantai Bersih dan Taman Rekreasi Pantai Robina di Telok Ayer Tawar kerana persisiran pantai telah menjadi tapak lumpur disebabkan ombak yang lemah tidak dapat membawa air laut masuk ke tempat itu. Lagi satu projek yang juga menghadapi masalah sebegini iaitu projek penambakan laut Seri Tanjung Pinang Fasa I yang melibatkan kira-kira 97 hektar selesai pada tahun 2006 telah membawa impak negatif kepada kawasan berhampiran seperti Persiaran Gurney. Pada waktu dahulu, bila saya budak-budak kecil, Persiaran Gurney itu adalah pantai pasir. Banyak aktiviti orang awam di sana tetapi selepas tambakan laut, di Seri Tanjung Pinang Fasa I, sekarang juga terjadinya Persiaran Gurney menjadi lumpur dan banyak bau busuk. Semenjak 2008 kita menjadi kerajaan yang baru di Pulau Pinang ini, di tingkat 52, 53, saya percaya semua EXCO dapat e-mel atau surat daripada penduduk yang duduk di Persiaran Gurney memberi banyak aduan terhadap keadaan di sana yang tidak memuaskan.

Kita juga menjalankan berbagai-bagai aktiviti untuk membersihkan pantai seperti pada 8 Ogos 2009, kita buat 1 Million EM Mud Ball, "Apologies to Mother Earth". Kita betul-betul dapat melihat kebaikan EM Mud Ball yang membawa kepada pantai Gurney Drive ini iaitu baunya hilang. Tidak berbau busuk dan banyak *insect-insect* atau binatang-binatang kecil balik ke pantai itu dan burung semua balik dan sekarang saya nampak ada orang memancing di sana lagi. Pantai ini sudah hidup. Tetapi, tidak kerja yang disambungkan lepas itu dan sekarang pula projek untuk menambun tambakan laut di Gurney Drive yang melingkungi banyaknya tanah. Saya kena merujuk kepada *detail* yang diberi iaitu sebanyak 60 ekar yang akan ditambakkan laut. *Land reclamation*, 60 ekar di sepanjang Gurney Drive dan ada lagi 131 ekar yang akan dibuat di selepas Oriental Seafood ke Tanjung Sri Pinang dan *of course* kerajaan beri saya jawapan, mereka memang memerhati, semua kajian ada dibuat. Tetapi ini boleh menentukan kalau *reclamation* dibuat, tempat yang lain impak yang buruk akan berlaku kalau tambakan laut ini dijalankan. Sebab kita tak ada jawapan yang boleh dijawab seperti pada tahun lalu, bila tambakan laut di Seri Tanjung Pinang, dia kata tak ada masalah tetapi masalah berlaku di Gurney Drive. Tiada masalah di Seberang Perai, tetapi masalah berlaku di Seberang Perai, Pantai Bersih dan Pantai Robina. Jadi ini kekhuatiran saya. Ini adalah satu projek yang mega. *Actually*, kebanyakan rakyat tidak membantah kalau projek-projek mega ini membawa impak ekonomi yang bagus untuk semua rakyat dinikmati tetapi saya nampaknya, penambakan laut di Tanjung Sri Pinang Fasa I itu hanya orang yang mampu atau orang yang berpendapatan tinggi yang dapat menikmati projek yang dibangun bersama. Rakyat yang pendapatan rendah itu tidak dapat apa-apa kebaikan dan saya harap Kerajaan Negeri dapat menimbang apa yang tadi saya sebut. Adakah projek mega ini membawa impak yang terbesar kepada semua lapisan rakyat atau hanya untuk segolongan orang sahaja.

Di kawasan saya Kadun Berapit, menghadapi masalah pembangunan yang pesat yang membawa banyak bencana alam seperti banjir kilat tetapi banjir kilat bagi saya bukan bencana alam. Itu bencana disebabkan kegiatan manusia. Saya tak harap Negeri Pulau Pinang seperti apa berlaku pada

12 Mei yang lalu di Kuala Lumpur. Jalan-jalan utamanya dibanjiri oleh air hujan dan jawapan daripada menteri yang menjawab kepada banjir kilat ini ialah longkang-longkang di Kuala Lumpur itu tidak dibersihkan. Banyak sampah sarap dan daun kering. Kawasan saya pada 7 Mei selepas projek tebatan air *B Garden* dilangsungkan oleh Kerajaan Negeri dengan RM6.9 *million* dibelanjakan. Saya ingat kalau dengan projek ini selesailah banjir kilat yang berlaku di kawasan saya *B Garden* yang selama 20 tahun mereka menghadapi bila hujan lebat, mereka dibanjiri oleh air. Ada rumah yang dibina pada tahun 1969 akan dimasuki air. Tetapi malangnya pada 7 Mei petang, dengan selama yang hujan lebat itu, banjir kilat berlaku lagi di tempat saya. Apa yang berlaku ialah JPS, MPSP tidak membersihkan palang halang sampah yang di projek *B Garden*. Sampah tertakung di sana, tidak dibersihkan. Air melimpah keluar ke jalan dalam kampung-kampung, tersumbat dengan sampah sarap. Pada 31 Mac dalam Mesyuarat Tindakan Daerah SPT saya harap DO SPT ada di sini lah. Saya sebut-sebut lagi dah empat (4) bulan, lima (5) bulan tidak hujan. Kalau hujan itu datang dengan lebat tentulah banjir. Sila MPSP, JPS tolong bersihkan semua *monsoon drain*, longkang-longkang yang tersumbat atau projek air yang sudah siap di *B Garden* itu dibersihkan takungan sampah. Jawapan yang saya dapat itu, 'Ya, Yang Berhormat, kita ambil tindakan'. Tetapi perangai, sikap tidak apa tidak dijalankan oleh jabatan yang memegang jawatan itu dan berlakunya banjir kilat. Rumah di kawasan Kampung Baru itu masuk air tiga (3) kaki. Basah, sampah sarap semua dengan gambar ada di sini, tidak perlu saya tunjuk sebab sudah tersiar dalam surat khabar. *That's why* saya khuatir, ada semua pengkajian projek dengan teliti tetapi *mindset* kita adakah dapat menghadapi kalau ada bencana alam berlaku? Adakah Kerajaan Negeri mampu menghadapi bencana alam yang besar akan ditimpa oleh kita pada masa hadapan. Saya ingat 2009, 2010, Kerajaan Negeri ada mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan YB. Dato' Setiausaha Kerajaan. Adakah kita mampu menghadapi bencana alam dengan *machinery* yang cukup, dengan kakitangan yang cukup? Sewaktu Penanti menghadapi banjir kilat pada tahun 2013, adakah YB. Penanti menghadapi masalah apabila banjir kilat? Tidak sempat sebab jawatankuasa ini tidak lengkap. Kalau berbanding dengan Taiwan, Jepun, Amerika Syarikat atau *other country*, jawatankuasa keselamatan mereka itu memang cekap. Ini disebabkan oleh negara sana kerap menghadapi bencana atau ancaman alam sekitar seperti *earth quake* atau tsunami. Negara kita ini memang bersyukur kita aman, tiada banyak bencana alam seperti yang dihadapi oleh Jepun, atau Taiwan atau negara lain. Ancaman dari alam sekitar disebabkan oleh kegiatan manusia yang tidak terhad yang kita akan hadapi di masa hadapan.

Sebagai wakil rakyat, di KADUN Berapit, saya ingin membawa suara rakyat saya iaitu rakyat saya sekarang di Berapit, perkampungan Berapit menghadapi ancaman keselamatan mereka apabila menggunakan Jalan Berapit itu. Saya tidak tahu bagaimana mahu cakap tentang Jalan Berapit. Dua-dua belah, satu perkampungan Berapit, satu taman-taman perumahan tetapi itu jalan di bawah jalan JKR. Jalan besar dengan *speed* laju dan jalan itu lurus sahaja. Kalau dari Penanti dia pun turun gaung, kalau dari Tambatan Gamuda *double track* itu, dia pun turun gaung. *That's why* selalu kalau pemandu-pemandu atau orang-orang muda bawa kereta atau motosikal itu laju sangat. Dan setiap tahun akan berlaku kemalangan maut di sana. Saya rasa sedih sebab dari 2008 sampai hari ini, sekurang-kurangnya dua (2) nyawa terkorban. Kadang-kadang 4 nyawa, ada orang tua, ada budak-budak, ada pemudapemudi dan saya bersuara untuk rakyat saya di sana minta JKR carilah jalan menyelesaikan masalah ini. 2009 saya ambil peruntukan kawasan saya sendiri membuat *button traffic light* di hadapan pasar awam Berapit melintasi jalan ke Jalan 5 di Kampung Berapit sebab orang kampung mahu melintas jalan raya itu memang bahaya, kereta cepat laju tidak berhenti dan saya minta lampu di semua *junction*. Ada dipasang oleh JKR dan tahun lepas disebabkan oleh kemalangan maut lagi, seorang pemuda dilanggar mati terus di belakang Pasar Awam Berapit dan kita turun padang dengan EXCO, dengan JKR, dengan Pengarah MMK Keselamatan Lalu Lintas. Semua pihak, input polis, input semua *technical people* dari MPSP, Encik apa nama dia, Kejuruteraan...(kurang jelas) pun turun padang. Tetapi kita tunggu sampai hari ini pun tidak ada apa yang dilakukan dan malangnya bulan lepas, ada satu (1) budak dilanggar mati. Saya tidak tahu macam mana mahu jawab kepada rakyat saya. Ada orang marah saya, ini Yang Berhormat tidak guna. Cakap tetapi tidak buat. Saya sedih sebab apa yang saya minta di MMK Keselamatan Lalulintas, di tindakan daerah, di JKR, dicatit tetapi tidak ada tindakan. Saya harap pihak JKR, pihak MPSP atau MMK Keselamatan Lalulintas buat sesuatu dengan secepat mungkin. Saya tidak ingin melihat lagi ada nyawa terkorban di sana. Ada rakyat suruh saya mewakili mereka, ambil *lawyer sue* Kerajaan Negeri. Saya ada tanya *lawyer*, dia kata tidak boleh sebab *accident involved third party*. Kalau *accident* itu disebabkan jalan raya yang tidak sempurna dan menyebabkan kematian seseorang, bolehlah kita ambil tindakan. Ini saya memang, saya ingin bersama rakyat saya tetapi saya juga sukar sebab ini kerajaan yang saya mewakili. So saya harap EXCO yang bertanggungjawab sila ambil tindakan yang secepat mungkin.

Saya ingin mewakili rakyat saya di Taman Sentosa, di Taman Bukit Ria Aman, Taman Bukit Mas yang sekarang menghadapi pembangunan pesat di Bukit Mertajam, di KADUN Berapit iaitu ada dua (2) projek kondominium akan dibina di belakang taman-taman yang lama lebih daripada 30 tahun, 40 tahun, yang penduduk di sana sekarang kehidupan mereka kualiti hidup mereka bagus sebab taman sana sunyi dan *actually* jalan di taman-taman itu tidak besar. Saya ingat kalau biasa dalam taman jalannya 20 kaki,

dua (2) buah kereta boleh lalu tetapi memandangkan kereta yang banyak yang sekarang dicatat dalam negeri kita, kereta adalah banyak dari populasi penduduk dan apabila masuk petang atau malam jalan itu akan diparkir oleh kereta kepada penduduk-penduduk dan mereka khawatir pembangunan kondominium yang bertingkat, 43 dan 35 tingkat oleh Seberang Perai Resort Berhad dan 31 tingkat oleh Maltag Sdn. Bhd. ini akan menambahkan kepadatan penduduk di belakang taman mereka. Dan mereka khawatir pembangunan rumah yang begitu *high-end* akan membawa penambahan penduduk dan kereta juga dan adakah jalan di taman itu dapat menampung tambahnya kereta dan adakah longkang-longkang yang sedia ada yang dibina pada tahun 20-an, 30-an yang lalu dapat menampung air yang bertambah disebabkan penduduk bertambah. Sebab saya melihat jiran saya YB. Machang Bubok, kawasan aman, pesatnya pembangunan, perumahan dan perniagaan. Apakah yang telah terjadi? Impaknya taman lama dibawah projek baru itu menghadapi banjir kilat. Taman Impian, Taman Impian Indah di Alma kan? Dan apa sekarang telah janji hendak buat? Swasta *developer* untung dengan menjual rumah-rumah mewah, pusat-pusat perniagaan tetapi *water retention pump* itu tidak cukup, rosak sebab Kerajaan Tempatan meluluskan projek mereka dengan *pocket* sahaja. Projek ini semua ikut arahan, peraturan tidak salah. A, B, C, D, lepas itu sambung tidak dapat sambung sebab *the big picture not counting inside* dan sekarang Kerajaan Negeri kena mencari wang untuk mengambil alih tanah untuk membuat takungan air di tapak Machang Bubok. Sampai hari ini pun belum selesai. Kalau hari hujan masih rakyat di Taman Impian, Taman Impian Indah menghadapi banjir kilat sebab *personal assistant* saya duduk di sana jadi saya tahu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan, saya hendak tanya pada Berapit, pembangunan yang disebutkan tadi yang *high rise* sangat ini, adakah MPSP dalam Mesyuarat OAC mendapatkan ulasan daripada ADUN dan penduduk ataupun JKKK setempat sebab di Penanti masa saya menghadapi banjir kilat yang sangat teruk di Tanah Liat disebabkan oleh pembangunan *columbarium* dan masalah sebelum itu pada masa itu pembesaran Mengkuang Dam. Kelulusan OAC itu, kita tidak dimaklumkan, kita tidak tahu. Tiba-tiba bila banjir berlaku sampai runtuh semua pagar-pagar, habis longkang-longkang semua pecah, jalan-jalan yang saya baru buat semua pecah, jalan tar semua di Kampung Tanah Liat, baru kita tahu, oh ada satu pembangunan *columbarium*. *Actually* senang sahaja untuk menangani masalah itu, maknanya kalau dia letak *some form of sediment control*, jadi saya hendak tanya Berapit, masa mereka meluluskan pembangunan yang tinggi *high rise* ini, adakah mereka mendapatkan ulasan daripada ADUN?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

YB. Penanti, sama juga menghadapi masalah dengan yang ini kan? Sama. Hanya apabila penduduk di sana cari Yang Berhormat buat aduan, barulah kita tahu apa yang terjadi. Tidak menanya. So, biasanya kalau ada masalah berlaku ADUN yang kena pergi meyelesaikan masalah rakyat dan itu sudah lewat. Sudah lewat untuk membuat sesuatu untuk rakyat kita.

Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):

Minta laluan. Terima kasih Berapit. Saya tertarik kepada pandangan yang telah diberikan oleh Berapit berkenaan dengan pembangunan di kawasan khasnya di kawasan Machang Bubok, Alma. Untuk maklumat tambahan, sebenarnya pihak Kerajaan ada mengambil tindakan. Satu parit lencongan sedang dibina dalam perbincangan saya, saya ada membangkitkan dan memang betul mengikut kajian yang telah dibuat oleh pihak JPS, kita masih memerlukan satu kolam tadahan yang masih dalam usaha oleh pihak Kerajaan supaya dapat di tangani air hujan yang lebih. Ini juga kerana adalah kawasan tadahan air semulajadi itu telah berkurangan dan menyebabkan memerlukan kolam tadahan untuk menangani masalah banjir kilat yang sering berlaku. So, saya terima kasih lah kerana YB. Berapit bangkitkan perkara ini dan saya berharaplah pihak Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas permohonan itu. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Untuk Machang Bubok, bagi saya yang penting sebelum berlakunya masalah, Kerajaan Tempatan, YDP ka, OSC ka kena mengambil langkah yang teliti sebab akhirnya siapa yang akan membelanjakan wang itu. *Developer-developer* yang membangunkan perumahan atau perniagaan disana akan membayar tanah pengambilan itu. Atau Kerajaan Negeri Tempatan, yang kena bayar. So, ini *big question mark*. Sebagai wakil rakyat KADUN Berapit, saya juga melihat banyak tempat di KADUN saya tidak dibangunkan seperti di Pulau. *Of course*, KADUN saya bukan tempat pelancongan, bukan *main attraction* pendapatan untuk negeri kita. Tetapi rakyat kita tinggal di sana. Masalah penduduk di Berapit itu bukan hanya keselamatan jalan raya di jalan Berapit dan kekhuatiran tempat mereka duduk selama 30 tahun itu dijejaskan oleh projek-projek baru. Lagi satu ialah *traffic jam* yang selalu berlaku di Bukit Mertajam sampai hari ini pun tidak menyelesaikannya. Saya ada memberi pandangan kepada PDC iaitu

DO Rest House di hadapan *Convent School* dan Kim Seng, itu sudah dibiarkan selama sejak saya jadi Yang Berhormat di sana, dari dulu punya Yang Berhormat pun dibiarkan macam itu. Tiada ada pembangunan. Saya ada bagi *suggestion* kepada PDC waktu *term* yang lepas, 2011, 2012. Saya harap PDC boleh mengambil wang Kerajaan untuk membina satu *multilevel car park* dan pusat belia dengan komputer. *ICT centre* untuk budak-budak sekolah atau belia-belie di kawasan sana dan juga perpustakaan yang canggih untuk rakyat yang duduk di sana dan dapatlah menyelesaikan ibu bapa yang berhenti kereta merata tempat saja di Jalan Kulim. *Jam* dari Kim Seng sampai Hospital. Kalau mereka dapat berhenti kereta di *multi level* dan rehat di perpustakaan atau *ICT Centre*, nanti anak mereka balik naik jambatan *walkway* yang sambung kesana kan senang. Takkan jadilah kesesakan jalan disebabkan *peak hour*. Kereta ibu bapa kena berhenti di sana.

Tetapi jawapan daripada Pengarah PDC itu. Yang Berhormat, ini tak ada untung. Ini Kerajaan kena membelanjakan wang. *No profit*. Kalau tempat ini dibikin tempat perniagaan, perumahan, kan kerajaan baru dapat keuntungan. So, saya tanya balik Pengarah. Adakah Kerajaan Negeri selalu cakup saja mahu untung? Mahu dapat pendapatan atau menjaga kebajikan kemesraan rakyat. Apa yang akan didahulukan oleh kerajaan. Di KADUN tempat saya ini saya nampaknya lagi perlu *multi level car park* dan perpustakaan dan *ICT Centre* untuk rakyat saya di sana dan bukan perumahan atau kedai-kedai *shop lot* sebab di sepanjang jalan usahanya itu, kedai banyak kosong. Tiada orang sewa. *Supply more than demand*.

So saya harap Kerajaan Negeri dengarlah kepada rayuan saya sebagai ADUN Berapit. Di kawasan saya pun saya tak nampak ada kos rumah mampu milik yang dibina oleh Kerajaan Negeri. Saya juga *last time* saya bersembang dengan YB. Air Itam sewaktu dia menjadi *Exco* Perumahan. Kita turun padang pergi tengok tempat itu di Tanah Liat. Kawasan YB. Penanti. *Suggestion* untuk membuat rumah mampu milik di sana sebab ini keperluan rakyat di Bukit Mertajam. Sekarang, rumah di Bukit Mertajam di KADUN saya di Kampung Baharu kondominium pun dijual RM300,000 lebih apatah lagi rumah di atas tanah. RM400,000 lebih, RM500,000 lebih. Tak ada orang mampu beli *especially young people*. *Couple baru* tak mampu. So saya harap Kerajaan Negeri dapat menimbang keperluan rakyat di KADUN Berapit. Rumah mampu milik yang ditunggu-tunggu selama ini. Saya harap EXCO Perumahan pernah jawab saya dah ada dalam *plan* tahun lepas. Dia kata dah ada dalam pelan dia akan menimbang balik. Saya harap bagi saya satu *time frame* lagi sebelum saya *retire* 2018 kot. Tak tahulah. Kena tengok Perdana Menteri bila mau pilihan raya dipanggil.

Dan disebutkan pembangunan yang pesat di Bukit Mertajam, di Bukit Tengah, di Machang Bubuk. Banyak warga asing, pekerja asing masuk ke Bukit Mertajam. Ada YB. Permatang Pasir khuatir sebab bila *weekend* Sabtu, Jumaat, Jalan Aston, Jalan Pasar, di Bukit Mertajam penuh dengan warga asing. *You* pergi mana satu bank pun penuh dengan warga asing. Dan saya bukan memandang rendah warga asing ya. Sebab JKKK Kampung Aston saya dia membuka kedai kopi di Jalan Aston dengan mata dia sendiri dan semua AJK JKKK Kampung Aston nampak warga asing atau tabiat hidup mereka lah. Mereka menganggap *monsoon drain* di Jalan Aston itu tong sampah besar semulajadi. Semua sampah mereka tuang.

MPSP yang bekerja kebersihan yang menjaga Berapit, Kampung Aston ke Sentosa. Termasuk Taman Kuari, 25 orang saja. Cukupkah? Sampai mati pun mereka tak boleh bersih tempat saya. Yang bersih Kampung Baru dengan banyak perumahan dan pusat perniagaan itu, 33 orang kakitangan kerja membersihkan. Saya rasa susah hati kepada mereka sebab mereka selalu cakap, Yang Berhormat jangan kutuk kita. Jangan marah kita. Kita banyak rajin untuk membersihkan kawasan rumah kita tapi tak sempat. Sebab kakitangan tak cukup. Tak sempat mau pergi bersih kawasan yang begitu luas. Apakah Kerajaan Tempatan, YDP MPSP ada mengambil berat tentang masalah yang mereka hadapi. Bukan mereka tak mau kerja, mereka banyak rajin tetapi tak sempat. Sampai 5 haribulan tu saya pergi Sibu, pilihan raya di Sarawak. Saya dari Airport dibawa oleh saudara saya, member DAP saya, sampai Sarikei saya baru turun kereta jumpa seorang rakyat saya daripada KADUN Berapit. Dia ada kedai kopi di belakang *City Restaurant*, Yang Berhormat dua (2) minggu tak mai buang sampah.

Saya hadapi masalah ini selalu. Bukan kadangkala. Sampah tidak dibersihkan sampai 2 minggu. Apa sudah jadi kepada MPSP? Bukan saya memuji Idaman yang bekerja di Kedah. Sekarang tempat saya duduk tu, rumah saya di Taman Intan Sungai Petani itu padang dia bersih. Sampah dibuang tiap-tiap dua (2) kali seminggu. Kalau kedai-kedai tempat perniagaan tiap-tiap hari. Kalau tempat yang ditinggal oleh rakyat itu bersih, kurangnya penyakit seperti denggi, seperti tibi, sebab keadaannya bersih. Dulu padang di tepi rumah saya itu sampah sarap. Semua budak atau ibu bapa yang bawa anak pergi main di padang itu buang sampah saja. Sebab kotor dah. Sudah kotor. Apa salah saya buang lagi satu. Tapi sekarang padang itu bersih. Saya nampak ibu bapa yang bawa anak-anak pergi bermain di tempat rekreasi di padang itu tidak buang sampah sebab sudah bersih. Ini *mindset* orang. Kalau tempat itu sudah bersih, siapa mahu pergi kotorkan. Tetapi tempat itu kotor, lagi kotor disebabkan sudah kotor. Itu *mindset* manusia. Saya tidak salahkan pekerja MPSP ya, sebab orang awam yang tidak menjaga

kebersihan kawasan mereka. Saya harap dengan apa rancangan Kerajaan Tempatan *how to improve* perangai orang awam membunag sampah merata-rata. Di *Singapore fine*. Di negara lain *fine*. Di Malaysia tak *fine*. Macam mana mahu *fine* saya tak tahu. Wang atau kerja sebagai balasan orang itu buang sampah. *Think something to reduce* orang yang suka membuang sampah.

Saya kuarir sebab pekerja asing sekarang di SPT. Penduduk dia meningkat pada tahun 2013, ini mengikut ini buku saya suka lah. Buku Tata Akta Sosial Ekonomi yang diberi kepada saya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam ada. Warga India di SPT adalah seramai 35,700 orang dan warga asing 30,000 orang. Perbezaan 700 saja. Pada tahun 2014, kaum India seramai 35,600 orang tetapi orang asing, warga asing itu sudah 35,400. saya ingat tahun 2015 ini, warga asing sudah lebih daripada kaum India di SPT. Ini terjadi di mana-mana pun sebab KADUN saya 86% pengundi kaum Cina, 8% kaum India, 4% warga kaum Melayu dan 2% itu warga Siam dan lain-lain. So, memang saya hadapi masalah ini dan penyakit seperti yang sudah hilang tibi, balik ke SPT disebabkan kawasan yang warga asing ini tinggal memang tidak dijaga dengan bersih dan tadi saya cakap dengan pembangunan yang pesat. Dulu waktu saya kecil saya datang dari Kedah ke Pulau Pinang menaiki feri dan naik bas jalan kaki, dan semua pinggir itu kita nampak laut sahaja. Cantik. Tapi sekarang canggih, ada Jambatan Pulau Pinang 1, Jambatan Pulau Pinang 2, tetapi kita masuk sampai Pulau Pinang semua bangunan tinggi-tinggi, halang semua pandangan yang indah. Ini berbeza dengan Xiaming. Apabila tahun 2008 saya pergi menyambut YB. Tanjong Bunga dia berbasikal ke Xiaming, apabila turun sahaja dari *airport you* masuk bandar dia sepanjang *highway you* nampak cantik betul. Dahulu Xiaming datang belajar di Pulau Pinang sebab itu *sister city* kan, sekarang kita kena belajar balik dengan mereka. Pandangan pantai cantik hilang dilindungi dengan bangunan-bangunan IJM, apa lagi projek-projek perumahan, dan kita hendak pergi menikmati keindahan pantai, kita kena pergi sampai Batu Feringghi, Miami Bay baru ada kan, buka untuk rakyat jelata, tetapi sampai Batu Feringghi itu hotel-hotel itu *five star, six star you* tidak boleh masuk, kalau *you* bukan *guest of the house*, hanya masuk melalui tempat gerai penjaja Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) saya pun lupa nama dia, lama tidak pergi. Itu hanya satu tempat rakyat awam boleh masuk kepada pantai yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Saya berharap Kerajaan Negeri menimbangkan, adakah pembangunan ini membawa kebaikan dan dinikmati oleh orang-orang awam dengan sepenuhnya dan dahulu sebagai EXCO Wanita Keluarga dan Komuniti saya selalu becakap pembangunan sesebuah negara atau negeri tidak mahulah selalu mengambil ringgit dan sen, Malaysia kata ringgit dan sen, di luar negara *dollar...*(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, saya macam hendak menangis saya dengar cerita ini menitis air mata ini.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Nanti, biar saya habiskan, sebab suara saya sekarang sakit kerongkong, suara saya, saya pun mahu jadi macam Yang Berhormat apa, YB. Batu Maung, ah jadi suara macam inilah. Bukan, sebab suara saya hilang. Saya memang demam, tetapi saya kena datang hari ini juga ini sebab suara saya, saya demam hari ini. Waktu sebagai EXCO saya selalu mengingatkan Jabatan-jabatan yang di bawah selia saya pembangunan yang seimbang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, mengambil berat tentang belia-beliawanis, Pembangunan Beliaawanis, Pembangunan Sukan jangan ambil ringgit dan sen untuk membandingkan keuntungan atau pembangunan sesebuah negeri atau negara. Kalau pembangunan infrastruktur yang dipentingkan tetapi hidup kualiti harmoni diabaikan apa akan yang terjadi? Masalah sosial gejala, kes-kes membunuh diri, kes-kes keganasan, kes-kes domestik virus berlaku setiap hari. Apakah tindakan Kerajaan Negeri memikir satu jalan atau polisi untuk menyelesaikan masalah ini. Saya harap EXCO yang berkenaan bagi saya satu jawapan kepada saya, yang boleh bagi saya senang hati, sebab tiap-tiap hari kita buka surat khabar, kita nampak budak-budak muda itu bunuh diri, sakit hati sebab saya seorang ibu dan saya tidak boleh membantu mereka sebab kita tidak tahu apa yang berlaku di masyarakat ini, *we are very selfish now the world*, saya baca satu *news* dari *facebook* ada satu budak kecil tangan dia dihempit oleh *elevator* semua orang mengambil gambar dengan *handphone* tiada seorang pun yang pergi menyelamatkan dia, apalah yang terjadi macam ini. Apa yang rakyat rasa memang penting sebagai sebuah Kerajaan Negeri, perasaan rakyat itu apakah mereka mahu kepada kerajaan negeri atau negara kita, apakah rakyat mahu daripada kita. Sebagai seorang pekerja politik wakil rakyat atau pekerja sosial kalau cakap, kita memang pekerja sosial sebab di pusat perkhidmatan saya itu, kadang-kadang saya kena menjadi *lawyer* bagi *advice* kepada penduduk-penduduk yang datang meminta pertolongan atau menjadi psikologi untuk memberi *counselor* kepada mereka yang menghadapi masalah keluarga, dan di KADUN saya memang berlaku banyak kes-kes domestik *violence* atau kemalangan yang tidak berbau yang melimpah kepada sesebuah keluarga. Ibu bapa yang meninggal dunia dengan satu kemalangan dan *visionary* kita Jabatan Kebajikan atau ADS sekarang tidak dapat membantu mereka dengan sepenuhnya disebabkan ada had pendapatan dan nasib baiklah di Bukit Mertajam suatu bandar yang penuh dengan orang yang berhati baik, banyak NGO-NGO Kebajikan di sana menyalurkan tangan menolong kepada saya dengan peruntukan RM300,000

untuk kawasan, *that one for* bekalan dengan infrastruktur peruntukan lain tidak cukup untuk saya menolong orang yang perlu. So, NGO-NGO di kawasan saya memang saya mengucapkan terima kasih kepada mereka. Seperti sekarang kes yang berlaku di Taiwan, Taicho satu wanita membawa ibu bapa untuk makan angin di Taiwan dan kena penyakit *stroke* di Taicho. Kos perubatannya RM130,000, macam mana kita minta tolong, saya meminta kepada NGO di kawasan saya untuk memberi *platform* untuk menjanakan dana untuk menolong dia dan nasib baik sekarang dia *improve* keadaan kritikal sudah lalu, dia sekarang berada di dalam pemulihan.

Sebagai wakil rakyat di KADUN Berapit saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang menolong saya selama ini, JKKK saya, AJK saya, pembantu saya. Pembantu saya pun seorang pun sudah meletak jawatan sebab tidak dapat menahan maki-maki rakyat yang selalu datang ke tempat saya. Aduan tiap-tiap hari pun ada. Pun ada orang gila marah-marah datang, marah sampai nenek moyang pun disebut. Ini masalah ADUN, kita kena menghadapi tidak tahulah Yang Berhormat-Yang Berhormat lain, tetapi *next day* dia datang kata boleh tolong sebab anaknya tidak menjawab panggilan telefon. So, tiap-tiap hari berlaku, so, saya harap keluhan rakyat itu tahulah apa kerja sebagai seorang ADUN. Kita kena pelihara suara rakyat dan bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk membahas dan saya harap Barisan EXCO ini dengarlah betul-betul permintaan ADUN, kita tidak meminta lebih kita cuma meminta apa yang rakyat mahu ialah kualiti hidup yang membawa kepada mereka hidup dengan sejahtera. Saya ingat di negara atau *the world* di dalam dunia ini hanya satu negara menimbang kebahagiaan rakyatnya bukan dengan mata wang, *happiness of the rakyat*, kehidupan yang sukar, *peaceful* saya tidak pernah pergi, saya ingin hendak pergi apabila saya pencen dan di negara Malaysia saya ingat dahulu Perdana Menteri sampai bawa duit sahaja yang dibantu, tetapi saya harap kerajaan yang saya wakili ini, kerajaan yang diharap-harapkan oleh rakyat. Banyak rakyat memberi tumpuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita sebagai *the lead state*, mereka memberi kepada kita tekanan yang banyak, dahulu rakyat tidak marah kerana Kerajaan Barisan, mereka diam sahaja, tetapi sebagai Kerajaan Pembangkang yang baru naik iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *he put a lot owners* mereka macam orang yang jatuh ke dalam laut itu, mereka mahu mencari penyelamat, tetapi kita memang tidak ada, kita tidak dapat apa-apa daripada Kerajaan Pusat dari dahulu saya sebagai EXCO saya sudah cakapkan, YB. Pulau Betong, tetapi sampai hari ini pun tidak ada, ini barisan orang lama, saya tidak cakap orang baru, ini YB. Sungai Acheh selalu tanya kepada saya, dia kata apa peruntukan kepada belia, saya pegang portfolio Belia, ADUN pada saya tidak ada peruntukan, Jabatan Belia dan Sukan, saya MMK Belia dan Sukan itu kosong tidak ada kakitangan. Saya mendirikan peruntukan saya dengan semua Belia-Belia di Negeri Pulau Pinang, MBPP semua masuk dan saya mengambil peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan memberikan kepada bola sepak, tidak ada wang daripada Kerajaan Pusat, sukan pun tidak ada, sebab pengarah saya dari dahulu Tuan Haji Mohd Akbar kerja sampai tidak balik ke rumah sebab dengan *limited* peruntukan itu kita buat kerja yang lebih dan kita lihat kemajuan sukan di Negeri Pulau Pinang telah *compare* dengan kerajaan dahulu, *yes* ini betul saya tidak bercakap bohong .

So, saya harap *policy* yang saya bawa bila saya sebagai EXCO Wanita Keluarga dan Komuniti yang di *subject* oleh wanita, *gender, responsive, budget*. Pada tahun 2011 PWDC dibangunkan dengan tidak ada Jabatan Wanita, Keluarga dan Komuniti, saya dengan semua NGO menubuhkan PWDC dengan *policy, gender, responsive, budget*, dan *gender, responsive, budget*, ini disambung dengan baik oleh EXCO Kerajaan Tempatan oleh dua (2) buah Kerajaan Tempatan, satu (1) projek di Majlis Seberang Perai Selatan (MPSP), PPR Ampang Jajar dan satu (1) lagi di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) PPR Jalan Sungai dan kita beri mandat kepada rakyat, memilih apa mereka mahu di tempat mereka tinggal. Ini kali pertama PPR rakyat dapat memberi pandangan daripada Kerajaan Tempatan. PPR Ampang mahu keselamatan ditingkatkan sebab mereka mahu melintas jalan raya itu hadapan itu bahaya dan jalan besar, PPR Sungai mahu mengecat bangunan mereka dan mereka *voting what colour they want* dan budak-budak pun boleh *voting*. So inilah *gender responsive* yang boleh mendekati rakyat dan saya harap *gender responsive budget* ini diambil berat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri ya, ini *main body*. Please ambil GRB ini kerana Korea menjadi negara yang membangun disebabkan GRB. Korea dulu memang pemimpin dia panggil apa...(kurang jelas) sekarang tak ada sekarang GRB so dia bangun dengan pesat sebab dia memelihara semua kepentingan, keperluan rakyat tidak kira jantina, umur dia jaga semua. So inilah bahas saya, ya saya harap barisan EXCO dapat menimbang pandangan saya demi kepentingan rakyat dan pembangunan negeri kita dan saya boleh minta mohon sebab suara pun dah habis dah saya minta mohon dan menyokong. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Berapit, Sungai Dua sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia, YB. Dato' Yang di-Pertua, YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. *Alhamdulillah* bersyukur kita ke hadrat *Allah S.W.T.* Kerana dengan izin dan rahmatnya kita semua masih lagi berada di Dewan yang mulia untuk kita sama-sama berbincang dan berbahas dalam menyelesaikan isu-isu dan masalah demi kepentingan rakyat dan masyarakat di kawasan masing-masing. Semoga kita diberi kekuatan dan semangat yang tinggi untuk membahaskan setiap isu dan masalah dalam suasana yang harmoni dan rasional dalam saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Sungai Dua untuk terlibat dalam perbahasan ke atas ucapan terima kasih T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dalam Ucapan Perasmian Penggal Keempat T.Y.T. Tuan Yang Terutama Tun memohon supaya setiap wakil rakyat dapat berbahas dan membawa suara akar umbi merentasi kepentingan agama, kaum, politik dan sosial. Dalam hal ini kita perlu memastikan setiap perkara yang menjadikan masalah wajib diutarakan untuk dibincang dan diberi perhatian dan tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Tuan Yang Terutama Tun menyentuh berkaitan dengan konsep CAT adalah menjadi teras kepada peningkatan hasil dan pengurusan yang cekap, walau bagaimanapun konsep ini perlu dilaksanakan secara cekap dan telus tanpa mengira kawasan dan ADUN yang terlibat demi kepentingan rakyat. Masih terdapat kawasan-kawasan yang dianaktirikan dan tidak diberi keutamaan dalam projek untuk kepentingan rakyat dan masyarakat seperti pembinaan jalan kampung, longkang-longkang Kampung masih terdapat kawasan di mana pihak Jabatan Negeri tidak memberikan perhatian dan menghadiri perjumpaan dialog yang dianjurkan demi kepentingan rakyat. Saya mengharapkan supaya kemelut ini diselesaikan segera oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri dalam memastikan konsep Cekap, Akauntabiliti dan Telus ini dapat direalisasikan sepenuhnya. Kerajaan Negeri perlu mewujudkan satu kaedah untuk menilai tahap pencapaian polisi CAT ini untuk Jabatan dan Agensi di bawah Kerajaan Negeri mewujudkan satu KPI supaya dapat dinilai prestasi dan pencapaian konsep ataupun polisi CAT ini.

Ramai rakan-rakan Ahli Berhormat yang membangkitkan GST dan pelaksanaan projek Kerajaan Pusat yang tidak setimpal dengan jumlah cukai yang dibayar oleh penduduk Pulau Pinang. Ingin saya sebutkan di sini pihak Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM3.874 billion bagi Rancangan Malaysia Ke-8, bagi Rancangan Malaysia Ke-9 sejumlah RM6.341 billion telah disalurkan kepada Kerajaan kepada rakyat Pulau Pinang dan dalam Rancangan Malaysia yang Ke-10 telah membelanjakan sebanyak RM4.293 billion untuk pembinaan infrastruktur, sekolah, jalan raya, kompleks peniagaan, bangunan hospital, infrastruktur, pertanian, masjid, RTB dan sebagainya. Dalam RMKe-11 sebanyak RM816 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2016 bagi *rolling plan*...(dengan izin) *rolling plan* yang pertama bagi projek baru dan juga sambungan keseluruhan RMKe-11 sebanyak RM4.72 billion akan disalurkan melalui pembinaan pelbagai projek untuk kemudahan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Ini tidak termasuk peruntukan perkhidmatan dan sebagainya dan pembangunan Jabatan Kerajaan Agensi Kerajaan Persekutuan yang telah disalurkan kepada Rakyat di Negeri Pulau Pinang, begitu juga dengan peruntukan disalur melalui KKLW, ICU, KPKT untuk tujuan pembangunan infrastruktur. Selain itu, peruntukan yang berbentuk perkhidmatan juga disalurkan melalui pihak JKM dan sebagainya termasuklah BR1M dan sebagainya.

Pembangunan Industri Pertanian Dan Asas Tani turut disentuh oleh Tuan Yang Terutama Tun, apa yang mengusarkan saya adalah fokus Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap industri ini apa yang dibentangkan mungkin tidak menggambarkan situasi yang sebenar pencapaian sektor pertanian dan industri asas tani apa yang disentuh hanyalah jualan produk-produk pertanian di Hari Peladang Penternak Dan Nelayan Kebangsaan 2015 tabung usahawan tani muda dan juga bantuan pukut kepada nelayan pantai. Sektor pertanian dan IADP perlu diberi perhatian yang lebih agresif memandangkan sektor ini amat penting dalam membekalkan sumber makanan dan mempunyai penglibatan yang agak ramai mencecah 15,000 orang yang terlibat secara aktif dalam sektor pertanian. Kerjasama di antara semua Jabatan dan Agensi Negeri dan Pusat dalam sektor ini perlu dimantapkan dalam dan perlu disatukan fokus dan tujuan demi masyarakat petani, Penternak, Nelayan dan juga Usahawan Tani. Fenomena El-Nino yang melanda negara dan termasuk Negeri Pulau Pinang telah menimbulkan masalah dan memberi kesan yang agak ketara kepada petani dan pesawah-pesawah. Air untuk kegunaan aktiviti pesawahan yang patutnya bermula pada bulan Mac telah tertangguh, air hanya dapat dibekalkan kepada jadual satu sahaja sekitar 1320 hektar di daerah SPU, di SPT 776 hektar, di SPS 1395 hektar dan di Barat Daya 170 hektar. Baki seluas 9191 hektar terpaksa ditangguhkan dan petani-petani yang terlibat telah memulakan kerja-kerja awal telah menyediakan tanah, telah membeli benih, telah meracun kawasan bendang masing-masing yang mana kosnya mencecah ke RM700 ke RM800 sehektar. Akibat fenomena ini petani terpaksa menunggu hingga ke bulan Mei dan *Alhamdulillah* hujan telah turun dan air telah mula disalurkan pam masuk ke sawah-sawah ke tali air untuk dilaksanakan pesawahan bagi musim

ini. Walau bagaimanapun pihak petani terpaksa menanggung kos sekali lagi kos untuk meracun, kos untuk membajak penyediaan tanah dan juga mungkin kos untuk membeli benih, benih terpaksa dibeli semula kerana benih hanya tahan tiga (3) bulan lepas itu dia tak boleh digunakan dia *expired*....(dengan izin) dia terpaksa menanggung kos sekali lagi itulah keperitan kesusahan petani sawah dalam mengusahakan tanaman padi untuk membekalkan beras sebagai makanan asasi rakyat Pulau Pinang tidak kurang pentingnya beras jika dibandingkan dengan air untuk rakyat.

Petani seramai 758 orang dengan keluasan 12782 hektar meliputi empat daerah di Negeri Pulau Pinang berkorban siang dan malam untuk keselesaan 1.6 juta rakyat Pulau Pinang saya mohon kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membuat persediaan dan memberikan bantuan menyediakan bantuan kepada petani jikalau menghadapi fenomena yang semacam ini dan memberikan sedikit pertimbangan dalam menyelesaikan masalah pengairan di masa hadapan, membantu menyelesaikan isu ampang di Rantau Panjang bersama pihak PBA, SADA dan juga JPS. Isu ampangan di Rantau Panjang telah disentuh pada sebelah pagi tadi cuma yang diputuskan dan dimaklumkan atas kajian kejuruteraan perbincangan dengan pihak JPS, MADA dan sebagainya dan juga pembinaan ampang mungkin reka bentuk yang baru dan sebagainya perlu kita serius dalam menyelesaikan masalah ampangan di kawasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan, sedarkah Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Dua bahawa pada tahun 1992 Malaysia telah tandatangani satu kefahaman di antarabangsa iaitu di Rio De Janeiro *declaration* di mana di bawah telah bincang bahawa kemungkinannya fenomena ini akan menjadi pada *21st century*. Di mana kita lihat bahawanya daripada 1992 sehingga kini jikalau Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional ambil perhatian pakar-pakar apa yang pakar-pakar telah cadangkan dan langkah-langkah yang hendak diambil *sustainability* di mana jika di utara khususnya di *region* tidak ada pembalakan *legal, non illegal logging* kami tidak akan ada keadaan macam ini kerana intensif....(gangguan) di utara Malaysia kejadian macam ini kerana untuk di Pulau Pinang walaupun *water resources is still* mudah dan Ampangan Muda dan lain-lain sama dan jikalau prihatin pada masa 1992 sehingga kini kami sudah dapat elakkan masalah ini semua dan saya nak bertanya kepada Ahli Berhormat daripada Sungai Dua sedarkah keadaan macam ini?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Okey terima kasih di atas peringatan yang diberikan kepada saya, YB. Dato' Yang di-Pertua saya teruskan dengan pengurusan sumber air, kecekapan dan kemampuan pihak PBA Pulau Pinang dalam menguruskan air untuk rakyat Pulau Pinang amat dihargai dan harus diberi pengiktirafan dan penghargaan. Walau bagaimanapun masih terdapat perkara-perkara yang menjadi tanda tanya dan persoalan di hati saya yang perlu diberi penjelasan oleh pihak Yang Berhormat Air Putih ataupun EXCO yang berkaitan. Pertamanya isu cas air mentah, punca air yang bersih diperolehi dan diproses oleh PBA Pulau Pinang adalah untuk diagihkan kepada penduduk Pulau Pinang diperolehi daripada sumber negeri Kedah tanpa dikenakan apa-apa bayaran kalau tak silap. PBA Pulau Pinang mengenakan cas yang semakin meningkat dari masa ke semasa termasuk surcaj. Saya difahamkan oleh pihak PBA Pulau Pinang perlu membayar caj air mentah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang RM6 juta setiap tahun bermula 1 Januari 2016. Sebelum ini RM0.03 sen sekarang RM0.06 sen untuk per *cubic meter*. Jadi PBA perlu bayar caj air mentah kepada pihak Kerajaan Negeri. Mungkin ini menjadi salah satu sebab mengapa caj tarif air kepada rakyat Negeri Pulau Pinang agak tinggi dan membimbangkan sedangkan dulu Kerajaan Barisan Nasional tak pernah caj air mentah ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan. Sepatutnya saya mahu membetulkan Yang Berhormat. Sebelum ini dia dicaj RM0.03 sen dan dahulu pun ada caj bukan tidak ada caj langsung. Dan caj ini boleh disemak setiap tiga (3) tahun. Setelah sekian lama kita tidak semak. Jadi kali ini kita naik pada RM0.06 sen itupun hasil kepada Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri pun ada kepentingan untuk menyelenggara sungai dan sebagainya. Jadi kalau ada sumber pendapatan daripada air mentah jadi dari manakah sumber yang hendak kita berbelanja untuk *maintenance* sungai dan lain-lain.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Terima kasih di atas penjelasan. Terima kasih banyak dan mungkin juga punca kenaikan ini kerana PBA terpaksa menanggung hutang...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti. Siapa punya bunyi telefon bimbit?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Ini mungkin akan dijelaskan nanti. Kedua penjelasan mengenai kedudukan staf pengurusan atasan PBA Pulau Pinang. Pertamanya berkaitan dengan komposisi kaum dan kedua berkenaan dengan isu pengambilan pegawai CFO (*Chief Finance Officer*)(dengan izin). PBA Pulau Pinang yang baru. Adakah pengambilan pegawai CFO ini mengikuti kriteria dan tatacara pengambilan seperti iklan, proses temu duga dan tawaran mohon diberikan penjelasan berkaitan perkara ini.

Ketiga penjelasan yang saya bangkitkan dalam persidangan yang lalu berkaitan bilangan Ahli Lembaga Pengarah PBA Pulau Pinang yang saya lihat masih terlalu ramai yang telah dibangkitkan dan belum dapat penjelasan. Apakah rasional diwujudkan terlalu ramai diletakkan terlalu ramai Ahli Lembaga Pengarah berbanding dengan fungsi PBA Pulau Pinang hanyalah *single purpose*(dengan izin) dan ia meningkatkan perbelanjaan mengurus PBA Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Tak boleh. Saya nak cepat habis. Minta maaf saya nak habiskan sebab...(gangguan). Saya lemah.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya hanya nak tanya pasal sebut pasal kos yang PBA kena tanggung sebab saya juga dapat jawapan daripada pihak Kerajaan berkenaan kos RM10 juta yang dibayar ditanggung oleh PBA untuk *sponsor* kelab Persatuan Bolasepak Pulau Pinang dan *so far total* jawapan yang saya terima RM16 juta. Saya rasakan kalau permainan bolasepak ini kenapakah Kerajaan Negeri tak nak panggil atau jemput syarikat yang ada produk-produk untuk sebab ini membebankan GLC sebuah syarikat kerajaan. RM10 juta yang ditanggung tahun lepas *so far total* RM16 juta, jadi saya nak tanya untuk mengurangkan beban kepada PBA rasanya kalau untuk bola sepak boleh dipanggilkan syarikat-syarikat yang memang nak *promote* produk dia dan juga lagi satu kenapa ambil pemaju untuk menjadi *sponsor* sebab kerisauannya apabila kita ambil pemaju perumahan ini mungkin kenapa dia nak beri RM3 juta kalau *sponsorship* dia sebagai pemaju dia bukan ada produk apa-apa nak dijual. Baik kita dapatkan *sponsorship* untuk bolasepak Pulau Pinang daripada syarikat-syarikat memang nak memasarkan produknya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Okey, berkaitan dengan *sponsorship* tajaan untuk FAP. Yang saya tahu pada tahun ini PBA dah tidak ada *team* dia. Dah masuk pertandingan sebab dia terpaksa sumbangkan kepada CSR (*Corporate Social Responsibility*) kepada pihak FAP jadi kalau Kerajaan Negeri dapat mencari *sponsorship* adalah lebih baik kita minta Pantai Jerjak tolong carilah. Dia pandai cari *sponsorship* untuk team Pulau Pinang. *Team* Pulau Pinang pun semakin hari semakin merosot kenapa. Saya dulu mai stadium mai tengok bola. Bawa isteri sama mai tangok penuh sekarang pun dah mula kurang jadi kena buat sesuatu kepada Padang Lalang. Kena buat sesuatu untuk pasukan Pulau Pinang supaya lebih kuat, lebih mantap dan boleh bersaing. Sekarang tangga *second last*, tangga kedua terbawah amat melemah dan memalukan kita.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Ya, memang betul memalukan tapi kalau banding dengan Malaysia *team* main dengan siapa dia kalah 10 kosong itu. Kalah 10 kosong jadi tak payah nak sindir nak cakap apalah. Ini seluruh Malaysia, satu Malaysia ini macam...(gangguan). Nanti minta dari Sungai Dua. Ya, dahulu pun memang bolasepak Malaysia memang unggul di Asia kalah Korea pun. Sekarang apa ini. Ini bukan kerana Pulau Pinang kerana satu Malaysia jadi...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan. Minta laluan Sungai Dua. Saya secara peribadi, saya amat kecewa dengan jawapan daripada EXCO sebab saya nampak di dalam Dewan ini di pihak Kerajaan Negeri terlalu

defensive. Apabila kita bercakap tentang Pulau Pinang, bangun dan membandingkan seolah-olah 'Oh apa salahnya kita teruk, Malaysia pun teruk'. Kita tidak boleh buat macam ini. Kita bercakap dalam konteks Pulau Pinang. Kelmarin saya cakap tentang bukit botak, bangun Yang Berhormat tunjuk contoh Kedah pun teruk. Kenapa guna benda-benda yang perbandingan dengan negeri-negeri lain.... (gangguan). Bukan saya emosi, saya rasa YB. Padang Lalang, Yang Berhormat menjalankan tugas sebagai EXCO. Hari ini kami hadir dan timbulkan apa yang kita nampak, yang kita rasa. Tidak perlu *defensive* sepatutnya kita cari penyelesaian jangan beri jawapan seolah-olah kita marah pada anak kenapa tak dapat SPM 9A, dia jawab mak pun dulu dapat 1A saja. Tak boleh macam ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Minta laluan. Ini kami akui..(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pandang ke sini. Duduk.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Kalau teruk, kita akui saja.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini semua mic dok buka ni kenapa.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Sungai Dua, adakah langkah-langkah atau apa-apa cadangan yang boleh diperbaiki. Saya nak tanya cadangan. ...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Itukan tanggungjawab EXCO...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Sungai Dua, saya bersetuju pun salah. Saya tak setuju pun salah. Apa ni...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Semua Yang Berhormat duduk.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk. *Cool, cool*. Sila Sungai Dua. Bola sepak.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sungai Dua beri laluan. Satu minit saja...(gangguan). YB. EXCO Padang Lalang, bagi banding Malaysia, kenapa tak banding dengan Johor, JDT *champion Asia Cup*. So Pulau Pinang patut *champion Asia Cup* juga. Itu kita kena letak azam. Tak cukup. Nak lepas geram ni.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, sudah. Pulau Pinang pun ada wawasan. Sila Sungai Dua.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

EXCO jawab macam ni ke. Mana boleh.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Boleh beli semua pemain-pemain yang unggul...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup. Ex mantan EXCO pula nak jawab. Berapit. ..(gangguan) Sungai Dua nak beri laluan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Sebab merosot bukan masalah Kerajaan. Dia impak hati rakyat, sifat....(gangguan). Pada tahun 70-an, 80-an sukan di Negara Malaysia memang kuat. Sebab semua rakyat bersatu padu, satu hati untuk bangunkan demi Malaysia. Dan selepas itu kita dapat *donation* daripada Dunhill, 555 tapi disebabkan negara kita beragama Muslim ini tidak halal, so habislah semua *donation* yang besar-besar untuk menolong pembangunan sukan. So *sponsorship* dari bank pula kita mencari. Maybank menganak angkatkan semua badminton *player* waktu 80-an tapi sekarang tak. Susah bagi satu negeri jika tidak ada *sponsorship* daripada swasta dan saya harap barisan sana juga kalau berminat kepada sukan bekerjasama, cari *sponsorship*. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Empat puluh lima mint. Tamat separuh waktu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Bola sepak, sukan perlu semangat yang tinggi. Saya nampak semangat sudah luntur menyebabkan semangat ke arah profesional, depa nak cari duit. Bila duit di hadapan, apa pun akan rosak. Main pun tidak bersungguh-sungguh kerana takut kecederaan dan sebagainya. Ini menyebabkan prestasi semakin hari semakin merosot. Dan ini saya rasa kita cari satu saya minta Padang Lalang cari satu kaedah untuk kita mengembalikan zaman awal musim dulu. Diawal musim cantik, lepas setengah musim dia jatuh...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Laluan, laluan, menyakitkan hati. Ini EXCO, macam mana Yang Berhormat...(gangguan). Ini betul-betul sakit hati.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Kesihatan adalah perkara yang amat penting. Akal yang cerdas lahir daripada tubuh yang sihat. Langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mewujudkan pemasangan AED untuk pesakit jantung yang saya tengok dalam ucapan. Sakit jantung di tempat awam amat dialu-alukan tapi perlu dilaksanakan dalam bilangan yang memberi impak kepada rakyat tapi kalau letak satu saja, dua, tiga saja, tak memandai begitu juga dengan program *My maps @ Mymaps* untuk mengurangkan populasi nyamuk Aedes, dan demam denggi amat memerlukan komitmen daripada komuniti kalau komuniti tak terlibat bersama sebarang bentuk program berbentuk macam ini tidak akan mencapai kejayaan. Di setengah kawasan termasuk di Sungai Dua kita ada KOSPEN. KOSPEN lapan (8) dibawah KEMAS dan juga tujuh (7) di bawah Jabatan Perpaduan, KOSPEN satu kelompok yang di *traine* untuk dilaksanakan aktiviti kesihatan kepada masyarakat kampung secara berkala. Maknanya setiap bulan ataupun setiap dua (2) minggu sekali diadakan pemeriksaan kesihatan dan sebagainya untuk kesihatan rakyat tanpa mengira pegangan politik, kita wujudkan KOSPEN di setiap komuniti. Jadi kalau boleh juga pihak Kerajaan Negeri melihat bagaimana kita nak melibatkan masyarakat dalam segi kesihatan kadang-kadang kita jemput ke ceramah dia tak mai, KOSPEN ini kita gerak ke rumah, kita buat program rumah ke rumah untuk kita *check* kesihatan dia, gula, tekanan darah dan sebagainya di samping kita beri khidmat nasihat yang lain.

Seterusnya meningkatkan pemilikan rumah, rakyat Pulau Pinang semakin bertambah, keperluan rumah semakin meningkat, keperluan rakyat tertumpu kepada rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah dengan pendaftaran PN1 dengan Perumahan Negeri telah meningkat mencecah ke 35,000 lebih. Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu memikirkan merancang dan membina lebih banyak rumah kos rendah dan rumah kos sederhana. Setakat ini hanya 20% dibina oleh Kerajaan Negeri *targetnya* 7,874 ini jawapan soalan bertulis pencapaian hanya 1,618 untuk rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Rumah PPR juga perlu diberi perhatian dan dilaksanakan pembinaannya daripada 2008 hingga kini belum ada rumah PPR yang dibina oleh Kerajaan Negeri untuk kemudahan rakyat yang memerlukan. Kerajaan Negeri perlu merancang dan melaksanakan pembinaan rumah PPR untuk kemudahan rakyat yang memerlukan. Dan di sewa kepada rakyat miskin yang memerlukan rumah untuk berteduh, tanah milik Kerajaan Negeri, tanah PDC, tanah PBT boleh digunakan contohnya tanah di Sg. Aceh boleh digunakan untuk membina rumah PPR dan pusat telah membina rumah sebegini dibawah KPKT, dibawah JAWHAR dan lain-lain Kementerian.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan, saya nak tanya Yang Berhormat daripada Sungai Dua. Sedarkah ada satu taman, Taman Sejahtera di mana rumah kos rendah telah terbina tetapi tidak bagi kepada sesiapa juga, daripada 40 lebih yang 12 unit ada diduduki yang baki belum. Ini di Telok Ayer Tawar kemungkinan di Ketua Pembangkang boleh bagi satu penjelasan, kerana ini juga tanah yang diguna adalah tanah agama iaitu Baitulmal. Apakah masalah sehingga tanah ini sekarang saya difahamkan ada OA, apakah masalahnya?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih YB. Sungai Puyu, saya, yang saya faham rumah ini adalah rumah dibawah tanah Baitulmal dan diserahkan kepada pemaju swasta untuk pembangunan dan menghadapi masalah daripada tahun 90an, 97, 96 telah terbengkalai rumah dan dipulihkan oleh SPNB. Rumah itu semua sudah ada pemilik kecuali rumah kos rendah rumah yang kos sederhana semua dah ada pembeli, dan pembeli ini terpaksa menanggung hutang sehingga dipulihkan pada tahun 2007, tahun 2008 tapi rumah ini dah dimasukkan dalam Insolvensi, mufliis sebab pembeli-pembeli itu banyak yang bermasalah tak bayar hutang bank dan sebagainya jadi terpaksa selesaikan isu itu dulu dan sekarang pakat jualan dah mula dijual.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya percaya ini tidak masuk akal, kerana ketika pembeli ada pembeli bersama dengan bank sahaja, tetapi tanah ini untuk rumah kos rendah ini telah sekarang ada di OA mengapa kejadian macam ni? Adakah pada mulanya di mana tanah ini telah diambil telah dicaj dengan bank masalah-masalah ini telah berbangkit kerana ini amat penting kerana terlibat dengan rumah kos rendah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey. Terima kasih, saya nak jelaskan banyak pun tak boleh.(gangguan). Seterusnya Kerajaan Negeri juga patut cuba untuk membina, pusat juga telah membina rumah *rent to own* oleh Perda di Paya Tok Akil di Tasek Gelugor, kalau boleh Kerajaan Negeri juga cuba untuk membina dengan konsep *rent to own*. Maknanya kita buat rumah, lepas itu dia bayar secara bulanan kepada pihak-pihak kerajaan ataupun pihak pemaju, selalunya projek bawah kerajaan pemaju mungkin susah, PDC mungkin boleh buat *rent to own*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya minta satu penjelasan kerana saya tertarik bahawa PERDA sekarang membina rumah *rent to own*, saya nak minta bahawa dari sejak 90-an cuma beberapa tanah telah diambil melalui Akta Tanah Kerajaan Negeri kepada PERDA jumlah berapa telah dimajukan, jumlah berapa yang telah dilupus jual kepada lain orang kerana saya difahamkan bahawa Tasek Gelugor sana memang ada lebih 400 ekar, apakah yang terjadi tanah-tanah itu, tanah PERDA.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey, seterusnya saya mengharapkan dari segi isu perumahan supaya pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang prihatin tentang masalah rakyat dengan dasar satu keluarga, satu rumah yang ini perlu merancang dan melaksanakan dengan kadar segera pembinaan rumah *low cost* kos rendah dan kos sederhana rendah, rumah PPR mungkin rumah *rent to own*(dengan izin) untuk rakyat bersama-sama dengan pihak agensi kerajaan mahupun pihak swasta. Pembinaan rumah mampu milik yang

banyak, yang tidak banyak menyelesaikan pemilikan rumah untuk keluarga yang miskin pendapatan rendah. Rumah mampu milik dan rumah PR1MA juga meletakkan harga yang sama dengan rumah mampu milik untuk golongan yang mempunyai pendapatan yang agak tinggi dan dengan harga yang agak tinggi juga mungkin RM300,000 di Pulau, 250 ribu di Seberang, ianya mungkin selesaikan masalah mungkin juga golongan sasar yang lain.

Pembangunan Belia dan Sukan, Pertubuhan Belia dan Persatuan Belia yang ada sedia ada perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kebanyakan belia-belia di kawasan luar bandar, pinggir bandar menyertai pertubuhan belia yang berdaftar. Gunakanlah *network* rangkaian yang ada ini...(dengan izin) untuk membantu belia dalam bidang pentadbiran organisasi, ekonomi, sosial, kemasyarakatan dan sukan, janganlah fahaman politik jadi batu penghalang melibatkan semua pertubuhan belia dalam setiap perancangan program. Belia-belia melihat apa sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang oleh mereka, jangan hanya tertumpu kepada mereka yang tertentu saja dibawah *Penang Youth Development Corporation*. Hal Ehwal Agama....gangguan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta perhatian YB. Sungai Dua, sebelum melangkah keluar daripada isu ini, saya nak minta juga sebagai contoh yang disebutkan oleh YB. Sungai Dua tadi ini. Ada satu Persatuan Bina Badan di Balik Pulau yang telah pun membuat latihan dan persiapan begitu lama. Sehubungan apa yang disuarakan oleh YB. Sungai Dua tadi mungkin boleh jawab kemudianlah, ada satu Pertubuhan Angkat Berat, Bina Badan di Balik Pulau yang telah pun membuat persiapan untuk satu pertandingan kejohanan di Pahang baru-baru ini, mereka telah membuat kertas kerja, hantar kepada pihak tak salah saya MSN atau pun saya tak pasti siapa dia tapi akhirnya *last minute* nak pergi esok hari, sehari sebelum, dimaklumkan yang tidak diluluskan. Satu contoh so saya berharap kepada pihak EXCO, kalau boleh diberi peluang kepada semua pertubuhan- pertubuhan tak kira pertubuhan di mana saja mereka berada supaya mereka diberi sedikit peruntukan untuk menyertai pertandingan-pertandingan daripada Pulau Pinang ini. Sama ada dibawah Majlis Sukan Negeri ke Majlis Sukan dan sebagainya, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih. Seterusnya Hal Ehwal Agama. Organisasi Masjid dan Kariah perlu diperkukuhkan melalui pendekatan yang bijaksana pentadbiran dan pengurusan masjid perlu diberi bantuan dan tunjuk ajar. Sediakan kursus-kursus untuk AJK Masjid dalam memantapkan pentadbiran serta menyusun aktiviti dan program yang memberikan impak yang terbaik kepada anak- anak Qariah. Banyak masjid-masjid dan surau yang uzur yang memerlukan bantuan dan sumbangan pembaikan, ini perlu juga dilihat oleh pihak Majlis dan pihak Jabatan Agama termasuk EXCO, ADUN Batu Maung. Kebanyakan masjid-masjid mempunyai hartanah dan kawasan yang boleh dibangunkan untuk menjana dana untuk masjid. Mohon Kerajaan Negeri melalui majlis dan JAIPP menubuhkan koperasi-koperasi di masjid dan seterusnya mengadakan program ekonomi untuk menjana pendapatan bagi masjid-masjid yang terlibat.

Terdapat isu-isu yang ingin dibangkitkan untuk perhatian dan tindakan Kerajaan Negeri dan jabatan agensi, yang pertama isu pusat judi di Juru, saya sering ke Juru untuk membayar kad kredit *Citibank*, *Citibank* ada di situ dengan di Penang dan apa yang saya lihat terlalu banyak kedai-kedai judi yang muncul di kawasan Juru lebih kurang 40 hingga 50 buah kedai-kedai judi di kawasan Autocity, di kawasan Juru ini perlu diberi perhatian dan juga tindakan oleh pihak yang terlibat.

Isu perumahan PR1MA, *Alhamdulillah* pihak PR1MA, akhirnya menyelesaikan kemelut yang dihadapi dan membantu menjawab persoalan-persoalan yang timbul berkaitan dengan pembinaan rumah PR1MA di Pulau Pinang. Apa yang dijelaskan pihak PR1MA telah masuk memanjangkan pelan permohonan merancang dan juga ada dua (2) projek yang lulus untuk PR1MA di Negeri Pulau Pinang, *Insya-Allah* PR1MA akan membangunkan projeknya secepat mungkin untuk membantu menyelesaikan isu-isu perumahan bagi yang mendaftar rumah PR1MA. Seterusnya isu yang berkaitan dengan pengecatan laluan basikal. Saya lalu di Pulau Pinang jadi saya tengok laluan basikal yang disediakan dengan cat hijau, dia masuk pergi merata, kadang-kadang membahayakan, dia tak ikut satu konsep satu reka bentuk yang sesuai tak tau lah mungkin pembinaan secara tergesa-gesa ataupun nak cepat nak buat dan sebagainya dengan perbelanjaan yang agak tinggi mungkin saya faham RM30 juta untuk pembinaan laluan basikal sepanjang 12.5km jadi ini perlu jelaskan mengapa laluan basikal itu nampak tak cantik, nampak, kalau orang luar tengok, pelancong tengok nampak kalau dalam bahasa saya ini koman, nampak lekeh. Jadi ini perlu diberikan penjelasan.

Seterusnya saya nak akhirkkan isu-isu yang terdapat di kawasan Sungai Dua yang perlu juga saya bangkitkan di sini. Yang pertama isu berkaitan dengan tanah perkuburan. Saya bangkitkan dalam persidangan yang lepas tentang kekurangan tanah kubur di kawasan kariah yang semakin kecil, semakin penuh. Dia bukan kecil, dia penuh tapi padat. Jadi kalau boleh pihak Majlis melihat, pihak Majlis dan juga

EXCO Agama tentang kawasan perkuburan yang sudah semakin penuh dan perlu ditambah, contohnya di Masjid Sungai Lokan, Masjid Sungai Dua, dekat balai polis. Memang terlalu padat dengan pertambahan penduduk dari taman-taman perumahan.

Kedua, tentang isu nelayan sungai, saya mendapat jawapan daripada soalan bertulis berkaitan dengan nelayan sungai, di Sungai Dua paling ramai, seramai 40 orang nelayan sungai. Tidak ada sebarang bentuk perhatian yang diberikan kepada nelayan sungai yang ada di kawasan Sungai Dua, Labuh Banting dan juga di kawasan Kampong Terus, di sebelah Penanti dan Permatang Pasir juga ada nelayan sungai. Kerajaan Pusat memberikan RM200.00 sebagai elaun bulanan kepada nelayan sungai yang perlu mematuhi kriteria nelayan sungai. Ia perlu melibatkan 25 hari menjalankan kerja dan pendapatan tidak kurang 25% daripada sumber sungai, kriteria ini perlu dipenuhi. Cuma apa yang saya harapkan supaya perhatian, peruntukan dan bantuan sebagainya perlu disalurkan kepada nelayan sungai, walaupun kecil bilangannya tetapi mereka memerlukan sumbangan yang setanding dengan apa yang disalurkan kepada nelayan sisir pantai.

Di Sungai Dua kita ada sebuah kelab warga emas dalam kawasan klinik Sungai Dua. Sebuah tempat di mana warga-warga emas dan pesara-pesara berkumpul untuk menjalankan aktiviti-aktiviti untuk menghabiskan masa lapang, aktiviti kelas agama, menanam pokok-pokok buah-buahan dan sebagainya. Cuma kita mohon untuk dinaiktarafkan kelab warga emas ini supaya lebih banyak kemudahan boleh diberikan. *Insyah-Allah* saya sudah bincangkan dengan pihak TKM dan beliau akan memberi perhatian untuk menaikkan taraf kelab warga emas. Warga emas ini pun perlukan tempat untuk berehat dan berbincang, kalau tidak dia akan jadi macam-macam masalah.

Terdapat masjid dan surau yang memerlukan peruntukan pembaikan. Surau di kawasan Permatang Tiga, di Kampong Paya, Taman Desa Murni, rumah kluster memerlukan pembaikan. Begitu juga dengan masjid yang akan dibina baru di kawasan Permatang Bogak dan kawasan Sungai Lokan. Di situ merupakan masjid yang akan dibina baru dan akan dimulakan pengutipan wakaf atau pun sumbangan bagi tujuan pembinaan tersebut. Kalau boleh ini dimasukkan, saya sudah masukkan dengan ICU dan mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh sumbangkan melalui peruntukan di bawah Majlis dan sebagainya.

Pembinaan bangunan tambahan Sekolah Agama Rakyat Permatang Buloh yang semakin penuh dengan pelajarinya dan perlu dibina sebuah bangunan tambahan untuk kemudahan pelajar di kawasan tersebut. Isu peniaga-peniaga di kawasan tepi jalan yang banyak di kawasan Sungai Dua, di kawasan tepi jalan membina gerai-gerai kecil yang kadang-kadang menjadi masalah dan perlu dirobuhkan dengan mendapat kompaun daripada MPSP. Ini perlu dilihat dari segi menyediakan tempat-tempat yang lebih sesuai dan selesa untuk mereka berniaga dan mungkin disediakan di kawasan-kawasan yang tertentu yang boleh dibina gerai-gerai dan sebagainya untuk tujuan peniaga ini berniaga di tepi jalan dan ke dalam sedikit, ianya tidak boleh di tepi jalan. Ini perlu diperjelaskan kepada pihak peniaga. Kadang-kadang peniaga salahkan kita merobuhkan dan sebagainya tetapi ianya perlu ada satu pendekatan yang boleh kita buat untuk membolehkan peniaga berniaga.

Pelaksanaan *agro tourism* di kawasan Sungai Dua, permohonan ini telah kita masukkan kepada pihak PERDA dan juga pihak Kementerian Pelancongan. Jadi kita mengharapkan supaya penglibatan bersama dengan pihak EXCO Pelancongan untuk melihat apa yang boleh kita bangunkan di kawasan Air Itam Dalam dan juga di kawasan Lahar Yooi termasuk di bawah Homestay Kampong Lahar Yooi terlibat dengan *agro tourism* tersebut.

Yang terakhir sekali dari segi pelepasan ikan keli ke dalam sungai, saya sudah bangkit dahulu tetapi masih lagi berlaku dan kita harap tindakan yang lebih tegas akan diambil untuk mengurangkan pelepasan ikan keli di dalam sungai. Ini merupakan masalah yang menghantui nelayan sungai di kawasan tersebut kerana ikan-ikan dan anak-anak ikan banyak yang dimakan oleh ikan-ikan keli yang dilepaskan ke dalam sungai. Seterusnya saya(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Penjelasan. Di sini saya hendak beri satu maklumat bahawa tindakan telah diambil kepada mereka yang mewakili persatuan-persatuan tersebut. Saya difahamkan mereka tidak boleh melepaskan ikan keli kerana ini menjejaskan tangkapan udang galah di sana. Di sini pihak MPSP juga telah mengambil tindakan dan di tempat-tempat di mana mereka selalu berkumpul dan melepaskan, kami juga telah meroboh kemudahan-kemudahan di sana. Untuk makluman saya masih memantau keadaan di sana.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih. Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada pihak jabatan dan agensi yang telah banyak membantu saya di peringkat kawasan dan telah memberi sokongan dalam menyelesaikan masalah-masalah dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak jabatan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Saya dulu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dia belum habis lagi. Sudah habis kah? Silakan YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang di-Pertua Dewan, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Pengarah-pengarah, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian, *Alhamdulillah* terhadap Allah S.W.T., sekarang sudah hampir sepuluh minit ke 10 malam. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. Kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas Negeri Pulau Pinang pada 10 Mei 2016 bertempat di Dewan yang mulia ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan, saya ingin merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama iaitu di mukasurat 2, perenggan 3, saya ingin membaca apa yang dinasihatkan oleh Tuan Yang Terutama kepada kita Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Adalah menjadi harapan saya bahawa Dewan yang mulia ini akan menjadi medan terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu khusus yang melibatkan kepentingan rakyat. Justeru, dengan amanah yang diberikan, keutamaan semua wakil rakyat adalah untuk hadir ke Dewan ini untuk berbahas dan membawa suara akar umbi merentasi kepentingan agama, kaum, politik dan sosial. Kita juga dinasihatkan supaya membahaskan dengan teliti dan menyampaikan secara intelektual dan bukan secara emosi serta tanpa etika. Saya amat setuju sekali YB. Yang di-Pertua dengan nasihat dan kata-kata yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama. Saya berharap bahawa Ahli-ahli Dewan yang mulia ini akan sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan untuk Dewan ini. Kita selaku Ahli Dewan seharusnya menghormati keputusan YB. Dato' Speaker semasa perbahasan.

Saya ingin meneruskan dengan isu pertama iaitu berkaitan dengan isu Ampang Jajar di Rantau Panjang di kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga. Seperti mana yang diketahui umum satu protes terhadap masalah berlaku di kawasan saya dan keratan surat khabar yang ada pada saya ini yang dikeluarkan oleh Sinar menunjukkan bahawa kemarahan petani-petani kepada PBA iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri kerana bagi mereka berlaku pembaziran air ketika waktu di mana Negara dan Negeri Pulau Pinang dilanda musim kemarau dan ditambah lagi dengan *super* el nino, fenomena *super* El-Nino. Jadi bagi mereka air adalah amat penting sekali untuk disalurkan ke sawah-sawah supaya padi boleh ditanam mengikut jadual yang ditetapkan. Mereka faham bahawa air juga begitu penting untuk kegunaan lain. Tetapi apa yang mereka kurang faham ialah kenapa dibiarkan air mengalir ke laut padahal pada ketika itu Negeri Pulau Pinang mengalami masalah kekurangan hujan bukan sahaja di Pulau Pinang malah di seluruh negara kita menghadapi masalah yang sama. Bagi saya, tindakan mereka, mereka mahu masalah yang mereka dihadapi diselesaikan, mereka tidak akan faham jika kita beritahu ada masalah dari segi ampangan yang telah dibina itu berusia 43 tahun dan dari segi kejuruteraan ia tidak boleh diletak benda yang berat, mungkin ampangan itu akan pecah langsung dan mengakibatkan berlakunya air laut masuk ke kawasan air bersih dan pelbagai masalah lain. Bagi saya, saya harap dan pagi tadi soalan ini telah pun dijawab oleh YB. Bagan Jermal, saya dengar, seperti yang saya katakan tadi, petani-petani mahu perkara ini diselesaikan, itu sahaja. Apa yang diberitahu pagi tadi oleh YB. Bagan Jermal bahawa satu kajian akan dibuat dan projek-projek ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan. Saya kata projek ini akan dikendali oleh Kerajaan Pusat dan bukan Kerajaan Pulau Pinang. Jangan salah, Kerajaan Pusat telah melantik satu juru perunding untuk membuat kajian mengenai *barrage* dan juga timbangan Sungai Muda dalam RMK-11, bukan Kerajaan Pulau Pinang, okey.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Tidak mengapa. Bagi saya sekurang-kurangnya ada pihak yang mengambil perhatian dalam perkara ini. Tetapi kalau kita hendak tunggu projek itu dilaksanakan dalam RMKe-11, saya rasa ia akan mengambil masa yang lama. Jadi bagi saya, pihak Kerajaan Negeri seharusnya mencari jalan *temporary measures* supaya masalah pembaziran air tidak akan berlaku dimasa hadapan. Kita tahu bahawa sebelum ini berlaku musim kemarau. Dan saya percaya seperti yang dimaklumkan ia akan berlaku lagi. Jadi fenomena in akan berterusan jika projek yang mungkin akan dilaksanakan dalam RMKe-11 itu akan dilaksanakan kita sebenarnya kita pun tidak tahu lagi bila. Jadi bagi saya petani-petani ini adalah rakyat Pulau Pinang. Dan Kerajaan Negeri saya tahu adalah duit, Kerajaan Negeri dalam ucapan Bajet tahun sudah mengikut YB. Air Putih, simpanan terkumpul Negeri berjumlah RM880.75 juta pada akhir tahun 2014. Jadi bagi saya kalau kita hanya mememikirkan projek-projek mega sahaja untuk di Pulau. Saya rasa kita Kerajaan Negeri tidak berlaku adil kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Jadi bagi saya sebagai ADUN Kawasan dan Ampang Jajar itu dalam kawasan saya, saya harap dan merayu kepada Kerajaan Negeri supaya mencari jalan menyelesaikan masalah ini sebelum projek besar dilaksanakan dalam RMKe-11. Kalau kita hendak menunggu pelaksanaan projek yang dicadangkan dalam RMKe-11 kita pun tidak pasti lagi, padahal musim kemarau dan fenomena *El-Nino* mungkin akan berlaku tahun depan. Jadi saya rasa kita perlu ambil tindakan proaktif.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat mohon penjelasan. Ini saya sudah menjawab dan ramai dikalangan Yang Berhormat di sana faham perkara ini. Masalah sekarang adalah kerana Empangan Beris dan Empangan Muda dia melepaskan air untuk keperluan muka sauh oleh SADA. SADA itu adalah di Negeri Kedah. Sebab apa kepala pam mereka itu agak tinggi dari kita, jadi kalau dia tidak lepaskan air untuk memenuhi *level* atau paras air yang dikehendaki supaya pam mereka berfungsi, maka itu masalah. Jadi cara yang terbaik Yang Berhormat, sama-sama kita dan telah pun PBA berbincang dengan SADA, Kerajaan Negeri Kedah untuk mereka merendahkan kepala pam di kawasan mereka supaya kita boleh mengurangkan pelepasan air daripada Empangan Beris dan Empangan Muda. Jadi kalau dia mengurangkan pelepasan air maka limpahan di Ampang Jajar atau Rantau Panjang itu tidak begitu banyak, dia tidak limpah banyak. Itulah caranya yang jangka pendek yang boleh kita buat. Yang Berhormat boleh?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya mungkin faham. Petani-petani dibawah tidak faham. Itu maksud saya. Jadi saya mahu Kerajaan Negeri mengambil tindakan proaktif selesaikan masalah itu. Bukan saya hendak selesaikan (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat sebagai ADUN kawasan sana dan petani-petani adalah anak buah atau pengundi-pengundi di kawasan Yang Berhormat adalah boleh memikul tanggungjawab ini untuk menjelaskan kepada petani-petani berkenaan hal ini.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain bin Ahmad):

Okey tidak mengapa. Bagi saya ini bukan hanya masalah petani-petani dikawasan saya sahaja. Sebab saya telah bertanya soalan bertulis dan jawapan kepada soalan bertulis saya berkaitan dengan jumlah petani-petani di Negeri Pulau Pinang dan apa yang ada pada saya menunjukkan bahawa petani-petani di seluruh Negeri Pulau Pinang berjumlah 9,906 orang. Dan dikawasan Penaga sahaja berjumlah 2,898 orang, Pinang Tunggal 1,230, Bertam 312, Telok Air Tawar 763, Sungai Dua 1,763 dan Permatang Berangan 926. Yang lain saya tidak ambil kira kalau saya kumpulkan campurkan semua ini sehingga Permatang Berangan jumlah yang ada ialah 7,890 orang. Jadi bagi saya mereka perlu diberi pembelaan dan apa pun Kerajaan Negeri lah yang bertanggungjawab kepada rakyat di luar bandar sama. Bukan hanya di Pulau sahaja. Bagi saya kita makan nasi hari-hari. Jadi beras itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Perai (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mohon laluan Yang Berhormat, sebab sebut petani banyak sangat ini, saya kena bangkit. Saya hendak beritahu YB. Penaga, masalah pengairan sawah padi di Pulau Pinang memang masalah dihadapi bukan di Pulau Pinang sahaja. Bahkan disemua negeri dikawasan utara kerana fenomena El-Nino. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa maklumat yang kita dapat hanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja yang mengadakan mesyuarat berkala tiap-tiap minggu membincangkan masalah pengairan di Pulau Pinang yang dipengerusikan sendiri oleh EXCO Kerajaan Negeri. Berbanding dengan Negeri-negeri lain itu yang pertama.

Keduanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menulis surat dan bersedia untuk mengeluarkan peruntukan untuk melakukan pembenihan awan dan kita umumkan dan uar-uarkan dalam media bahawa kita sanggup untuk keluarkan dana untuk membela nasib petani-petani ini. Adakah Yang Berhormat sedar tentang perkara ini.

Ketiganya tentang isu baraj PBA, ini seperti yang diterang oleh YB. Bagan Jermal. Sejak daripada pagi tadi isunya bukan hanya di baraj PBA. Isunya lebih besar, isunya termasuk Empangan Beris, Empangan Muda. Saya sendiri ambil peluang untuk lihat sendiri Empangan Beris sekarang ini. Air itu hampir tiada. Jeti itu tergantung semua. Dan kita tidak tahu bila hendak *replenished*. Keluar pulak di surat khabar tempat dekat sini berlaku pembalakan yang luas. Jadi apa sumber air lagi yang kita ada. Sebab itu, kalau isu air ini ambil, saya nasihatkan YB. Penaga tidak payah politikkan. Tak perlu politikkan. Tak perlu kata ini tanggungjawab Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan. Ini tanggungjawab kita bersama. Orang UMNO pun ambil air yang sama, oran KEADILAN pun ambil air yang sama, itu.... (gangguan). Itu saya kata sebut, saya sebut Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat kena bekerjasama itu yang kita sebut, saya sebut dari tadi kita kena bekerjasama.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Dengar dulu.

Ahli Kawasan Seberang Perai (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Kita kena kerjasama dari semua pihak tidak perlu kata ini tanggungjawab Kerajaan Negeri ini tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Tidak. Kita berbincang semua. Saya cukup terima kasih pada semua agensi yang cukup bekerjasama. Dari Agensi Persekutuan dan Agensi Negeri yang datang bermesyuarat berbincang masalah ini tiap-tiap minggu. Dan kita ambil maklum masalah baraj PBA ini kerana *design* dia dah 43 tahun. Adakah Yang Berhormat, Yang Berhormat seorang peguam, saya seorang doktor perubatan kita tidak tahu soal *engineering*, kita tanya pakar. Tanya pada mereka yang jurutera, mereka beritahu kita perlu buat *study* yang menyeluruh tentang struktur PBA punya baraj ini. Kena buat *study* tentang kedudukan sungai ini bagaimana kita hendak salirkan air ini kepada petani. Jadi kita terangkan pada petani. Apa yang susah sangat YB. Penaga.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambah sikit. Dia isu ini adalah. Saya faham. Dia cuma berkaitan dengan masyarakat kampung. Dan saya tahu kita ada perbincangan dalam mesyuarat. Dan saya harap tindakan yang telah diberikan oleh pihak Bagan Jermal hendak buat kajian mungkin Kerajaan Pusat buat kajian. Kajian patut kena buat. 2014 kata hendak buat kajian tapi sampai sekarang masih tidak buat lagi. Kita buat kajian bagitahu kepada masyarakat petani kita dah buat kajian lepas tu perbincangan dengan SADA kita akan buat. Untuk kita selesaikan masalah pam itu. Lepas itu kita ambil jalan tengah sama-sama kita usahakan supaya petani nampak ada usaha diperingkat semua pihak untuk selesaikan masalah ini.

Yang di Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan. Dewan akan bersidang pada hari esok Jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.15 minit malam.